

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 18 OGOS 2014

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias, D.P.N.S., P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Dato' Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, D.P.N.S., J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., J.P., K.M.N., A.M.N.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, D.N.S., P.M.C.	Sungai Lui

BIL.	NAMA	ADUN
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Lingga
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Reparah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., P.A.T., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Tuan Iskandar Ali bin Dewa)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Cik Nursheeba Laili bt. Safian)

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Persidangan Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Susunan mesyuarat, perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Klawang.

[Y.B. ADUN Klawang telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Segala puji bagi Allah, tuhan seru sekelian alam, selawat dan salam buat junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita masih diberi kesempatan oleh Allah s.w.t. untuk bersama-sama di Persidangan Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13 pada pagi ini. Sebelum memulakan persidangan, seperti biasa saya ingin mengingatkan ahli Yang Berhormat supaya sentiasa menjaga keharmonian Dewan yang mulia ini, serta mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan sepanjang tempoh persidangan hari ini. Sekian, selamat bersidang.

3. PERINGATAN MESUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Peringatan Mesuarat Mengesahkan Peringatan Mesuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 14 April 2014.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 14 April 2014 telah pun diedarkan salinannya. Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, diharap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun memohon izin supaya minit mesuarat tersebut disahkan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua 35 orang ahli Dewan yang hadir bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Peringatan Mesuarat ini disahkan.

[Peringatan Mesuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 11 dan 14 April 2014 disahkan tanpa pindaan dan Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesuarat tersebut.]

4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu nombor 1, Kertas Dewan Bilangan 3/2014 – Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Tahun 2014. Dan yang kedua, kertas, bilangan, Kertas Dewan Bilangan 4/2014 – Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Tahun 2014.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 3 dan 4 adalah dibentangkan.

5. MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan Dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat iaitu yang pertama, laporan, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 bagi Negeri Sembilan – Siri Pertama. Yang kedua, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 untuk Negeri Sembilan – Siri Ke-2. Dan yang ketiga, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan dan Penyata Kewangan adalah dibentangkan.

6. PERTANYAAN-PERTANYAAN

6.1 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan.

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Johol.

Y.B. ADUN Johol: Terima kasih Yang Dipertua, soalan nombor 1.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, tentang pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan ini, memang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri untuk kita melihat supaya pembangunan ekonomi dapat diurus dengan terbaik yang mungkin. Dan pembangunan ekonomi serta pembangunan fizikal yang lain dapat dirancang dan disusun atur supaya ianya akan dapat memberi faedah kepada semua orang. Kita mengambil iktibar daripada negeri-negeri lain dan kawasan-kawasan lain apabila kita merancang untuk kita membangunkan kawasan-kawasan di seluruh Negeri Sembilan. Maka kita daripada pembangunan yang berlaku di kawasan-kawasan lain, di negeri-negeri lain, kita mengambil pengajaran, beberapa pengajaran yang berlaku khususnya pembangunan yang begitu pesat berlaku di kawasan luar bandar.

Itu sebabnya Dato' Yang Dipertua, kita telah pun merancang dan mengadakan satu kertas dasar untuk Kerajaan Negeri supaya pembangunan di Negeri Sembilan ini dirancang begitu rupa supaya identiti-identiti kampung dan jugak kawasan-kawasan perkampungan, tidak terusik dan tidak berubah. Kita akan memfokuskan pembangunan yang banyak di kawasan terutamanya di kawasan, membuka kawasan perindustrian di kawasan-kawasan di Seremban Barat ataupun di kawasan Seremban, Port Dickson dan di Negeri Sembilan Barat. Dan kita juga mempunyai dasar lain untuk pastikan supaya kawasan di Negeri Sembilan Timur terutamanya di kawasan luar bandar akan jugak mendapat limpah nikmat daripada pembangunan yang ada di kawasan-kawasan ini.

Kawasan Johol misalnya merupakan satu kawasan di Daerah Kuala Pilah, yang mana ia merupakan satu kawasan perkampungan yang amat baik sekali Dato' Yang Dipertua. Dengan kawasan perkampungan, kependudukannya yang aman, yang cantik, dengan kawasan kehijauan yang begitu baik sekali, kita melihat supaya kawasan di Johol ini, Dato' Yang Dipertua, dibangunkan secara, apa yang dipanggil sebagai membangunkan secara ber, bersama-sama dengan keadaan alam sekitar. Kita tidak boleh, Dato' Yang Dipertua, membangunkan seluruh kawasan di Negeri Sembilan ini dengan membawa perindustrian-perindustrian kerana ini nanti, kalau kita tidak rancang betul-betul, ia akan mendatang banyak masalah dan jugak kerosakan kepada alam sekitar.

Dan yang kedua sekali ialah kita tidak mahu identiti perkampungan itu akan nanti rosak dan pola kependudukannya akan berubah dan ini

akan menyebabkan banyak masalah dan jugak perkara-perkara yang perlu kita kaji, perlu kita lihat baik dari segi pembangunan, kependudukannya dan khususnya kepada geopolitik itu sendiri. Jadi itu sebabnya di Negeri Sembilan, kita ada dasar iaitu untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dengan pengkhususan kepada pembangunan pertanian dan jugak *R&D* dan kawasan pembangunan IKS, Dato' Dipertua. Khususnya IKS ini jugak adalah merupakan pembangunan yang berdasarkan kepada hasil tani iaitu industri pertanian. Dan didapati di kawasan seperti di Johol ini Dato' Yang Dipertua, banyak tanah-tanah yang tanah terbiar yang jika diurus dan jika dipantau serta dirancang dengan, dengan rapi, ia akan dapat memberikan pulangan yang baik kepada mereka-mereka yang mahu menceburkan diri dalam bidang industri pertanian dan industri-industri hiliran yang berdasarkan kepada pertanian. Ini memang perlu kita lihat. Dan ia akan jugak dipantau dan jugak akan di, di, diperkuuhkan lagi dengan rancangan Kerajaan Negeri untuk melihat supaya ada asas-asas yang perlu kita lihat untuk kita membangunkan bandar-bandar, pekan-pekan kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk kita pastikan supaya kemudahan-kemudahan asas yang perlu ada, yang perlu dinikmati oleh rakyat, baik di bandar ataupun luar bandar dapat kita sediakan. Umpamanya jalan-jalan, jaringan jalan raya yang perlu sentiasa dipantau dan dinaik taraf, kemudahan-kemudahan asas, dan jugak kemudahan-kemudahan awam yang lain, seperti dewan-dewan, balai raya dan yang lain-lain.

Dan yang penting sekali ialah supaya, kita sedang melihat sekarang Dato' Yang Dipertua, ialah kemudahan pengangkutan awam yang mana kita di peringkat akhir, bersama-sama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, untuk kita pastikan supaya penduduk di luar bandar akan dapat ber, menikmati dan merasai kemudahan pengangkutan awam yang baik, supaya mereka dapat menjalankan aktiviti harian mereka jika mereka terpaksa pergi ke bandar, dan mereka memerlukan pengangkutan awam yang baik.

Jadi, pembangunan yang dibuat di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua, ialah kita mempunyai kepelbagai. Kita tidak meletakkan satu peta Negeri Sembilan dan kita nak mengurus, sa, pembangunan nak kita bawak ke seluruh Negeri Sembilan kerana ini akan mendatangkan berbagai-bagai masalah. Khususnya di kawasan Negeri Sembilan Timur ini adalah merupakan kawasan tadahan air dan kita telah pun mengadakan dasar iaitu kita tidak mahu melihat perindustrian dibuat di kawasan huluhan. Kerana jika ada perindustrian yang jika terjadi pencemaran, ia akan menyebabkan pencemaran sumber air minuman yang kita dapat daripada kawasan tadahan air ini. Kita telah pun me, kita telah pun menetapkan bahawa kawasan

perindustrian tidak akan kita wujudkan terutamanya kawasan industri berat ataupun industri-industri berat tidak akan kita galakkan, kalau boleh tidak akan kita benarkan untuk diwujudkan ataupun didirikan di kawasan-kawasan huluhan kerana ia akan mendatangkan merbahaya dan jika berlaku apa-apa masalah pencemaran-pencemaran bawah tanah nanti, ia akan menyebabkan kita menghadapi masalah yang besar dan kita, jika ini berlaku, Dato' Yang Dipertua, kita akan terpaksa berbelanja lebih besar lagi untuk kita mengurus dan untuk kita memulihkan keadaan yang telah pun terjadi ataupun pencemaran yang terjadi.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri menggalakkan supaya kawasan-kawasan di luar bandar seperti kawasan Yang Berhormat ADUN Johol, ia merupakan kawasan luar bandar, kita cadangkan, Kerajaan Negeri cadangkan supaya bawak dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah apa patut kita lakukan di kawasan tersebut. Dan yang paling penting sekali ialah untuk kita menaikkan taraf pendapatan penduduk luar bandar yang mana industri, industri pertanian adalah merupakan industri yang amat sesuai sekali dilakukan di kawasan-kawasan situ. Jadikan dan pulihkanlah tanah-tanah yang masih banyak terbiar di kawasan kita supaya kita dapat mengoptimakan setiap inci tanah-tanah yang ada di Negeri Sembilan ini, khususnya tanah-tanah yang masih dikategorikan sebagai tanah yang terbiar, baik kategori sawah ataupun kategori tanah daratan di ladang-ladang, supaya ini akan dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan ataupun sebagai sumber pendapatan kepada penduduk luar bandar.

Dan jika ada anak-anak muda yang cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam menjadikan pertanian sebagai industri asas tani mereka, banyak jabatan-jabatan yang sentiasa boleh memberikan nasihat. Bahkan boleh, boleh memberikan pertolongan untuk mereka mewujudkan sesuatu industri asas tani yang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan lain, Dato' Yang Dipertua, sentiasa mempunyai kemudahan-kemudahan khidmat nasihat. Dan jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian Pertanian, jugak, di bawah Jabatan Belia jugak, Dato' Yang Dipertua, mempunyai kemudahan-kemudahan untuk memastikan supaya belia-belia melibatkan diri dalam industri asas tani dan jugak mereka boleh menjadikan ini sebagai sumber pendapatan tambahan ataupun sebagai mata pencarian mereka.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk memastikan supaya pembangunan Negeri Sembilan dibuat dengan terbaik yang mungkin. Tetapi seperti yang disebutkan awal tadi, kita mahu melihat supaya pembangunan diurus dengan baik. Dan kita tidak

jugak mahu melihat supaya kawasan-kawasan tradisi perkampungan, yang di kawasan luar bandar nanti tercacat ataupun, identiti perkampungan ini akan musnah, Dato' Yang Dipertua, kerana keghairahan kita untuk membangunkan negeri. Kita perlu belajar dengan mengambil iktibar daripada kawasan-kawasan di negeri-negeri lain kerana di atas keghairahan kita, kita membangunkan kawasan-kawasan luar bandar, pola kependudukannya berubah dan akhirnya kita akan mendapat masalah daripada keghairahan kita untuk membangunkan tanpa mengambil kira akibat dan jugak daripada masalah yang bakal berlaku di atas pembangunan yang tidak dirancang. Dato' Yang Dipertua, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan.

Y.B. ADUN Johol: Soalan tambahan. Apakah rancangan, apakah mungkin dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11 nanti, nisbah keutamaan peruntukan Kerajaan Negeri untuk mensejahterakan rakyat luar bandar ini ditambah?

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang mana kita sedang rancak untuk mengumpulkan data-data dan jugak memberikan keutamaan-keutamaan di Negeri Sembilan, biarlah di sini disebutkan Dato' Yang Dipertua, bahawa Kerajaan Negeri, kita akan memberikan, terus memberikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini untuk kita mempertingkatkan hubungan jalan raya. Kita akan berikan keutamaan supaya jalan-jalan raya, baik jalan baru dan jalan yang sedia ada akan diberikan nafas baru. Kita mahu memintak supaya jalan baru, *highway* baru dibina di Negeri Sembilan. Alhamdulillah, tak lama lagi jajaran baru iaitu *expressway* KLIA ke Seremban, yang mana kita telah pun bersetuju, jajarannya telah pun akan di, akan dibuat tak lama lagi, Dato' Yang Dipertua, yang mana jajaran *expressway* KLIA-Seremban ini akan bertemu dengan jajaran ataupun di tol Senawang. Dan akan kita bina jalan yang bertingkat selam, sejauh 4.5 kilometer dan akan memberikan ju, jugak kemudahan, akan ada *diamond interchange* di situ, dan akan bertemu dengan *interchange* di jalan LEKAS, Dato' Dipertua, yang mana ia akan menjadi satu lingkaran luar ataupun *the outer ring road* untuk Negeri Sembilan, ataupun Seremban.

Selain daripada itu, Dato' Dipertua, Rancangan Malaysia Ke-11, kita jugak memohon dan akan meletakkan keutamaan, permohonan kita itu, untuk kita terus mempertingkatkan jajaran dan jaringan jalan raya di

Negeri Sembilan. Kerana bagi pendapat Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, pembukaan jalan-jalan baru adalah merupakan sebagai *catalyst*, sebagai satu punca utama yang boleh memberikan kemudahan dan menggalakkan orang untuk datang melabur dan tinggal di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua. Ada beberapa jalan baru yang sedang kita kaji khususnya untuk kita mem, menghubungkan Kuala Lumpur dengan Port Dickson. Dan yang paling penting sekali Dato' Yang Dipertua, ialah kita mahu melihat supaya ke Negeri Sembilan Timur iaitu ke Daerah Kuala Pilah, Jempol dan terus ke Pantai Timur akan dapat digunakan oleh pengguna jalan raya dengan selesa. Kita akan meletakkan ianya sebagai keutamaan kita untuk kita mempertingkatkan dan jugak untuk menaik taraf jalan sedia ada, Seremban – Kuala Pilah, dan jugak kita meletakkan keutamaan untuk kita mendapat suatu jalan, jajaran baru iaitu *the Kuala Pilah by-pass*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, supaya mereka yang nak pergi ke Pantai Timur selain daripada ke Kuala Pilah, nak ke Jempol, nak ke mana-mana, mereka tidak lagi perlu nanti untuk melalui jalan di Kuala Pilah, di mana Pekan Kuala Pilah mengalami kesesakan yang teramat sangat walaupun di hari-hari biasa.

Jadi Dato' Yang Dipertua, Rancangan Malaysia Ke-11 merupakan rancangan yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan Negeri Sembilan untuk terus memberikan nafas baru kepada perhubungan jalan raya. Kerana dengan adanya jalan raya, jaringan jalan raya, dan jaringan-jaringan jalan yang lain, dan kereta api, akan memberikan nafas baru kepada Negeri Sembilan. Dan Negeri Sembilan Dato' Yang Dipertua, kita sedang berusaha untuk meletakkan, sebahagian daripada Negeri Sembilan ini dijadikan sebagai sebahagian daripada Lembah Kelang yang besar. Itu sebabnya kita mahu lihat supaya kita memberikan keutamaan kepada jaringan jalan raya dan kereta api untuk kita jadikan ia sebagai satu daya tarikan kepada pelabur-pelabur dan orang ramai untuk datang tinggal di sini, dan bermiaga di sini. Dan akhirnya ia akan mendatangkan banyak kemudahan dan jugak memberikan kemudahan dan banyak keuntungan kepada rakyat Negeri Sembilan dari segi perniagaan, pendapatan tambahan, pekerjaan dan yang lain-lain. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Johol: Soalan nombor 2.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Johol ini, ya, suka saya menyatakan bahawa di Mukim Johol, Kuala Pilah hanya terdapat satu padang ragut yang terletak di Kampung Simat iaitu seluas lebih kurang 89 ekar. Di padang ragut ini juga, Jabatan Veterinar telah menawarkan kepada lima pengusaha untuk menjalankan projek ternakan. Pihak Jabatan Veterinar juga telah merancang untuk mengadakan rizab jalan ke padang ragut ini bagi membolehkan ianya dimajukan sepenuhnya pada masa-masa akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Johol: Soalan nombor 3.

Y.B. ADUN Serting: Dato' Yang Dipertua, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah mewujudkan kerjasama yang erat dengan beberapa agensi serta persatuan-persatuan sukan. Walau bagaimanapun, usahasama ini tidaklah tertumpu kepada kawasan DUN yang tertentu tetapi lebih kepada usaha sama di peringkat negeri. Antara yang telah memberi kerjasama adalah Kementerian Belia Dan Sukan bagi *Junior Swing Golf*, dengan izin, Majlis Sukan Negeri bagi acara balapan dan padang, Persatuan Akuatik Dan Renang Negeri Sembilan, Persatuan Hoki Negeri Sembilan, Persatuan Skuasy Negeri Sembilan, Persatuan Tenis Negeri Sembilan, Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan, Persatuan Ragbi Negeri Sembilan, Persatuan Bola Jaring Negeri Sembilan, Persatuan Kriket Negeri Negeri Sembilan, Persatuan Badminton Negeri Sembilan dan Persatuan Perahu Layar Diraja Negeri Sembilan.

Tidak dinafikan bahawa ada bakat-bakat yang telah Jabatan Pendidikan Negeri, Pendidikan Negeri Sembilan ketengahkan di mana di peringkat ataupun di kawasan Dewan Undangan Negeri Johol seramai enam orang murid telah dibawa ke Sekolah Projek Ragbi iaitu di Sekolah Datuk Abdul Razak seramai dua orang, di Sekolah Menengah King George Ke-V seramai dua orang, dan Sekolah Sukan Negeri Sembilan iaitu di Sekolah Menengah Zaaba, Kuala Pilah seramai dua orang. Projek hoki masih diteruskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Undang Abdul Manaf, Johol di mana murid-murid di sekolah rendah Dewan Undangan Negeri Johol yang berbakat dalam sukan hoki akan ditempatkan ke sekolah menengah ini. Terima kasih.

Y.B. ADUN Johol: Soalan tambahan. Apakah usaha Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dalam membias, memastikan bakat-bakat murid dalam acara-acara sukan yang diketengahkan ke peringkat lebih tinggi

dan setakat manakah pencapaianya dan apakah, dengan izin, *follow up* yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan?

Y.B. ADUN Serting: Dato' Yang Dipertua, di peringkat sekolah rendah, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan melalui Unit Sukan telah melaksanakan program mengenal pasti bakat. Yang mana hasil dari program ini, murid-murid berbakat ditempatkan ke sekolah-sekolah projek sukan yang telah diwujudkan di Negeri Sembilan mahupun ke sekolah-sekolah sukan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur atau Sekolah Sukan Bandar Penawar di Johor.

Selain daripada itu juga, terdapat beberapa buah sekolah ya, yang melaksanakan, sekolah-sekolah projek sukan di Negeri Sembilan ini yang melibatkan kategori pelajar-pelajar yang berbakat iaitu kategori bawah 12, 15 dan 18 tahun. Antaranya ialah bagi acara sukan bola sepak, ianya dijalankan di Sekolah Menengah Zaaba iaitu Sekolah Sukan Negeri Sembilan, Sekolah Menengah Tuanku Ampuan Durah dan Sekolah Menengah Datuk Haji Abdul Samad. Bagi acara sepak takraw ianya juga dijalankan di Sekolah Sukan Negeri Sembilan iaitu di Sekolah Menengah Zaaba, Sekolah Menengah Tuanku Ampuan Durah. Dan di peringkat sekolah rendah iaitu di Sekolah Kebangsaan Taman Tasik Jaya. Begitu juga bagi acara sukan *softball*, ianya dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong 7 dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Juasseh. Bagi acara sukan kriket, sekolah projek ni adalah Sekolah Menengah King George Ke-V Seremban, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rokan, Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Muhammad, Sekolah Kebangsaan Bukit Rokan, Sekolah Kebangsaan Taman Dusun Nyiur dan juga Sekolah Kebangsaan Datuk Abdullah. Manakala sukan bola jaring di Sekolah Sukan Negeri Sembilan di Sekolah Menengah Zaaba. Acara memanah dijalankan di Sekolah Sukan Negeri iaitu di Sekolah Menengah Zaaba, Sekolah Menengah Seri Pagi dan juga Sekolah Menengah Si Rusa di Port Dickson. Dan acara balapan dan padang di sekolah menengah sukan Negeri Sembilan iaitu di Sekolah Menengah Zaaba Kuala Pilah, di Sekolah Menengah Bukit Mewah, Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haji Abdul Samad dan juga di Sekolah Menengah Chi Wen di Bahau. Semuanya dijalankan bagi kategori bawah 12, 15 dan juga 18 tahun.

Dato' Yang Dipertua, dari segi pencapaian usaha-usaha yang telah pun dilakukan oleh Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan serta sokongan-sokongan padu daripada persatuan-persatuan sukan di Negeri Sembilan telah, alhamdulillah telah dapat melahirkan ramai atlet yang dapat bersaing ya, ke, di kejohanan-kejohanan ya, peringkat

kebangsaan dan juga antarabangsa. Antaranya ialah Siti Mas Shahirah binti Kamaludin daripada Sekolah Menengah Tuanku Muhammad Kuala Pilah mengikuti kejohanan, dalam Kejohanan Softball Wanita Asean di Singapura. Begitu juga Siti Nurhaniza binti Salim daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Palong 7 akan mengikuti Kejohanan Softball Wanita Asean di Singapura. Begitu juga bagi Muhammad Norazwan bin Mohd. Amir daripada Sekolah Kebangsaan Seremban Jaya sedang mewakili negara ya, dalam Kejohanan Bola Sepak Pembangunan Negara di Munich, Jerman. Begitu juga Muhammad Izzul bin Azmi dari Sekolah Kebangsaan Dato' Akhir Zaman juga mewakili negara dalam Kejohanan Bola Sepak Pembangunan Negara iaitu di Munich dan juga di Jerman.

Dato' Yang Dipertua, pencapaian pada tahun 2014 ini, diserahkan lagi ya, dengan kejayaan atlet-atlet wushu dari Negeri Sembilan ya, yang mewakili Malaysia seramai tujuh orang ya, atlet wushu telah mewakili negara kita pada tahun ni, dalam Kejohanan Wushu Antarabangsa di Zhonghua di Taiwan yang mana daripada tujuh orang, tujuh orang atlet Negeri Sembilan ini, daripada tujuh orang ini telah amat cemerlang sekali iaitu telah menggondol 20 emas daripada tujuh ya, wakil daripada Negeri Sembilan ini telah berjaya menggondol pingat emas. Begitu juga kita amat cemerlang dalam acara olah raga pada tahun ni iaitu dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia di Kedah dengan kerjasama Persatuan Olahraga Australia, peserta dari Negeri Sembilan iaitu Devin Roy a/l Vincent telah ya, memenangi pingat emas dalam acara 1,500 [meter] dan juga emas bagi acara 800 meter.

Dato' Yang Dipertua, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan kita juga di Negeri Sembilan amat bangga pada tahun 2014 ini, seramai orang, seramai empat orang atlet ataupun murid kita telah dianugerahkan dengan Anugerah Khas Atlet 2014. Iaitu antaranya, yang pertama bagi acara balapan dan padang ialah Devin Roy a/l Vincent iaitu telah dinobatkan sebagai Atlet Terbaik ya, Lelaki bawah 15 tahun, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia pada tahun ini di Kedah, Olahragawan Balapan Dan Padang Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia 2014. Dan beliau juga telah memecahkan rekod Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia, acara 1,500 meter – 15 [tahun], dan juga 2,000 meter lari berhalangan. Dan ianya menyamai rekod Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia bagi acara 800 meter. Yang kedua ialah Sharifudin bin Muhammad dari Sekolah Pendidikan Khas Seremban, juga dalam acara balapan dan padang, telah dinobatkan sebagai Atlet Terbaik Junior Bawah 14 Balapan Dan Padang Pendidikan Khas, Kedah. Dan yang ketiga ialah Siti Mas Shahirah binti Kamaludin dari tuanku, Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Muhammad dalam acara *softball* telah pun dianugerahkan sebagai *Pitcher* Terbaik Kejohanan Softball Majlis

Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia tahun ini, 2014 di Pulau Pinang. Dan saudara Muhammad Haziq bin Rusli [Haziq bin Rusli] dari Sekolah Menengah King George Ke-V dalam acara golf iaitu telah, pencapaiannya ialah *Hole-in-one* Kejohanan Golf Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia Johor Bahru. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan Ahli Dewan Undangan Negeri Lobak.

Y.B. ADUN Lobak: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 43, sesiapa sahaja boleh dibenarkan untuk memiliki tanah di negara ini. Dia termasuklah individu-individu, termasuklah organisasi-organisasi, perbadanan-perbadanan. Bila organisasi dan perbadanan ni, Dato' Yang Dipertua, dia pulak walaupun di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 43 tu, Dato' Yang Dipertua, dia ada pulak ordinan-ordinan dia. Ordinan diplomatik dan kaunselor dia pun mesti ada. Kalau organisasi-organisasi tersebut, perlembagaan dia kita kena tengok, kerana perlembagaan dia mesti membenarkan dia, membolehkan dia memohon dan memegang tanah. Macam syarikat pun begitu jugak, dia mesti ada *clause 3*. Kadang-kadang ada syarikat yang dia dalam dia punya *memorandum of articles* dia tidak menyebut bahawa dia boleh memiliki tanah. Tidak menyebut dia boleh beli tanah ataupun pindah milik tanah. Itu kadang-kadang banyak orang tak faham, Dato' Yang Dipertua. Dia nak buat bermula, dia beli syarikat daripada *off the shelf*, dengan izin, daripada *company secretary*, dia tak melihat *memorandum of article*, dia ingat sesiapa boleh. Tetapi sebenarnya, dia ini di bawah peruntukan-peruntukan tertentu di mana kalau dia punya *memorandum of article* tidak ada menyebut dia boleh mempunyai ataupun memohon tanah daripada kerajaan, kerajaan tak boleh benarkan. Melainkan dia boleh memasukkan *clause* bahawa mereka boleh buat apa-apa saja, termasuk memohon tanah, menjual, memiliki dan yang lain-lain.

Dan jugak kepada organisasi-organisasi lain, boleh, perbadanan-perbadanan boleh, melainkan dengan dia punya perlembagaan membolehkan di bawah Kanun Tanah Negara. Dan di bawah Kanun Tanah Negara, Dato' Yang Dipertua, dia ada pulak dia punya sub-ordinan dia, bawah kaunselor dan jugak yang lain-lain. Syarikat pun boleh, semua bolehlah Dato' Yang Dipertua, tak ada siapa yang tak

boleh. Tapi sama ada ataupun tidak, itu lain ceritalah. Dia boleh mohon, mohonlah, siapa nak mohon, DUN Lobak nak mohon pun boleh, tapi sama ada dapat tak dapat, itu terpulanglah. Jangan kecik hati pulak ya. Sebab, bila kerajaan menimbangkan sama ada boleh ataupun tidak, itu perkara lain. *Consideration* lain ataupun, dengan izin, ataupun pertimbangan-pertimbangan lain. Tetapi kelayakan memohon untuk mendapatkan tanah ataupun memohon sebidang tanah, semua diberikan kepada semua orang di bawah peruntukan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965.

Jadi, Dato' Dipertua, banyaklah dalam soalan tersebut, ada mintak supaya berapa banyak tanah, bidang tanah telah pun diberikan. Kebanyakan tanah-tanah yang kita luluskan, Dato' Yang Dipertua, mengikut yang rekod kita, adalah tapak perumahan. Tapak perumahan ini merupakan transaksi tukar milik tanah jugak, kerana orang nak beli dia kena memohon. Dan jika tidak ada apa-apa halangan status dalam geran tersebut, jika statusnya tanah tersebut tanah, tanah, tidak ada sekatan kepentingan, dia boleh dibuat dan boleh diluluskan dengan tanpa apa-apa masalah. Misalnya tanah itu tanah *free hold*, yang tidak ada sekatan kepentingan, dia boleh dilakukan dan tidak ada apa-apa masalah untuk menukar daripada pemaju kepada pembeli perumah, pembeli rumah tersebut. Ataupun daripada orang yang telah pun mempunyai rumah untuk menukar nama kepada orang yang telah pun dijual, ataupun pembeli baru.

Tetapi dalam satu keadaan lain, Dato' Yang Dipertua, tanah berbagai-bagai status. Ada tanah hak milik Melayu, di Negeri Sembilan-nya, di Negeri Sembilan ini ada tanah, tanah adat. Dan tanah-tanah sekatan kepentingan seperti tanah FELDA, ada GSA dia, tanah, tanah pinggiran, tanah-tanah pinggir, Kawasan Rancangan Tanah Pinggir Dato' Yang Dipertua, yang mana kerajaan membukak tanah, Kerajaan Negeri membuka tanah untuk memberikan kepada mereka-mereka yang difikirkan layak dulu untuk kita membesarkan kawasan perkampungan dan lain-lain, ini jugak tanah ada di bawah GSA. Dan tanah-tanah ini walaupun telah habis dibayar, wang mereka, kadang-kadang sampai 20 tahun, 25 tahun, ada isu ataupun ada tuntutan yang mana tuan punya tanah memohon untuk menggugurkan ataupun meluputkan GSA tersebut. Kerajaan akan memberikan kebenaran jika tidak ada apa lagi hutang ataupun hutang telah pun habis dibayar dengan kerajaan, tetapi dia punya *express condition* tanah tersebut, Dato' Yang Dipertua, mesti lagi diletakkan dalam status tanah tersebut iaitu sekatan kepentingannya jika nak tukar milik, tanah tak boleh digadai, tanah ini tidak boleh tukar milik, tanah ini tidak boleh apa, melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Haa ini, tanah-tanah ini, tanah seperti yang saya katakan tadi, tanah rizab Melayu, tanah, tanah yang ada sekatan kepentingan. Tanah yang kadang-kadang diberikan oleh, Tanah Kurnia oleh kerajaan. Tanah Kurnia Kerajaan, kerajaan selalunya, Dato' Yang Dipertua, meletakkan sekatan kepentingan. Kita bagi dia tanah kerana dulu dia mintak sebab dia tak ada tanah, dia nak tanah, nak buat rumah. Tapi dalam 10 tahun, 15 tahun, dia nak jual tanah, haa itu tak bolehlah. Jadi kita ada sekatan kepentingan, jika nak gadai, nak apa buat saja tanah tersebut mesti mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri. Jadi, kebanyakannya tanah yang diproses, Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2013 sampai '14 ini adalah merupakan tanah-tanah yang, tanah tapak perumahan, Dato' Yang Dipertua, sebanyak 395 permohonan telah kita terima, dan kelulusannya adalah 170. Dan jugak melipat, ini melibatkan rumah, merangkumi rumah-rumah rakyat. Kelulusannya 170. Individu yang mintak, Dato' Yang Dipertua, ialah 284, yang lulus 139, ya. Bukan semua mintak dapat lulus ya. Yang mana daripada 139 tersebut, 118 bidang tanah adalah merupakan kediaman, 17 pertanian, 3 perniagaan, 1 lain-lain. Itu individu, yang mintak, 284. 139 yang lulus. Yang dimintak oleh swasta pulak 47 permohonan, yang dimohon oleh pihak swasta, yang lulus 14, kediaman – 1, lain-lain – 13. Haa, kerajaan pulak pun ada jugak mohon, ini kerajaan ni PBT-PBT-lah ya, ataupun jabatan-jabatan, ataupun kementerian daripada KPTG, daripada Kerajaan Persekutuan, yang memohonnya 64, lulus 17 saja. Kediaman – 2, perniagaan – 6, dan yang lain – 9. Jadi, dalam waktu tarikh yang dimintak iaitu daripada bulan Mei 2013 hingga Mei 2014, Dato' Yang Dipertua, adalah permohonan sebanyak 395, yang lulus 170, totalnya kediaman 121 daripada 170 tadi, pertanian – 17, perniagaan – 9 dan yang lain-lain – 23.

Jadi Dato' Yang Dipertua, untuk dirangkumkan, tidak ada apa-apa syarat dikenakan kepada sesiapa yang nak memohon tanah. Semua boleh mohon, tetapi sama ada dapat ataupun tidak. Dan kelayakan permohonan tersebut adalah berdasarkan kepada Seksyen 43 Kanun Tanah Negara 1965. Dan di bawah Kanun tersebut, bermacam-macamlah sebut. Kalau syarikat dia mesti ada itu, kalau perbadanannya undang-undang tubuh dia mesti ada macam-macam, Dato' Dipertua ya. Dan dia adalah di, di, di, di bawah rangkuman Kanun Tanah Negara 1965, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Soalan tambahan, jika sebidang tanah telah berjaya dipohon oleh sesuatu pihak dan penduduk-penduduk berada di tanah tersebut, yang pada asalnya telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri untuk penduduk tinggal di sana, apakah perancangan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu penduduk-penduduk tersebut seperti di

Kampung Ulu Temiang, di mana pada asalnya mereka telah diarahkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk duduk di sana pada tahun 1973, dengan izin.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, dasar baru kita ialah, Dato' Yang Dipertua, seboleh mungkin, itu sebabnya mulai daripada tahun 2004, Dato' Yang Dipertua, kita telah memohon, bukan memohon, mengarahkan supaya Pentadbir-Pentadbir Tanah di Negeri Sembilan ini apabila ada proses permohonan untuk pelupusan tanah, kita nak pastikan bahawa apa ada di atas tanah tersebut. Kerana Exco kadang-kadang kita tak tahu, kita cuma tengok kertas sahaja. Dan kita tak tahu apa. Itu sebabnya gambaran sepenuhnya apa yang ada di atas tanah tersebut amat penting, itu dah cerita apa yang kita buat Dato' Yang Dipertua. Apa yang kadang-kadang berlaku bukan saja di Temiang, Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang ada jugak berlaku di kawasan-kawasan Negeri Sembilan Timur, di Kuala Pilah Dato' Yang Dipertua, tanah kubur dah dibagi 'kek' orang. Tanah kubur Dato' Dipertua. Orang junjung jenazah nak kubur, kubur dah gali, dia kata "jangan gali sini, jangan tanam, tanah ini saya punya". Jadi, bayangkan jenayah terpaksa balik balik ke rumah. Ini ada cerita jenazah balik ke rumah, Dato' Dipertua, kerana tidak dibenarkan ditanam kerana tanah tersebut telah dibagi kepada orang.

Itu sebabnya kita amat bertegas, Kerajaan Negeri muh supaya laporan lengkap dibagikan kepada kita, jemaah Exco, kerana kita tidak mempunyai apa-apa maklumat lengkap untuk kita kadang-kadang membuat keputusan. Alhamdulillah, setakat ini, dasar baru kita, Dato' Yang Dipertua, amat berkesan. Ada kadang-kadang kita kesan bahawa terdapat kependudukan di satu-satu kawasan yang memerlukan pembelaan jika pelupusan tanah dilakukan.

Yang macam di Temiang tu Dato' Yang Dipertua, kita telah pun memohon supaya pihak pemaju memberikan pampasan yang sewajarnya kepada penduduk yang ada di situ. Dan kita amat susah untuk kita mencampuri masalah tersebut kerana kelulusan telah pun dibuat dan Kebenaran Merancang telah pun diluluskan. Dan kita tidak dapat berbuat apa-apa kerana jika mereka meneruskan pembangunan di atas tanah tersebut mengikut Kebenaran Merancang tersebut, Dato' Yang Dipertua, PBT-PBT dan jugak Kerajaan Tempatan tak boleh berbuat apa-apa. Yang boleh kita mohon ialah supaya jasa baik mereka yang muh membangunkan kawasan tersebut menimbangkan perikemanusiaan orang yang telah lama duduk di situ supaya mereka diberikan pampasan yang sewajarnya. Dan kita akan cuba, pihak kerajaan akan cuba memberikan peluang kepada mereka yang duduk

di situ untuk ditempatkan di kawasan-kawasan penempatan yang ada tetapi bukan di situ, tetapi di sekitar kawasan jika ada kawasan ataupun unit-unit perumahan yang sesuai untuk disewakan ataupun dilupuskan kepada mereka-mereka ini, Dato' Yang Dipertua. *We will try our best*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, supaya tidak wujud unsur-unsur penganiayaan. Tetapi ada kalanya yang mana kerajaan tak boleh berbuat apa-apa kerana kelulusan-kelulusan telah pun diberikan dan kelulusan ini adalah *binding*, dengan izin, dan kita tidak boleh menarik balik kelulusan kerana ini akan membukak pulak kepada kerajaan akan berhadapan dengan kes-kes mahkamah yang tidak perlu untuk kita hadapi pada masa-masa depan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Lobak: Saya kemukakan soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan memang mengalu-alukan dan jugak mahu beserta dengan hasrat untuk kita menambah bilangan Perumahan Mampu Milik untuk rakyat di Negeri Sembilan. Jadi, rancangan Perumahan Rakyat 1Malaysia, PR1MA ni Dato' Yang Dipertua, dengan ringkasnya PR1MA, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita; Dato' Najib Tun Razak, iaitu untuk kita memberikan peluang kepada golongan yang terperangkap, Dato' Yang Dipertua, golongan terperangkap ini ialah golongan yang mana mereka tak layak nak ke atas, tak layak ke bawah. Golongan yang berpendapatan [RM]3 ribu lebih ke [RM]6 ribu ni, Dato' Dipertua, ke [RM]7 ribu ni, mereka terperangkap, mereka tak layak untuk memohon rumah-rumah yang dibangunkan khusus untuk mereka yang berpendapatan rendah, ataupun rumah-rumah murah, ataupun rumah kos murah yang didirikan oleh kerajaan ataupun oleh swasta. Dan jugak mereka tidak mampu untuk membeli rumah-rumah yang kosnya terlampaui tinggi sekarang. Jadi mereka ter, adalah merupakan golongan, kategori yang terperangkap, yang terhimpit di atas dua situasi. Jadi ini yang difikirkan oleh kerajaan dan maka timbulah idea bahawa Perumahan Rakyat 1Malaysia ini dibuat khusus untuk kita memberikan kemudahan, peluang kepada mereka yang terperangkap tadi, golongan orang yang berpendapatan sederhana dan pertengahan ini, untuk mereka berupaya memiliki sekurang-kurangnya satu biji rumah, Dato' Dipertua.

Jadi, di Negeri Sembilan, kita jugak bersama-sama dengan dasar ini. Dan kita telah kenal pasti tiga tempat yang mana satu tempat iaitu di Seremban Sentral, yang mana di belakang kawasan stesen kereta api sedia ada. Dan kawasan stesen kereta api tu Dato' Yang Dipertua, seperti yang pernah saya sebut di sidang-sidang yang lalu, akan kita bangunkan dan kita panggil sebagai Seremban Sentral. Dan kebanyakannya komponen pembangunan di situ adalah merupakan komponen pembangunan perumahan PR1MA. Penduduk, pendudukan. Selain daripada membangunkan stesen baru dengan mengambil kira, tidak mengusik stesen yang sedia ada, sebagai satu *heritage*. Dan Seremban Sentral ini akan dibangunkan *commercial complex*, dengan izin, di kawasan, atas stesen tersebut dan di belakangnya nanti akan ada taman. Dan di situ lah akan didirikan lebih kurang 4,420 unit rumah PR1MA dalam bentuk kondominium, supaya ia akan dapat memberikan kemudahan kepada golongan-golongan muda, golongan orang yang berpendapatan sederhana ini, Dato' Yang Dipertua, mereka boleh tinggal di situ. Dan mereka boleh menggunakan perkhidmatan pengangkutan kereta api dan lain-lain untuk mereka ke tempat, ke destinasi kerja masing-masing. Jadi, di situ ada 4,420.

Dan di Temiang, ataupun di Seremban Utara. Kita panggil Seremban Utara. Kita tak nak panggil Temiang. Kita panggil Seremban Utara, ada *glamour* sikitlah, Seremban Utara. Temiang kadang orang kata "mana Temiang?". Jadi kita panggil Seremban Utara, haa Temiang, jadi Temiang, orang tak nak panggil Temiang lagi. Kita panggil Seremban Utara. Ini dijalankan bersama dengan pemaju, pemaju yang sedia ada, yang mahu membangunkan kawasan tersebut, Dato' Yang Dipertua. Dan kita telah dapat jugak peruntukan yang amat besar daripada Unit Kerjasama Awam Swasta untuk kita membina. Kerja-kerja sedang, telah pun dimulakan. Untuk membina satu *interchange*, dengan izin, membina satu *interchange* supaya orang di Temiang dan penduduk dan kawasan yang nak dibangunkan situ nanti, pesat dan ramai, penduduk sedia ada pun ramai, taman yang sedia ada pun dah banyak, supaya mereka tak perlu lagi kalau nak keluar mana-mana, mereka terpaksa menggunakan satu lorong, satu jalan saja. Mereka akan menggunakan satu jalan, *exit* yang baru ataupun *interchange* yang baru, ke LEKAS, Dato' Yang Dipertua. Ini telah pun di, di, diluluskan. UKAS telah pun meluluskan dan kerja sedang dibina, dibuat dan sudah dimulakan. Dan Temiang ataupun di Seremban Utara Dato' Dipertua, jumlahnya adalah sebanyak 1,670 unit di Temiang. Dan dalam berbincangan, perbincangan reka bentuk.

Yang di Seremban Sentral tadi, Dato' Yang Dipertua, dah diluluskan. Fasa pertama telah luluskan, Kebenaran Merancang telah diluluskan. Yang di Seremban Utara ni, di Temiang Dato' Dipertua, kita sedang

berunding dengan PR1MA sebab kita, kita jugak mahu supaya PR1MA ini di dalam bentuk *landed property*, dengan izin, dengan rumah-rumah teres. Kita tak mahu pulak, kalau dia dekat stesen kereta api tu bolehlah kita buat kondominium. Tapi yang macam di Seremban Utara ni, adalah lebih baik dan lebih mendatangkan banyak manfaat kepada rakyat Negeri Sembilan jika kita bina dalam bentuk *landed properties*. Itu sebabnya mula-mula dulu, Dato' Yang Dipertua, di nak buat *town house* lima tingkat, *work-up apartment*, tak ada *lift*. Jadi kita telah pun memberikan pandangan bahawa pembangunan bentuk ini kurang mendapat sambutan di Negeri Sembilan. Kita dapat bahawa banyak daripada pem, Persatuan Pemaju Perumahan ataupun REHDA kita dapat banyak maklum balas, Dato' Yang Dipertua, bahawa rumah bentuk ini dia punya jualan tidak begitu baik. Itu sebabnya walaupun di Temiang tersebut, di Seremban Utara tersebut jumlahnya akan berkurangan begitu drastik. Daripada 3,000, lebih kurang Dato' Dipertua, akan turun kepada 1,500 atau 1,600 sahaja kerana Kerajaan Negeri mahu supaya pembangunan PR1MA di sana mestilah dalam bentuk *landed property*. Kerana ini akan memberi kemudahan, akan memberikan kesenangan kepada rakyat Negeri Sembilan, supaya mereka dapat duduk di kawasan-kawasan perumahan yang mereka rasa selesa dan akan, mereka mahu beli nanti. Tak guna jugak PR1MA buat nanti, tapi tak, tak, tak terjual.

Jadi, yang satu lagi Dato' Yang Dipertua, adalah lebih kurang, lebih kurang 700 lebihlah buah rumah di Port Dickson. Ini adalah, PR1MA sekarang Dato' Dipertua, telah membukak pintu kepada pihak swasta. Siapa-siapa pihak swasta yang nak bersama-sama dengan PR1MA, jika mereka ada tanah, jika mereka nak masuk dalam program PR1MA, haa digalakkan jugak. Jadi di Port Dickson ni ada sebidang tanah, di mana PR1MA akan bekerjasama dengan satu syarikat untuk membina rumah-rumah tersebut, lebih kurang 750 unit.

Jadi lebih kurang, di Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, adalah 7,000 lebih unitlah, yang akan dibina. Dan kita sedang merancang dan melihat kawasan-kawasan lain untuk kita bina. Walaupun hasrat kita, Dato' Dipertua, nak membina banyak rumah PR1MA ini, tetapi dalam masa yang sama Kerajaan Negeri mengambil kira. Kita tak mahu banyak nanti, banyak *flat* sana, *flat* sini, tetapi dia tidak memberikan apa-apa impak yang baik kepada masyarakat. Masalah di sana nanti. Pengurusan bersama, *joint management corporation* dia Dato' Yang Dipertua, kita dah banyak pengalaman di Negeri Sembilan ini. Rumah-rumah pangsa seperti ini dia tidak dapat diurus dengan baik. Jadi, akhirnya nanti, yang terpikul tanggungjawab adalah kerajaan. PBT-PBT terpaksa buat macam-macam untuk menguruskan kawasan-kawasan bersama ataupun *common area* di kawasan-kawasan

perumahan seperti ini. Jadi kita belajar, kita mengambil iktibar daripada masalah-masalah yang dihadapi. Dan kita mahu melihat supaya perumahan yang terancang untuk rakyat, mereka hidup selesa, dan yang pentingnya ialah masalah-masalah yang ada sekarang ini, kita tak bawak ke pembangunan yang akan datang.

Jadi itu, dia, PR1MA di Seremban Utara. Ada 1,670. Walaupun pada awalnya banyak, tapi kita mahu supaya rancangan awal mereka nak membina *work-up apartment* sampai lima tingkat tersebut, kita kurang setuju, Dato' Yang Dipertua. Walaupun kita terpaksa mengurangkan jumlah yang banyak, tetapi biarlah ia bersesuaian dengan penduduk di Seremban supaya akhirnya nanti, akhir cerita Dato' Yang Dipertua, ialah rakyat hidup, rakyat dapat hidup dengan selesa. Haa itu akhir cerita dia. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Soalan tambahan. Apakah status projek perumahan tersebut di Seremban Utara dan apakah sebab-sebab kelambatan projek lambat siap dibinakan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ni tidur ke? Saya lepas cakap dekat 45 minit, terang, Yang Berhormat tanya lagi apa status. Saya baru cakap tadi, kita sedang berunding, kita ubah suai. *You want me to speak in English or what?*

Y.B. ADUN Lobak: Yang Berhormat MB, setelah saya meninjau kawasan Temiang tersebut, banyak traktor-traktor telah masuk ke kawasan tersebut dan *earth work*, dengan izin, telah dijalankan. Saya cuma nak tahu apakah status?

Y.A.B. ADUN Rantau: Statusnya Dato' Yang Dipertua, rumah PR1MA

.....

Y.B. ADUN Lobak: Itu *paper work* saja Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, statusnya ialah, status dia kita sedang merancang. Kebenaran Merancang belum buat, tapi yang telah masuk itu adalah nak buat jalan untuk kita buat *interchange*, yang saya sebutkan tadi, nak buat jalan kita *connect-kan* kepada apa, dan kita telah mintak sebarang apa saja pembangunan dibuat di situ, projek

tebatan banjir daripada atas tersebut mesti diselesaikan dulu. Itu yang dibuat. Rumah belum buat lagi. Rumah kita belum, belum pun setuju. Kerana kita telah pastikan, kita kata dengan pemaju dan PR1MA, kita tak setuju dengan cara pembangunan nak buat rumah *flat* di situ. Kita nak supaya buat *landed property*.

Jadi kerja-kerja tanah tu Yang Berhormat, adalah kerja permulaan untuk, UKAS punya kerja tersebut, untuk menyambung jalan untuk pergi ke apa tu, ke LEKAS. Dan jugak sebelum apa saja kerja dibuat di situ, kita telah pastikan supaya projek untuk, apa yang dipanggil kolam takungan, kolam takungan ada tiga biji dibuat situ, dan jugak macam-macam perlu dibuat supaya jika apa saja kerja tanah dibuat di situ, orang yang berada di kawasan bawah tidak akan, jika berlaku hujan lebat, tidak berlaku banjir, banjir lumpur dan macam-macam. Itu yang sedang dilakukan ya. Rumah belum lagi. Rumah belum lagi masuk kebenaran Merancang. Kita sedang menasihatkan mereka, kita tak setuju dengan cadangan untuk membina rumah-rumah bertingkat di situ. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Terima kasih, jangan *hot temper*, dengan izin. Saya kemukakan soalan ketiga.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, hutan simpan di Mukim Setul ni, Dato' Yang Dipertua, saya pernah cakap dulu dalam Dewan ni, Dato' Dipertua, tapi masa tu Yang Berhormat daripada Lobak belum ada lagi agaknya. Kawasan tersebut dulu dah banyak dibagi, 3,000 ekar Dato' Yang Dipertua, dan, itu kawasan tu dulu adalah bekas kawasan yang ditanam dengan pokok-pokok Akasia kerana pada ketika itu ada cadangan untuk membina kilang membuat kertas di negara kita. Jadi, negara, seluruh negeri-negeri, banyak negeri-negeri yang menanam pokok Akasia. Pokok Akasia ni Dato' Yang Dipertua, dia bukan pokok asal Malaysia. Pokok Akasia ni datang daripada luarlah, dia sejenis pokok yang akan tumbuh dan menjadi sebagai dia, dia akan menakluki kawasan. Kalau pokok Akasia ni ditanam, dia akan, pokok lain tak akan tumbuh.

Jadi hutan simpan tersebut dulu tu memang namanya hutan simpan tapi dah, dah tak ada lagi hutan simpan dia. Dalam, dalam fail dia masih lagi hutan simpan. Tapi sebenarnya di atas tanah tak ada hutan simpan. Tanah tersebut dah ditanam dengan pokok Akasia, dan telah pun diberikan kepada pemaju yang nak memajukan kawasan Seremban Utara ni. Dan, tinggal sedikitlah kawasan yang mana masih lagi dijadikan sebagai hutan simpan. Dan kita, pihak Jabatan Hutan

[Perhutanan] meneliti dan jugak memantau supaya tidak ada pencerobohan berlaku. Walau bagaimana pun banyak pencerobohan berlaku. Susah nak jaga hutan Dato' Yang Dipertua, sebab dia macam-macam. Kadang-kadang hari minggu dia pergi, dia tebang pokok, macam-macam.

Jadi, hutan Setul ni dia tak besar lagi tinggal, dan kalau ada pun kawasan yang berbatu-batu, yang mana dia pun bukannya lagi, dia hutan simpan ni, dia berbagai-bagai kategori Dato' Yang Dipertua. Ada yang dipanggil sebagai hutan simpan miskin. Hutan simpan miskin ni dia tak ada hutan. Dia ada batu. Tapi dipanggil miskin. Sebenarnya hutan simpan batu sekarang dah kaya. Batu lebih mahal daripada pokok lagi. Jadi, macam-macam kategori hutan simpan miskin, hutan simpan hampir miskin, hutan simpan itu dan ini. Jadi kategorinya orang panggil hutan simpan.

Jadi di, di Galla ataupun di Setul tu Dato' Dipertua, besar, sebahagian besar daripada hutan simpan tersebut telah pun dikeluarkan daripada kategori hutan simpan kerana kita nak buat *reconciliation*, dengan izin, ataupun, *reconciliation*-lah ya, antara apa yang ada dalam buku kita dengan apa yang ada di atas tanah. Macam NFC dulu Dato' Yang Dipertua, 5,000 ekar itu, dia berkategori, statusnya hutan simpan, sebenarnya hutan simpan tak ada lagi situ. Dah ditanam dengan pokok Akasia. Kerana projek nak membina ataupun menanam pokok asia, Akasia ini untuk membantu sebagai *satelite industry* untuk mem, membina kertas, kilang kertas, membuat kertas, *pulp* ya.

Jadi, Kerajaan Negeri dari masa ke semasa kita sekarang sedang meneliti dan jugak sedang, kita menukar status. Mana-mana hutan yang dah telah dikeluarkan tapi masih lagi tidak ditukar statusnya sebagai hutan simpan, Dato' Dipertua. Tetapi banyak jugak hutan-hutan Kerajaan Negeri yang dulu telah pun dikerjakan, telah pun kita tukar ganti menjadi hutan simpan dan, kerana kita nak pastikan supaya nisbah hutan simpan di Negeri Sembilan ini akan terus kekal dan tidak, tidak berkurangan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Lobak: Soalan tambahan, apakah, sila nyatakan apakah, apakah pertuduhan-pertuduhan telah dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri untuk menuduh siapa, mana-mana pihak yang melakukan kecurian di Mukim Setul tersebut.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, pencerobohan ni bukan di Setul saja, Yang Berhormat ya, dia banyak. Di sempadan Pahang, dekat

dengan Jelebu, Pahang tersebut Dato' Dipertua, ada orang dah tanam macam-macam. Dah tanam kelapa sawit beratus-ratus ekar. Dan nak menangkap orang menceroboh hutan ni Dato' Yang Dipertua, bukan senang, dia macam nak kita menangkap orang yang menjalankan premis judi haram, siber. Susah. Sebab peruntukan-peruntukan perundangan kadang-kadang memerlukan mesti ada bahan bukti untuk kita menangkap. Dia mesti nampak dia tebang pokok, kita mesti tangkap dia 'dokek' pokok 'kono' 'tobang'. Kalau tangkap 'tongah' jalan kadang-kadang susah, macam-macam Dato' Dipertua. Yang boleh kita rampas saja kayu itu. Tapi untuk menguatkuasakan perundangan, menangkap orang tersebut, amat susah sekali. Dia macam kita nak menuduh orang menjalankan premis perjudian haram. Dalam komputer Dato' Dipertua, modem dia bukan sini, modem dia boleh jadi di negara luar. Dia *switch off* dia punya modem, 'pop' tak dapat. Kita carilah apa yang ada di dalam tu, memang tak akan dapat.

Jadi, macam itu jugaklah kecurian hutan ya, susah. Kita pernah bincangkan dulu cara untuk kita memperkasakan dan menguatkuasakan ini. Tapi susah kadang-kadang kerana kita perlukan bukti. Ada kadang-kadang orang yang curi kayu balak ni Dato' Yang Dipertua, dia bawak mesin sekali. Dia proses terus jadi papan, dan keluar lori papan saja. Kita mana nak *suspect*, kita tak tahu. Dia terus jadi lori papan, buat *roadblock* pun kita bukan tahu, dah bawak lori papan kan. Kalau bawak log besar-besar kita boleh tanya, "mana engkau punya *certificate*?". Tapi dah bawak papan, Dato' Yang Dipertua, orang tak boleh nak *suspect*. Jadi, macam-macam cara yang dilakukan oleh sendiket-sendiket ini.

Jadi, walau bagaimanapun, kita telah pun mintak supaya jabatan seperti Jabatan Hutan [Perhutanan] dan kita jugak mintak kita punya anggota keselamatan Dato' Yang Dipertua, untuk membuat latihan-latihan keselamatan terutamanya daripada 1 Briged, membuat latihan di hutan Jempol, di hutan Kenaboi dan macam-macam. Dalam masa yang sama, melaporkan kepada kerajaan mana-mana kawasan yang diteroka dan jugak dicerobohi oleh orang ramai. Kita dari masa ke semasa, Dato' Dipertua, akan menjalankan tindakan. Banyak bukit-bukit terutamanya di kawasan di Johol, Dato' Dipertua, yang ditarah ataupun yang ditebang oleh orang-orang yang kononnya Orang Asli di situ ataupun rakan-rakan orang kependuduk orang asal di situ. Tetapi bila kita *check*, bila kita periksa, kebanyakannya ia didalangi oleh orang-orang yang berada di luar. Mana ada orang asal boleh dapat gergaji besar-besar, kan? Ini semua dibuat, tiga bukit, empat bukit yang telah pun dibuat. Dan bukan semua orang asal di situ yang, yang buat begitu. Tiga empat orang yang terpengaruh dengan segala habuan-habuan yang akan dibagi oleh mereka-mereka ini.

Dari masa ke semasa kita akan buat dan pernah kita letakkan orang-orang asal kita ini, Dato' Yang Dipertua, di dalam tahanan lokap polis selama tiga hari kerana kita mahu supaya memberitahu bahawa kita tidak akan berkompromi dengan orang-orang yang seperti ini. Jadi, itulah yang kita buat dan kita pastikan supaya hutan kita di Negeri Sembilan ini akan terus dapat diurus dan kekal seperti mana yang kita nak lihat, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan Ahli Dewan Undangan Negeri Klawang.

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Klawang, suka saya nyatakan bahawa menjelang bulan Ramadan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sembilan telah menyediakan pelbagai lot-lot niaga yang kita sediakan khas sempena dengan bulan Ramadan. Saya nak maklumkan bahawa bagi tahun 2012 sebanyak 3,519 tapak bazar Ramadan disediakan dan pada tahun 2013 sebanyak 3,595 tapak dan tahun 2014 sebanyak 3,684 tapak.

Dari segi kadar ataupun hasil yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pada tahun 2012 sebanyak 319 ribu ringgit dikutip, tahun 2013 – 325 ribu ringgit dan tahun 2014 sebanyak 164 ribu ringgit. Kadar sewa yang dikenakan oleh semua PBT adalah mengikut kawasan-kawasan PBT yang tertentu. Dan saya nak maklumkan bahawa pada tahun 2014 tidak ada sebarang kadar sewa ataupun lesen peniaga yang dikutip kerana Kerajaan Negeri telah pun memberikan lesen perniagaan percuma kepada semua peniaga-peniaga kecil. Cuma yang kita kenakan ialah soal *fees* ataupun yuran untuk sampah dan patil termasuk elektrik mengikut kawasan-kawasan yang tertentu.

Untuk makluman Dewan yang berbahagia ini, tapak pasar, bazar Ramadan ini, di kawasan Majlis Perbandaran Seremban ialah sebanyak 1,383 tapak. Tetapi bagi Majlis Daerah yang kecil seperti Majlis Daerah Jelebu, hanya 146 tapak saja yang disediakan untuk peniaga-peniaga bagi bulan Ramadan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, terima kasih. Syabas kepada Yang Berhormat Pertang di atas pemantauan. Nampak

pertambahan, penambahbaikan pengurusan tapak-tapak bazar Ramadan ini di seluruh daerah-daerah. Apa yang kita lihat sebelum ini, Dato' Yang Dipertua, kerajaan melalui TEKUN ya, telah memberikan peluang untuk peniaga-peniaga kecil ini umpamanya peniaga-peniaga di bulan Ramadan ini, membuat pinjaman untuk memulakan perniagaan ataupun menambah modal untuk mereka mempelbagaikan hasil jualan mereka. Jadi, saya nak bertanya, di Negeri Sembilan saya rasa mungkin ianya tak terkecuali. Dapat tak Yang Berhormat nyatakan sekiranya ada maklumat jumlah pemohon yang terdiri daripada peniaga-peniaga bazar Ramadan ini yang telah memohon TEKUN dan jumlah yang telah diluluskan bagi tempoh berkenaan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, untuk makluman, bahawa TEKUN tidak mengeluarkan sebarang skim khas bagi pinjaman peniaga-peniaga untuk bazar Ramadan khususnya kerana pinjaman TEKUN di, hanya dikeluarkan mengikut permohonan bagi peniaga-peniaga kecil yang mana bayarannya akan dijelaskan oleh peniaga-peniaga berkenaan mengikut bulanan. Jadi kerana itu, buat masa ini, tidak ada satu pun permohonan TEKUN khusus untuk peniaga-peniaga bazar Ramadan yang telah diperuntukkan.

Tetapi walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Klawang, satu skim khas telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa skim yang kita namakan sebagai Skim Pinjaman Bazar Ramadan bermula dengan, bagi tahun ini, bagi tahun 2014. Dan kesemua peniaga-peniaga bazar Ramadan yang memerlukan bantuan awal untuk memulakan perniagaan mereka bagi peniaga-peniaga kecil ataupun peniaga-peniaga yang bukak, yang bermusim ni, kerana bazar Ramadan ni dia bukannya peniaga kekal, dia berniaga hanya untuk ketika zaman ataupun bulan Ramadan sahaja. Jadi kerana itu, Yang Amat Berhormat, Kerajaan Negeri telah, kerajaan telahpun memberikan satu skim pinjaman khas untuk peniaga-peniaga sebanyak 3,000.00 ringgit dan bayaran kepada pinjaman ini hanya dijelaskan pada bulan kedua selepas Ramadan.

Saya mohon notis untuk memberikan jumlah peniaga-peniaga yang telah diberikan kelulusan bagi mendapatkan pinjaman skim khas, pinjaman bulan Ramadan ini. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 2. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, bagi soalan kemudahan dewan orang ramai di taman-taman perumahan ini, untuk makluman Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat ADUN Klawang dan ahli Dewan, bahawa dewan, PBT telah menyediakan dan sentiasa membuat perancangan untuk membina dewan orang ramai yang boleh disewa kepada orang awam untuk membuat majlis keraian ataupun majlis perkahwinan ataupun apa juga majlis-majlis yang berkaitan dengan masyarakat dan orang ramai.

Yang kedua, pembangunan ataupun Kerajaan Negeri tidak menetapkan pemaju untuk menyediakan dewan. Berdasarkan garis panduan dan penyediaan kemudahan masyarakat, pemaju hanya perlu menyediakan rizab tapak dewan iaitu satu dewan bagi kapasiti ataupun julat masyarakat penduduk 3,000 hingga 10,000 penduduk, jumlah penduduk. Terima kasih.

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pertang di atas jawapan yang telah diberikan kepada soalan-soalan yang berkenaan. Saya ingin bertanya, bagi dewan-dewan yang dibina di dalam kawasan Majlis Daerah, kadang-kadang, Dato' Yang Dipertua, untuk tahun pertama kedua ketiga tu cantiklah, 'bersoghi-soghi' 'deh'. Tapi masuk tahun 'ke-ompek' dia dah 'mulo' pudar, ataupun rosak, kemudahannya. Kadar sewanya sama. Kadang-kadang kerusi dan meja yang disediakan tidak sempurna ataupun *air-condition*-nya rosak. Tapi kadar sewa dikenakan 'samo'. Adakah langkah yang dibuat oleh PBT bagi menentukan kadar sewa itu sesuai dengan kemudahan yang disediakan mengikut masa berkenaan? Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, tentulah bila dewan baru, tentulah semua cantik dan elok. Kita manusia ni pun yang muda ni pun lawa, bila tua sikit dia kurang sikit. Tapi ada jugak tua yang ada harga. PBT, untuk makluman Dato' Yang Dipertua, bahawa semua PBT di Negeri Sembilan mengenakan sewa yang sangat minima untuk kegunaan masyarakat. Kerajaan Negeri telah memberikan kepentingan masyarakat sebagai keutamaan. Dan kerana itu sewa yang kita kenakan kepada siapa sahaja, sama ada NGOs, badan-badan tertentu ataupun individu tertentu yang nak menggunakan dewan di semua

kawasan PBT, di bawah kawasan operasi Majlis ini, dikenakan sewa yang nominal.

Tetapi walau bagaimanapun, sewa ini adalah bergantung kepada kemudahan yang kita sediakan. Sebagai contoh, ada dewan yang dilengkapi ataupun diberikan kemudahan *air*, apa ni, awam, alat penghawa dingin, *air condition*. Dan kalau dewan yang ada *air-cond*, rate-nya lain sikit. Kalau dewan yang panas tu, yang tak ada *air-cond*, bukan panas tetapi dia dingin, jadi kurang sikit *rate*. Tetapi ada juga sewa yang kita kenakan bergantung kepada kemudahan yang kita sediakan. Kerusi, kalau dia nak pakai kerusi, pakai meja, sewanya lain. Nak pakai tiga jam pertama, sewanya lain. Yang pakai satu hari, sewanya lain. Yang nak masuk sekejap keluar balik pun sewanya lain. Semua sama. Itu kita tak ada, tak ada membeza-beza antara satu sama lain.

Tetapi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat ADUN Klawang tadi, tahun pertama, sewa yang kita kenakan sedemikian rupa kita tak ada pulak bila lepas lima tahun kita bagi percuma, tidak, kerana penyelenggaraan yang dibuat oleh PBT dilakukan pada setiap tahun. Kerajaan Negeri membelanjakan banyak ataupun sejumlah ribuan ringgit untuk menyelenggara dewan-dewan yang berkenaan. Kerana itu, setiap penyewa-penyewa kita syaratkan untuk sama menjaga keselamatan dan juga yang kita katakan sebagai sama bertanggungjawab untuk menjaga soal-soal keselamatan kemudahan-kemudahan yang kita, kita sediakan. Kerana dewan yang kita sewa ni, sewa yang dibayar oleh penyewa-penyewa ini tidak cukup untuk menampung bagi kita menyenggala, menyelenggara dewan-dewan ini. Cuma menampung bil elektrik, menampung pekerja-pekerja dan *staff* bagi menguruskan penyelenggaraan sesuatu majlis yang berkenaan.

Jadi kerana itu saya mengambil kesempatan ini supaya ahli masyarakat, individu dan juga badan-badan tertentu yang diberi peluang untuk menggunakan kemudahan yang disediakan oleh PBT dan Kerajaan Negeri kerana, supaya kita sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan kemudahan ini dapat kita pertahankan dan dapat kita jaga sebaik mungkin supaya umurnya tu tahan lama sikit. Maknanya empat tahun dia boleh guna 10 tahun. Dan insha allah, Kerajaan Negeri sentiasa, melalui PBT sentiasa memastikan supaya penyelenggaraan dibuat dan dijalankan sepanjang masa. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saolan seterusnya.

Y.B. ADUN Klawang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang ketiga. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, soalan ini akan saya jawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan, Soalan Lisan oleh ADUN, Yang Berhormat ADUN Chennah dan jugak Yang Berhormat ADUN Chuah ya, berkenaan dengan pengangkutan awam.

Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya sebutkan tadi semasa berbicara tentang pembangunan Negeri Sembilan, kita jugak, saya jugak menyentuh bahawa pengangkutan awam adalah merupakan salah satu daripada keutamaan kita untuk kita pastikan supaya pengangkutan awam ini akan dapat memberikan kemudahan untuk rakyat, baik di bandar maupun di luar bandar untuk mereka menjalankan tugas-tugas dan kerja harian mereka. Maka itu, pengangkutan, sektor pengangkutan awam ini menjadi keutamaan kita dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan jugak sebelum Rancangan Malaysia Ke-11 sekarang. Kita telah pun di peringkat akhir dan kertas kaji selidik telah pun dibuat oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam. Bahkan Kerajaan Negeri Sembilan sendiri telah pun menjalankan kajian, kaji selidik ini bersama-sama dengan pihak Universiti Utara Malaysia. Dan hasil daripada kaji selidik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan bersama-sama dengan pihak Universiti Utara Malaysia, dibandingkan dengan kaji selidik yang dibuat oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia, dia punya keputusan tu sama. Bahawa wujud satu keadaan yang mana di Negeri Sembilan ini kita amat memerlukan ataupun kalau kita alih, kita frasa yang lain, keadaan pengangkutan awam Negeri Sembilan ini memerlukan satu lonjakan untuk kita pastikan supaya Dasar Jaringan Keselamatan Sosial yang kita buat ada sangkut-pautnya Dato' Yang Dipertua, dengan masalah dan jugak kaedah pengangkutan awam di negeri, di negeri kita.

Saya melihat, Dato' Dipertua, kerajaan melihat bahawa pengangkutan adalah merupakan, baik di awam ataupun persendirian, saya sebut pengangkutan Dato' Yang Dipertua, ataupun pengangkutan, adalah merupakan suatu bebanan yang besar kepada individu. Dia boleh, saya anggarkan secara kasarnya, boleh melibatkan hampir 40 lebih peratus daripada kos sara hidup kita. Kadang-kadang seseorang membeli kereta, dia kena bayar dia punya pinjaman kereta. Dia tak habis begitu, kereta perlu berjalan, mesti ada *road tax*. Kereta perlu berjalan, mesti ada insurans. Dan nak bergerak kereta mesti ada minyak. Dan, bila dah ada minyak nak berjalan 'kang', nak pergi ke pekan, PBT ataupun tempat-tempat ada dia punya bayaran tol, ataupun bayaran tempat meletak kereta.

Jadi Dato' Yang Dipertua, pengangkutan awam ataupun pengangkutan ini Dato' Yang Dipertua, merupakan satu beban yang besar kepada rakyat Malaysia. Oleh itu, saya pernah bercakap dalam mesyuarat dengan Kerajaan Persekutuan supaya, kita melihat supaya kita pastikan kita punya sistem pengangkutan awam di negara ini perlu kita perkemaskan dan perlu kita pertingkatkan kerana jika kita tidak pertingkatkan dan perkemaskan, Dato' Yang Dipertua, ia akan menjadi sebagai satu bebanan kepada rakyat. Dan usaha untuk mensejahterakan rakyat tidak akan dapat tercapai kerana ia akan sentiasa naik. Bebanan ini akan sentiasa meningkat, meningkat naik, orang dulu kalau dia beli Perodua, sekarang nak beli Toyota, beli Toyota, beli Mercedes sebab kemampuan dia ada. Tanpa dia mengira bahawa bebanan yang bakal ditanggung untuk mereka membayar ataupun untuk mereka membuat bayaran ansuran kepada pihak-pihak yang membiayainya.

Jadi adalah lebih mustahak supaya sektor pengangkutan awam ini diberikan penekanan dan ia, jika kita buat dengan betul, pengangkutan awam ini, Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat negara-negara lain, ia dapat memberikan suatu kaedah sistem pengangkutan yang amat efisyen dan amat baik sekali kerana sistem ini dapat dipercayai. Sistem ini boleh diberikan kepercayaan oleh orang ramai dan mereka boleh bergantung dengan persiapan ataupun dengan sistem pengangkutan awam mereka yang sedia ada.

Jadi ini perlu kerajaan buat. Itu sebabnya di Negeri Sembilan kita buat kajian demi kajian dan kita lihat pengangkutan awam di bandar, di kawasan luar bandar, di pekan, antara pekan dengan bandar, pekan dengan pekan. Semua kita dah lihat dah, kita dah buat kajian. Dan satu kajian komprehensif yang telah disediakan, di mana SPAD jugak buat dan mereka bersetuju dengan hasil kajian yang kita buat dengan hasil kajian yang mereka buat adalah sama. Haa itu sebabnya kita akan terus berikan penekanan.

Di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua, SPAD telah pun bersetuju dan akan memberikan sistem pengangkutan awam yang komprehensif di dua daerah dulu iaitu satu di Seremban dan satu di Port Dickson. Di dua daerah dulu untuk mereka pastikan supaya sistem pengangkutan awam ini dapat diberikan nafas baru dengan mereka menjalankan persefahaman di antara syarikat yang menjalankan sistem pengangkutan awam di Negeri Sembilan yang sedia ada, CityLiner, dan jugak ada beberapa lagi syarikat-syarikat kecil yang boleh diberikan pertolongan oleh SPAD untuk mereka terus berdaya maju untuk meneruskan usaha mereka menjalankan urusan perniagaan pengangkutan awam. Jadi, di Port Dickson dan di Seremban, dokumen

kontrak telah ditandatangani, boleh jadi tandatangan sekarang, dalam bulan Aidilfitri. Dan di Port Dickson peruntukan disediakan pada tahun 2015.

Dato' Yang Dipertua, di Seremban, sedia ada, jaringan pengangkutan awam sebanyak 253.3 kilometer dengan tambahan sistem pengangkutan awam baru yang akan dibuat oleh SPAD ini, dia akan menjadi sepanjang 447 kilometer. Haa ini termasuk pergi ke taman, pergi ke mana, macam-macam, ini dah masuk. Ambil kira. Pergi ke kawasan Daerah Seremban-lah ya, buat. Daripada sedia ada ni 253 [kilometer] akan ditambah lagi sistem, dia punya *feeder*, sistem apa semua menjadi 447 kilometer. Dan di Port Dickson, pada tahun 2015, tahun depan, daripada cuma 42 kilometer kepada 164 kilometer, kalau kita buat. Ini akan dibuat oleh SPAD. Seremban akan ditandatangani dengan pihak, saya rasa dengan Cityliner. Dan di Port Dickson pun dengan Cityliner. Dan daerah Kuala Pilah, Tampin, Rembau, Jelebu, Jempol, sedang dibuat penyeliaan, penyediaan draf pertama pelan rangkaian lalu lintas operasi infra. Dan ini telah pun disediakan dan akan dimasukkan insha allah dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Dato' Yang Dipertua.

Haa ini memang kita buat. Dan kita nak lihat dan memang Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Yang Berhormat sekalian, kita nak pasti supaya rangkaian pengangkutan awam di Negeri Sembilan ini diberikan keutamaan dan diberi nafas baru supaya bila sistem pengangkutan awam ini dibuat dengan efisien, dibuat dengan baik, dibuat dengan teratur, tersusun, dengan cara itu nanti, secara automatiknya, secara langsungnya kos sara hidup orang akan dapat dikurangkan. Kos pengangkutan amat tinggi, Dato' Dipertua. Kadang-kadang daripada sini nak pergi Seremban 2 kena bayar teksi 10.00 ringgit. Daripada Ampangan nak pergi Seremban 10.00 ringgit, Dato' Yang Dipertua. Tapi jika ada bas, jika ada kereta api, kita masukkan jugak dalam Rancangan Malaysia Ke-11, kereta api daripada Seremban ke PD kita masukkan jugak, ya, kita nak masukkan, bila ada bas, ada kereta api, Dato' Yang Dipertua, habis banyak pun 1.00 ringgit. Habis banyaklah kan? Daripada Ampangan ke Seremban. Sekarang nak naik teksi, orang nak pergi naik teksi, pergi pasar, pergi pasar 15.00 ringgit, daripada Rasah nak pergi pasar, sekurang-kurangnya 10.00 ringgit. Tapi jika ada sistem pengangkutan awam yang *reliable*, yang, yang baik, ini akan dapat mengurangkan kos sara hidup. Dan dasar mensejahterakan rakyat Dato' Yang Dipertua, akan dapat kita jayakan, inshaa allah.

Y.B. ADUN Chennah: Soalan tambahan. Soalan tambahan, Dato' Dipertua. Bagi 'can-lah', ini Klawang dengan Chennah, jiran. Saya punya soalan asal.

Y.B. ADUN Klawang: Klawang-lah dulu tanya.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, saya pun ada soalan asal. Saya bangun dulu. Mengikut peraturan mesyuarat, yang, sesiapa yang bangun dulu. Dato' Dipertua, bagilah laluan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya dulukan

Y.B. ADUN Klawang: Keutamaan kepada penyoal asal.

Y.B. ADUN Chennah: Saya pun penyoal asal. Soalan asal jugak saya, saya bangun dulu. Okaylah. Bolehlah Klawang.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Klawang boleh duduk dulu.

Y.B. ADUN Klawang: Okaylah, okaylah.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dipertua, terima kasih. Soalan tambahan. Dua minggu lepas, Yang Amat Berhormat, sejak selepas cuti Hari Raya, sistem pengangkutan awam ataupun bas berhenti-henti daripada Kampung Chennah ke Kuala Klawang telah berhenti dua minggu. Ada bas berhenti-henti ni, perkhidmatan daripada Kampung Chennah ke Kuala Klawang terutamanya pada pagi, yang membawa pelajar-pelajar daripada Kampung Chennah, daripada Sungai Muntoh, Titi ke Sekolah Menengah Undang Jelebu, SMDJ, berhenti sejak dua minggu. Jadi ada pelajar-pelajar, ada lebih kurang 20 pelajar yang ada kebanyakannya mereka tak ada kenderaan langsung, keluarga mereka, tak dapat pergi ke sekolah kerana ketiadaan bas awam ini.

Pejabat saya menghubungi Syarikat Cityliner dan saya difahamkan bahawa Cityliner ini ada 100 lebih buah, buah bas di, di seluruh Negeri

Sembilan. Dan mengikut maklum balas yang diberikan, separuh daripada bas itu tak berjalan kerana kerosakan meka, kerosakan mekanikal. Tetapi bagi saya, Yang Amat Berhormat, kerosakan mekanikal ini sepatutnya ditangani oleh syarikat itu, lebih-lebih lagi Syarikat Cityliner ini sebuah syarikat yang besar dan pulak akan diberikan kontrak di Seremban, di Port Dickson dan sebagainya, telah dikatakan tadi. Jadi mintak Kerajaan Negeri supaya memantau dan memastikan, dan mengarahkan Syarikat Cityliner ini, kalau ada apa-apa kerosakan mekanikal, ia tidak boleh berhenti langsung kerana ini tak boleh diterima. Kerajaan Negeri pernah memberikan subsidi lebih berjuta-juta ringgit kepada Syarikat Cityliner ini untuk memastikan perkhidmatan itu tidak berhenti.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan?

Y.B. ADUN Chennah: Jadi, saya, dua minggu itu, saya rasa sesuatu yang tak boleh diterima. Dan saya, soalan saya ialah apakah tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan supaya mereka tak boleh berhentikan perkhidmatan mereka terutamanya untuk bas berhenti-henti di kawasan luar bandar? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, ADUN Chennah, terima kasih kerana memberikan maklumat tersebut. Memang, Kerajaan Negeri selalunya berkeras dengan pihak Cityliner supaya perkhidmatan yang sedia ada mesti dibuat. Komitmen, tanggungjawab yang telah pun diberikan kepada SPAD ya, lorong ataupun laluan yang sedia ada ini perlu mereka buat dan perlu mereka ambil tanggungjawab. Tapi kadang-kadang berurusan dengan syarikat seperti ini, kita mempunyai masalah. Itu sebabnya ada jugak diberikan pandangan oleh Kerajaan Negeri kepada SPAD supaya kita jangan terlampau bergantung kepada satu syarikat kerana terlampau bergantung kepada satu syarikat, masalah sebegini nanti akan timbul dan kita nanti akan dijadikan sebagai tebusan. Jika mereka tak buat, kita akan mendapat masalah.

Jadi rundingan dengan pihak SPAD, pandangan Kerajaan Negeri kepada SPAD telah pun kita bagi supaya janganlah kita meletakkan semua, *do not put all our eggs into one basket*, dengan izin, kerana nanti kalau terjatuh semuanya pecah. Kita beri pandangan, tapi terpulanglah kepada pihak SPAD. Dan pihak Kerajaan Negeri akan terus memantau, bukan sahaja di Chennah, tetapi banyak di kawasan lain jugak, bas ni yang terhenti, yang kadang-kadang mereka langsung tidak ambil peduli berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat, khususnya

budak-budak nak pergi sekolah. Kawasan saya sendiri pun ada Yang Berhormat. Dia berhenti seminggu, tak masuk ke Taman Angsa Mas, tak masuk ke situ, tak masuk ke apa. Tetapi kita menghantar nota yang amat keras kepada pihak Cityliner. Dan kami di peringkat Kerajaan Negeri sedang berbincang cara mana untuk kita pastikan supaya kebergantungan kepada satu syarikat, satu sistem kenderaan yang tidak sihat, yang dilihat tidak sihat, boleh kita cari jalan penyelesaian. Itu sebabnya kita sekarang sedang melihat, meneliti cara mana.

Pernah disuarakan di peringkat Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri, di mana saya mintak supaya bas-bas sekolah yang ada, diberikan permit untuk membawa penumpang. Selepas bas sekolah ini bawak penumpang, van-van sekolah ini bawak penumpang, penumpangnya budak-budak sekolahlah ya, daripada pagi-pagi, bagilah dia permit, SPAD bagi dia permit untuk membawa penumpang-penumpang biasa. Pagi dia dah habis, dia dah, masa yang terluang, masa yang tidak produktif antara pukul 7.30 sampai pukul 1.00, dia tak buat apa-apa. Jika boleh, mereka diberikan permit untuk membuat laluan mengangkut penumpang biasa. Daripada pukul 8.00 sampai pukul 1.00. Sekurang-kurangnya dia dapat wang tambahan. Dan permit ini diberikan secara percuma. Janganlah bayar pulak kan. Jadi kita mempunyai pedang dua mata, Dato' Yang Dipertua. Satu, untuk kita berikan nafas kepada syarikat yang memberikan perkhidmatan bawak budak sekolah. Kerajaan tak bagi untuk naikkan tambang. Di kon, di, di, di, dipantau oleh kerajaan. Tapi dalam masa yang sama, mereka yang menguruskan syarikat, mereka menguruskan van, menguruskan bas bawak budak sekolah ini, menghadapi masalah iaitu kenaikan bahan-bahan bakar, ataupun diesel-nya, petrol-nya naik. Jadi terdapat pertembungan-pertembungan yang kadang-kadang tidak menyihatkan suasana. Apa yang boleh kita buat ialah supaya berikan mereka peluang. Kadang-kadang beri mereka peluang jugak untuk bawak hari minggu, supaya permit ini dibebaskan ataupun diberi mereka bawak rombongan pergi Langkawi ke, rombongan pergi Kuala Lumpur. Permudahkan, Dato' Yang Dipertua, haa ini yang kita nak.

Kerajaan Negeri beri pandangan kepada Suruhanjaya supaya Suruhanjaya pandang dan lihat apa yang terjadi di peringkat bawahan. Kita, Kerajaan Negeri, kita Yang Berhormat semua, kita berhadapan dengan orang ramai. Dia tak, kadang-kadang dia tak faham Dato' Yang Dipertua, jadi ini yang kita, kita ajukan, ini yang kita telah pun kemukakan supaya yang penting ialah orang ramai puas hati, orang ramai mendapat perkhidmatan pengangkutan awam yang *reliable*, yang, yang, orang kata yang bertanggungjawab. Dan, inshaa allah Dato' Yang Dipertua, kita akan buat. Kepada ADUN Chennah, ini terjadi mana-mana dan Kerajaan Negeri sentiasa memantau dan kita nak

pastikan supaya isu-isu seperti ini tidak berlaku. Dan kalau berlaku pun, kita mahu supaya satu tindakan oleh SPAD, kerana Cityliner sekarang ini di bawah jagaan SPAD.

Dulu kita tak bagi subsidi Yang Berhormat, kita kena betulkan balik ya. Kita mendahulukan dulu kepada Cityliner untuk mereka memulakan semula operasi mereka yang mereka hentikan. Dan kita telah pun dibayar semula oleh pihak SPAD, pihak Kerajaan Negeri bukannya subsidi. Subsidi maknanya kita bagi dan kita tak dapat pulangan ataupun tidak dibayar. Kita mendahulukan duit itu sementara SPAD membuat perjanjian dengan Cityliner dan yang lain-lain kerana ke, terdesaknya kita untuk kita pastikan supaya sistem pengangkutan awam bas di Negeri Sembilan ini dimulakan semula kerana mereka telah memberhentikan operasi mereka. Maka kita telah mendahulukan duit Kerajaan Negeri kepada pihak Cityliner. Dan pendahuluan tersebut telah pun dibayar sepenuhnya oleh pihak SPAD. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Behormat sekalian, had masa bagi pertanyaan-pertanyaan lisan telah pun tamat tempoh. Silakan Setiausaha.

6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Pertanyaan-Pertanyaan yang berkehendakkan jawapan bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan jawapan-jawapan bertulis bagi pertanyaan-pertanyaan yang telah diberitahu terlebih dahulu seperti yang dibentangkan di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

7. USUL

7.1 USUL KHAS

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Usul. Usul pertama.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima notis daripada pihak kerajaan untuk membentangkan usul khas di dalam Dewan ini. Saya persilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun untuk mengemukakan usul yang berbunyi Bahawa Dewan ini menzahirkan rasa amat simpati di atas tragedi nahas yang telah menimpa penumpang-penumpang dan anak-anak kapal pesawat MAS MH17 yang berlaku pada 17 Julai 2014 yang lalu serta tragedi kemanusiaan yang amat dahsyat yang menimpa rakyat Palestin di Gaza, di atas kekejaman Rejim Zionis Israel di Gaza.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangkan dua perkara penting dalam usul khas kepada sidang Dewan yang bersidang hari ini. Yang pertama, bahwasanya sidang Dewan yang mulia ini menyatakan pendirian menyokong penuh segala usaha serta langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menghadapi tragedi yang sangat tragik menimpa negara untuk kali kedua melibatkan Syarikat Penerbangan Malaysia yang menjadi lambang kemanggaan, kebanggaan negara tercinta ini.

Sesungguhnya Dato' Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini merasa amat terkejut memandangkan tragedi yang menimpa syarikat penerbangan kita, MH370 masih belum luput dan reda dari ingatan kita. Kini seluruh rakyat Malaysia dan dunia dikejutkan pula dengan insiden yang sangat dahsyat dan menyayatkan hati ini. Dewan yang mulia pada hari ini, Dato' Yang Dipertua, mengutuk sekeras-kerasnya tindakan yang tidak bertamadun dan berperikemanusiaan dengan menembak jatuh sebuah pesawat komersial ataupun penumpang yang mengorbankan keseluruhan mangsa sebanyak 298 orang yang tidak berdosa. Di mana 283 adalah merupakan penumpang bersama-sama dengan 15 anak kapal, 43 orang termasuk dua orang bayi dari mangsa tersebut merupakan rakyat Malaysia.

Dato' Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini menzahirkan ucapan takziah dan merakamkan rasa simpati serta dukacita yang teramat sangat dari seluruh rakyat Negeri Sembilan Darul Khusus kepada semua keluarga penumpang dan anak-anak kapal pesawat, dan berharap agar mereka kekal tabah dan cekal dalam menempuh dugaan yang sangat berat dan sedih ini.

Sehubungan dengan itu juga, selaras dengan pengisytiharan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga turut memutuskan pada 18 hingga 21 Julai yang lalu, semua bendera Jalur Gemilang dan Kerajaan Negeri di Negeri Sembilan Darul Khusus dikibarkan separuh tiang. Dalam menghadapi detik pedih dan sukar ini, Dewan yang mulia ini ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atas segala usaha dan tindakan yang diambil terutamanya bagi membawa pulang jenazah mangsa-mangsa tragedi pesawat yang hilang itu, pesawat yang malang itu. Tidak, secara tidak langsung, kita sebagai rakyat Malaysia turut merasa bangga dan, bangga di atas *skill diplomatic* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menghadapi dan menyelesaikan, berunding sesuatu yang lebih besar daripada kapasiti beliau, khususnya berunding dengan seorang yang tidak diiktiraf bagi mendapatkan kembali kotak hitam pesawat MH17 dan membenarkan para penyelamat Malaysia memasuki kawasan zon naħas pesawat tersebut.

Dato' Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala komitmen dan jugak pengorbanan yang diberikan oleh semua petugas dan anggota keselamatan dan jugak perubatan yang terlibat di mana mereka juga terpaksa bergadai nyawa dalam suasana yang tidak aman dan selamat bagi memastikan segala bahan bukti, barang milik peribadi terutamanya maruah jenazah-jenazah mangsa dapat dijaga, diberikan penghormatan sewajarnya dan paling utama dapat dibawa pulang dan disemadikan di tanah air ini.

Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, menyokong penuh supaya siasatan menyeluruh serta terperinci dijalankan dan mendesak semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan pihak yang bertanggungjawab yang melakukan jenayah terkutuk ini, dengan menembak jatuh pesawat awam MH17 ini dapat dihadapkan ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukum, hukuman yang sewajarnya.

Dato' Yang Dipertua, Dewan yang mulia ini juga mengambil pendirian tegas atas prinsip bahawa apa sahaja kenyataan dan makluman

hendaklah disahkan secara rasmi oleh pihak kerajaan terlebih dahulu sebelum diterima dan ke pengetahuan umum. Dalam hal ini, Dato' Yang Dipertua, semua pihak hendaklah mengelak dan memastikan tidak sebarang spekulatif negatif, spekulasi negatif berkaitan insiden MH17 ini, yang boleh menambah keruhkan lagi suasana semasa lebih-lebih lagi menyentuh perasaan pilu dan rasa sedih keluarga mangsa-mangsa. Justeru itu, saya menyeru agar marilah kita sama-sama menghadapi situasi ini dengan fikiran terbuka secara rasional dan tidak sama sekali mempolitikkan insiden sepahit ini. Di saat inilah, kita harus menzahirkan kematanagan dan sensitiviti kita dengan mengenepikan apa sahaja bentuk fahaman dan perbezaan pendapat serta idiologi kita. Ini juga merupakan salah satu tanggungjawab kita untuk bersatu mendokong apa sahaja usaha kerajaan di dalam menghadapi saat-saat getir ini. Janganlah sama sekali terdetik di hati kita untuk memperlekehkan usaha kerajaan dan pihak-pihak yang terbabit. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah s.w.t. agar segala usaha kerajaan dan pihak yang terbabit, dipermudahkan demi menebus maruah mangsa dan keluarga penumpang pesawat MH17.

Dato' Yang Dipertua, usul yang kedua. Bahawa Dewan ini mencadangkan untuk mengambil ketetapan mengutuk sekeras-kerasnya serangan Rejim Zionis Israel yang kejam dan tidak berperikemanusiaan terhadap penduduk Palestin di Gaza. Bahawa Dewan ini juga mengambil ketetapan menyokong usaha Kerajaan Malaysia, negara-negara lain serta badan-badang antarabangsa dunia untuk menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada Gaza. Dan bahawa Rejim Zionis Israel dikenakan tindakan tegas oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana di atas kekejaman, ketidakperikemanusiaan dilakukan terhadap penduduk Palestin di Gaza.

Dato' Yang Dipertua, setakat 11 April yang lalu, iaitu sebelum genjatan senjata 72 jam dikuatkuaskan, serangan ganas tentera Rejim Zionis Israel telah meragut sebanyak 1,940 nyawa penduduk Gaza tanpa mengira sama ada mereka adalah bayi, kanak-kanak, wanita maupun warga emas. Jumlah yang tercedera berlipat ganda banyaknya. Kesengsaraan yang sedang dialami oleh penduduk Palestin di Gaza adalah sebuah kisah yang sangat menyayat hati. Ia adalah sebuah tragedi kemanusiaan bila mana dunia menyaksikan kekejaman yang dilakukan oleh masyarakat, yang dilakukan dan masyarakat dunia berada dalam keadaan yang sukar untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa kekejaman tersebut.

Di fasa awal serangan ini, dunia telah menyaksikan Rejim Zionis Israel melancarkan serangan udara yang memusnahkan pelbagai infrastruktur awam seperti sekolah, rumah kediaman, masjid dan

hospital. Malah enam buah sekolah yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak terlepas daripada menjadi mangsa serangan ganas Rejim Israel tersebut. Pada masa yang sama, Israel enggan membuka sekatan terhadap Gaza sehingga mengakibatkan misi bantuan kemanusiaan daripada masyarakat dunia yang prihatin tidak dapat disalurkan kepada penduduk Gaza yang cedera dan hidup dalam keadaan yang amat daif sekali. Bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri di Gaza disambut dalam keadaan penduduknya yang berlumuran darah, dan kehilangan tempat berteduh.

Dato' Yang Dipertua, tentera Rejim Zionis Israel berselindung di sebalik alasan ingin memusnahkan senjata-senjata yang dimiliki oleh Hamas dan terowong-terowong bawah tanah apabila mereka mensasarkan infrastruktur awam. Alasan ini Dato' Yang Dipertua, tidak boleh diterima sama sekali. Israel juga menunjukkan keangkuhan dan kebiadapan mereka apabila tidak mengendahkan kecaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan masyarakat dunia terhadap mereka. Seperti yang kita semua maklum, Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang lantang bersuara mengutuk serangan ganas tentera Rejim ten, terhadap Gaza. Kita juga merupakan antara negara yang paling awal menghulurkan bantuan kepada penduduk Gaza yang menjadi mangsa serangan ganas tentera Rejim Zionis Israel.

Dato' Yang Dipertua, Perdana Menteri Israel mesti akur dengan desakan masyarakat dunia yang mahu melihat kezaliman tentera Rejim Zionis mereka di Gaza dihentikan. Apa yang kita lihat di Gaza menunjukkan sikap pengecut Israel yang hanya berani menyerang orang awam yang tidak berdosa melalui serangan udara. Tentera Rejim Zionis Israel kelihatan gentar apabila terpaksa berdepan dengan pejuang-pejuang Hamas sebaik saja fasa serangan darat dimulakan. Israel telah melakukan pencabulan secara terang-terang terhadap Konvensyen Geneva apabila tidak membezakan antara orang awam ataupun pejuang Hamas ketika melancarkan serangan terhadap Gaza. Namun, tiada tindakan yang tegas dan konkret yang boleh dan dapat dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi memastikan Israel menerima hukuman yang setimpal di atas kesalahan jenayah kemanusiaan yang mereka lakukan.

Sekatan terhadap Gaza juga mesti dibuka agar penduduk di wilayah itu dapat menerima bantuan kemanusiaan yang disalurkan daripada seluruh dunia. Penduduk Gaza amat memerlukan bantuan dari segi makanan, perubatan, infrastruktur dan kewangan. Hidup mereka, Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan yang amat daif berikutan sekatan yang dikenakan oleh Rejim Israel.

Dato' Yang Dipertua, sebagai masyarakat yang cintai keamanan dan kedamaian, kita tidak dapat menerima, menerima sama sekali apa jua alasan yang diberikan oleh Israel bagi mewajarkan serangan ganas terhadap penduduk Palestin di Gaza. Serangan mesti dihentikan, dan sekatan mesti dibukak. Israel mesti akur dengan desakan masyarakat dunia. Setiap hari kedengaran bantahan, kecaman terhadap keganasan Rejim Zionis Israel di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Kita ahli-ahli Dewan yang bersidang pada hari ini, tanpa mengira perbezaan pandangan, kaum, agama yang juganya seharus mengutuk sekeras-keras serangan terbaru Rejim Zionis Israel di Gaza. Kita juga ingin menyatakan rasa simpati kita terhadap penduduk Gaza yang sedang menderita serta menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil tindakan tegas untuk menghentikan pembunuhan orang awam yang tidak berdosa. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah s.w.t. supaya keadaan-keadaan yang berlaku di Gaza akan dapat diselesaikan di atas, dengan segera.

Dato' Yang Dipertua, kita berdoa supaya roh-roh mereka yang terkorban dalam MH17 jugak akan sentiasa diberkati dan diletakkan di kalangan orang-orang yang beriman dan orang saleh. Kepada semua yang, kepada semua yang beragama Islam, mari kita membacakan umul kitab Al-Fatihah kepada semua kepada semua rakan-rakan kita di Gaza dan jugak kepada mereka yang terkorban dalam MH17. Kepada yang bukan beragama Islam, saya mintak supaya semua bertafakur selama satu minit. Saya mintak supaya semua bangun, kita bertafakur satu minit dan membacakan Surahtul Al-Fatihah [Y.A.B. ADUN Rantau melafazkan bacaan Surah Al-Fatihah]. Terima kasih. Saya ingin mencadangkan Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong dua usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Rantau tadi, iaitu yang pertama usul berkaitan dengan menzahirkan rasa simpati terhadap peristiwa nahas MH17 dan jugak melahirkan rasa simpati di atas kekejaman yang dilakukan oleh Rejim Zionis Israel terhadap penduduk-penduduk Palestin.

Dato' Yang Dipertua, kita semua rakyat Malaysia semestinya amat wajar turut sama menyatakan perasaan simpati dan amat sedih terhadap tragedi malang pesawat MAS MH17 ini. Marilah kita sama-sama berdoa memohon kepada Allah s.w.t. agar dipermudahkan segala urusan penyiasatan dan membawa pulang ke negara masing-masing jenazah dan juga mayat-mayat malang ini. Dalam masa yang sama, marilah kita sama-sama bersatu hati seperti yang dinyatakan oleh Yang

Amat Berhormat ADUN Rantau tadi untuk mengutuk sekeras-kerasnya di atas perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan kejam yang melibatkan 283 orang penumpang dan 15 anak kapal MH17 ini terbunuh.

Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Muhammad Najib Tun Haji Abdul Razak; Perdana Menteri kita di atas berjayanya berunding dengan ketua pemberontak pro-Rusia iaitu Alexander Borodai untuk membenarkan segala ya, sega, segera memasuki tempat kejadian dan dapat membawa jenazah dan mayat ke negara Belanda untuk urusan DNA dan jugak bedah siasat, seterusnya pengecaman. Kita juga perlu bersama-sama menggesa agar satu badan bebas dibentuk, mereka yang terlibat di atas kekejaman ini dapat dibawa ke muka pengadilan dan mesti dihukum setimpal dengan perbuatan kejam mereka. Janganlah sama sekali ada suara-suara sumbang datang daripada kalangan kita pula, yang mengambil kesempatan di atas tragedi ini, menuding jari menyalahkan mana-mana pihak khasnya Kerajaan Malaysia.

Dato' Yang Dipertua, kita semua mesti memahami bahawa sesungguhnya kerajaan negara kita menangani secara bersungguh-sungguh tragedi ini dengan dibantu oleh banyak pihak dalam usaha menyelesaikan peristiwa malang MAS MH17 ini walaupun berhadapan dengan berbagai cabaran dan rintangan. Kita berharap kepada seluruh keluarga yang terlibat dengan tragedi ini, semoga mereka terus tabah, diberi kekuatan dan kesabaran menempuh dugaan Allah s.w.t. Jangan kita tambah lagi dengan berbagai spekulasi yang boleh mengaibkan keluarga tragedi malang ini. Pastinya di sebalik tragedi ini mempunyai hikmah tersendiri. Sama-samalah kita berdoa, memohon kepada Allah s.w.t agar tragedi malang ini tidak berulang di masa-masa akan datang.

Dato' Yang Dipertua, dalam masa yang sama jugak, saya juga memberi sokongan kepada usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Rantau tadi iaitu mengecam sekeras-kerasnya di atas tindakan Rejim Zionis yang kejam terhadap rakyat Palestin. Manakan boleh kita terus membenarkan masyarakat ataupun Israel ini sewenang-wenangnya dengan memberi, dengan me, melakukan kekejaman kepada rakyat Palestin. Sedangkan rakyat Palestin ini dalam keadaan yang begitu daif, tidak bersenjata. Yang paling malang sekali, yang patut kita memberi sokongan kerana apa, kerana terbunuhnya wanita, anak-anak yang tidak berdosa dan kita melihat dalam media, berbagai-bagai ya, berbagai-bagai bentuk rupa mereka yang terkorban.

Jadi Dato' Yang Dipertua, di atas apa yang terjadi ini, saya berharap supaya kita sama-sama memberi sokongan dan melahirkan simpati

terhadap apa yang berlaku ini. Jadi, Dato' Yang Dipertua, di atas apa yang saya sebutkan ini, saya menyokong penuh di atas usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato', Dato' Seri Rantau tadi. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini seperti yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau sebentar tadi sudah dicadang dan disokong, dan sekarang, sekarang ini saya kemukakan untuk dibahas. Sebelum itu, saya memohon kerjasama ahli Dewan, oleh kerana perkara ini adalah menjadi perhatian umum baik dalam negeri maupun seluruh dunia, walau bagaimanapun saya ingin menghadkan perbahasan ini kepada beberapa orang sahaja. Jadi, saya persilakan jika ada yang nak mengambil bahagian.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, terlebih dahulu saya bagi pihak rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat menyatakan sokongan kami kepada usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Rantau tadi. Kerana tindakan untuk mengemukakan usul ini adalah satu tindakan yang amat tepat sekali dan bersesuaian kerana dalam sidang Dewan Undangan Negeri, kita perlu menyatakan satu pendirian yang tegas terhadap apa yang telah berlaku.

Saya ingin melahirkan, menzahirkan rasa yang amat simpati dan sedih kepada tragedi malang MH17 yang telah berlaku pada 17 Julai yang lepas. Tragedi MH17 ini adalah satu tragedi yang amat sedih kerana tak pernah difikirkan bahawa sebuah pesawat komersial yang membawa penumpang-penumpang daripada Amsterdam ke Kuala Lumpur boleh ditembak dengan sebegitu. Dan keseluruhan penumpang-penumpang dalam pesawat itu dibunuhi dengan begitu kejam sekali. Lebih-lebih lagi tragedi ini berlaku tak sampai empat bulan selepas tragedi kehilangan MH370, yang juga melibatkan syarikat penerbangan MAS. Tragedi berkembar ini yang melanda negara kita, terutamanya Syarikat MAS adalah satu tragedi yang memberikan satu cabaran yang amat besar kepada negara kita. Dan memberikan satu impak yang begitu besar kepada masyarakat kita kerana rata-ratanya rakyat Malaysia dalam beberapa bulan ini berasa amat sedih dan ada juga yang berasa *depress* kerana dengan apa yang berlaku. Ini akan memberikan satu kesan psikologi yang akan, yang amat mendalam kepada masyarakat kita.

Tindakan menembak pesawat MH17 ini, sama ada sengaja atau tidak sengaja oleh mana-mana pihak adalah satu tindakan yang tidak berperikemanusaian kerana tidak ada apa-apa undang-undang

ataupun konvensyen yang membenarkan walaupun di mana-mana kawasan yang berkonflik ataupun perang untuk menembak satu pesawat peju, pesawat komersial yang membawa penumpang yang tidak berdosa. Di Dewan Rakyat, di Parlimen Malaysia, pada 23 Julai yang lepas, usul yang sama telah pun dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah dibahas, dan diluluskan di Dewan Rakyat Malaysia, yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia bersatu padu, bersama-sama ber-solidarity dengan penumpang-penumpang MH17. Dan semua pihak, semua parti politik yang ada di Malaysia telah mengutuk tindakan menembak pesawat MH17 ini. Semua pihak merentasi fahaman politik telah pun bersama-sama dalam perkara ini dan berdiri teguh di belakang Kerajaan Malaysia. Malah pihak pimpinan tertinggi Pakatan Rakyat termasuk Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim telah pun memuji tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana keberanian beliau ataupun pendekatan diplomasi yang telah digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berunding dengan pihak pemisah untuk mendapatkan semula *black box* dan juga jenazah-jenazah penumpang MH17 ini.

Walaupun kita tahu bahawa ini adalah satu tindakan yang amat berisiko kerana kita ber, berdepan bukan dengan sebuah kerajaan yang berdaulat, dengan sebuah penguasa ataupun pihak berkuasa yang tidak berdaulat, yang tidak diiktiraf oleh mana-mana masyarakat antarabangsa. Dan ini telah pun, walaupun ada menimbulkan rasa kurang senang hati di beberapa pihak terutamanya kuasa besar Amerika Syarikat, tetapi bagi kita sebagai rakyat Malaysia, sebagai pemimpin politik, kita merasakan bahawa tindakan ini sepatutnya digunakan, sepatutnya diambil, walaupun berisiko, walaupun *unprecedented*, walaupun tidak mengikut lunas-lunas diplomasi antarabangsa, tetapi dalam keadaan yang begitu luar biasa ini, ini adalah satu tindakan yang berani, tindakan yang sepatutnya diambil oleh mana-mana Perdana Menteri Malaysia. Dan kita memuji tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Razak.

Fasa pertama dalam pengurusan tragedi ini, iaitu jenazah-jenazah kita itu telah, yang perlu dibedah siasat, disiasat secara forensik dan diuruskan dengan baik telah pun dijalankan oleh pelbagai pihak. Dan kita difahamkan bahawa jenazah-jenazah ini akan dibawa pulang ke Malaysia dalam beberapa hari nanti. Memang kita rasa jenazah-jenazah, dan kita menyokong segala usaha supaya jenazah-jenazah ini perlu diuruskan dengan sebaik mungkin dan diberikan penghormatan yang tertinggi. Dan memang sepatutnya, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa pada 22 Ogos ini, kalau tak silap saya, sebagai *National Mourning Day* ataupun hari penghormatan kepada jenazah-

jenazah ini dan semua rakyat bersama-sama bersimpati dan bersedih dalam memberikan penghormatan kepada jenazah-jenazah ini. Fasa pertama, saya rasa ini telah pun diuruskan dengan baik dan segala usaha telah pun diletakkan untuk memastikan bahawa jenazah-jenazah ini diberikan penghormatan yang tertinggi.

Tetapi yang saya rasa yang lebih penting selepas fasa untuk menguruskan tragedi ini diselesaikan pada fasa pertama, iaitu selepas semua jenazah-jenazah ini disemadikan, fokus yang lebih penting, yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Malaysia ialah menuntut keadilan daripada pihak yang bertanggungjawab menembak, menembak pesawat MH17 ini yang telah membunuh kesemuka 298 penumpang ini. Seluruh rakyat Malaysia akan berdiri teguh di belakang Kerajaan Malaysia dalam usaha ini. Kita tak boleh tunduk kepada mana-mana pihak kuasa besar. Walau apa pun tekanan, kita faham bahawa dalam senario percaturan geopolitik di antara Rusia dengan Amerika, sudah tentunya pelbagai tekanan akan diberikan kepada Kerajaan Malaysia supaya menutup mulut ataupun tidak kita menuntut keadilan dalam perkara ini. Tetapi saya rasa usaha untuk menuntut keadilan perlu dilakukan dengan tegas oleh Kerajaan Malaysia walau apa pun tekanan yang diberikan. Kerana kita tahu bahawa dalam konflik di Ukraine ini adalah dua pihak kuasa besar dalam percaturan geopolitik iaitu pihak Amerika Syarikat menyokong Kerajaan Ukraine. Pihak Rusia pulak menyokong pihak pemisah. Dan kita terperangkap di tengah-tengah. Tetapi apa pun tekanan yang di, bakal diberikan oleh mana-mana pihak kuasa besar, pada hikmat saya Kerajaan Malaysia sepatutnya menggunakan pendekatan kita berdiri secara tegas, menggunakan segala usaha kita supaya kita menuntut keadilan dalam perkara ini. Dan tidak boleh kita membiarkan perkara ini berlalu sahaja. Dan kita akan menyokong segala usaha yang bakal diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk menuntut keadilan kepada penumpang-penumpang dan keluarga-keluarga.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada semua keluarga dan sanak saudara kepada penumpang-penumpang. Dan ada beberapa anak *crew* ataupun termasuk *co-pilot*, yang duduk di Negeri Sembilan, yang mereka tinggal di Seremban. Ini adalah sesuatu yang amat malang sekali. Kita memberikan ucapan takziah kepada keluarga mereka.

Yang keduanya, Dato' Yang Dipertua, dalam usul yang sama, kita juga mengutuk dengan sekeras-kerasnya tindakan Rejim Zionis Israel yang telah melancarkan serangan bertubi-tubi, membunuh rakyat Palestin di Semenanjung Gaza yang tak berdosa. Sejak daripada serangan pertama yang dilancarkan oleh pihak Israel pada 8 haribulan Julai, mengikut

laporan terbaru 2,016 rakyat Palestin telah terkorban dalam serangan ini, termasuk 540 kanak-kanak. 10,193 rakyat Palestin telah cedera parah dalam serangan-serangan ini. Kita amat, kita amat mengutuk tindakan Israel ini kerana sejak sekian lama, dalam berpuluhan tahun ini pihak Israel se, seolah-oleh diberikan tangan bebas ataupun dengan, dengan kebebasan untuk membedil sesuka hati Palestin ini. Seolah-olah mereka ini ada pihak, kita tahu bahawa pihak Amerika Syarikat di belakang mereka, menyokong usaha mereka, dan memberikan perlindungan kepada mereka. Ini sesuatu yang tak boleh diterima sama sekali. Dan kita menyeru supaya pihak Kerajaan Malaysia terutamanya pihak Kementerian Luar, Wisma Putra supaya bersuara dengan tegas di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kerana dalam konflik di Gaza ini, dan juga yang sekian lama telah berlaku, seolah-oleh sistem keamanan dunia gagal, pihak Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini gagal melaksanakan fungsi mereka untuk memastikan keamanan di negara-negara yang ada konflik ini. Jadi kita merasakan bahawa sudah cukup bahawa konflik antara Israel dengan Palestin ini, sudah sekian lama berlaku, dan berpuluhan ribu, beratus ribu nyawa manusia telah terkorban. Dan bahawa pihak masyarakat antarabangsa terutamanya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu mengambil tindakan yang tegas untuk menyelesaikan konflik di Israel, di antara Israel dan Palestin ini, dan supaya memberi, mengembalikan keamanan kepada rakyat Palestin. Kita bersama-sama ber-solidarity dengan semua rakyat Palestin yang sekian lama telah menghadapi kesukaran ini, dan juga setiap hari menghadapi risiko terbunuh dalam serangan-serangan yang tidak berperikemanusiaan oleh pihak Rejim Zionis. Jadi dengan itu saya menyokong usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Rantau. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada, pihak

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat ahli di Rantau dan disokong oleh Yang Berhormat ahli daripada Labu. Dan Dewan yang mulia ini jugak saya ingin merakamkan ucapan takziah saya kepada salah seorang pengundi dalam kawasan saya Encik Mustafa bin Samad, yang mana anaknya yang bertugas sebagai prumaguri [pramugari] di dalam pesawat MH17 ini, Mastura binti Mustafa yang telah terkorban di dalam kemalangan ini.

Dato' Yang Dipertua, kita berasa sayu dan sedih apakala sebuah pesawat ditembak jatuh oleh bedilan peluru yang keluar daripada

meriam. Ada orang memberitahu bahwasanya apa jugak perkara dalam dunia ini, utamanya perkara yang melibatkan kemalangan yang memakan jiwa yang ramai itu merupakan kehendak Allah s.w.t. jua. Saya sempat berbincang dengan rakan-rakan daripada Masjidil Haram. Dan pendapat yang diberikan, kadang-kala kemalangan yang berlaku itu merupakan petunjuk Allah kerana hanya di Malaysia inilah satu-satunya negara Islam yang mempersoalkan kalimah Allah. Mungkinkah ini petunjuk Allah atau muhasibah yang ditunjukkan oleh Allah s.w.t. kerana kalimah Allah tidak boleh dipakai oleh yang bukan Islam.

Memandangkan kita jugak akan menyambut Hari Kemerdekaan. Mungkin ramai yang dalam Dewan ini tak wujud lagi semasa lahirnya tarikh 13, 31 Ogos 1957. Saya dulu sama-sama beratur di padang untuk menyambut Hari Kemerdekaan. Pada tahun 57 semasa kita mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, pada masa hari itu jugak ugama Islam dinobatkan sebagai ugama rasmi di negara Persekutuan Tanah Melayu. Dan pada masa itu jugak lagu Negaraku digubal. Dengarlah lirik lagu Negaraku "rahmat bahgia, tuhan kurniakan". Kalaulah lagu negara itu digubal tahun 1957, apakah Persekutuan Tanah Melayu itu diisyithar sebagai negara merdeka dan jugak ugama Islam dinobatkan sebagai ugama rasmi, pasal apa perkataan "Allah" tidak digunakan "rahmat bahgia, Allah kurniakan"? Kerana pada masa itu, ulama mengatakan bahwasanya kalimah Allah tidak boleh disebut oleh bukan Islam dan lagu Negaraku akan dinyanyikan oleh haa, segala rakyat Malaysia yang mengandungi lain keturunan yakni Melayu, Cina, India, Benggali dan lain-lain. Sebab itu kalimah Allah tidak dipakai dalam lagu Negaraku. Hingga pada tahun 2014/2013-lah pulak ada ulama yang mengatakan bahwasanya kalimah Allah boleh dipakai dalam Kitab Injil pun dipersoalkan. Ini yang berlaku. Mungkin petunjuk Allah, muhasibah Allah berlaku kemalangan ini, kerana tidak tercatit dalam sejarah dunia bahawanya satu negara menghadapi dua kemalangan kapal terbang dalam haa, peringkat yang terdekat melainkan di Malaysia. Jadi sedar-sedarlah diri. Jangan perkara ugama diheret dalam pertempuran politik. Ini yang mungkin berlaku di negara kita. Sedar-sedarlah diri. Saya mungkin rupa saya buruk, eh kadang-kadang orang muka buruk ni sedar diri, muka cantik tak sedar diri, orang muka cantik mungkin dia fikir hidupnya berlanjutan. Orang yang muka buruk, hari-hari kita fikir, "esok mungkin aku dah tak ada, esok mungkin aku habis sebab muka kita buruk". Sebab itu dalam dunia ini berkawan dengan orang yang muka buruk lebih baik daripada berkawan dengan orang yang cantik. Orang buruk jarang melupa kawan, orang cantik selalu melupa kawan. Dato' Yang Dipertua, eh, tapi buruk-buruk saya, isteri saya cantik tau. Jangan tuan-tuan pandang rendah, orang buruklah pandai ngurat.

Dato' Yang Dipertua, tadi usul yang kedua pun saya sokong. Ini, Yahudi, Palestin, apa ni, Zionis ni pun dahsyat jugak, dibomnya segala orang, budak-budak haa, ahli-ahli Yang Berhormat tuan-tuan fikirlah kalau anak-anak kita yang kecil-kecilan dibom mati. Apa perasaan kita? Dan sepatutnya dunia mengutuk habis-habisan. Saya tak nampak Amerika mengutuk habis-habisan. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat daripada Chennah tadi, bahwasanya Kerajaan Malaysia harus menekankan kepada, dalam Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu bahwasanya Amerika sendiri terpaksa mengambil tindakan tegas terhadap haa, Zionis Yahudi ini. Tak ada pun tindakan yang diambil Amerika. Dalam masa yang sama, harus diperingatkan kerana orang-orang Palestin ini kebanyakannya keturunan Arab. Arab tidak bersatu. Kita puas mempertahankan haa, Palestin, yang Arab kadang-kadang tengok hari ini tiga orang saja haa, daripada rombongan membantu rakyat Palestin ini dihantar oleh Kerajaan Malaysia, secara rasmi, dibenarkan lalu laluan tanah Mesir. Bayangkan. Betul ke Mesir ni? Jadi, kadang-kadang kita tang luar negara Asia ni menyokong habis rakyat Palestin, negara Arab pun 'berkelecoh'. Kadang-kadang ada jugak kelebihan orang-orang Yahudi ini, dia sesama dia bersatu. Cuba tuan-tuan fikir, dia sama dia bersatu, yang Arab-nya bertengkar sama sendiri. Bayangkan pasukan membantu nak masuk ke Palestin ini daripada Malaysia, satu negara yang dianggap bertauliah di dunia, hanya tiga orang dibenarkan lalu. Bayangkan. Melalui tanah Mesir. Ahli-ahli Yang Berhormat fikirkanlah betul tak betul perangai Arab ni. Itu kadang-kadang saya tengok orang pakai jubah pergi ke sana sini, uii, ini semua perangai tak betul ni, pakai jubah ikut perangai Arab, elok jugak ikut perangai kita, pakai kain. Kurang-kurang kita tak ada nyorok, apa-apa, saya senang angkat kain tunjuk. Arab, kadang-kadang, haa itulah dia.

Ahli Yang Berhormat, di akhir ucapan menyokong usul ini saya nak merakamkan di pihak Dewan yang mulia ini, setinggi-setinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana usaha-usaha yang dijalankan untuk menyelesaikan masalah kemalangan kapal terbang dan sebagai disebut ahli Yang Berhormat daripada Chennah melibatkan kuasa besar yakni Rusia dan Amerika. Dan dalam siasatan nanti, siapa jugak yang bersalah haruslah mendapat balasan yang setinggi-tinggi, perbicaraan nanti mestilah di, di, dilaksanakan dengan izin, *without fear and favor*, jangan takut sangatlah dengan Amerika. Amerika ni pun sampai satu peringkatlah, perangai dia cukup dahsyat, dah tiba pulak dah. Saya dulu, saya tengok dulu-dulu tuan-tuan tahu, Presiden Amerika Obama datang Malaysia, kereta dia bawak daripada Amerika, sampai di Kuala Lumpur kereta dia isi minyak pun dia tak mahu isi haa, minyak sama ada Petronas ke, Shell, haa, berkeras jugak nak isi minyak Caltex. Sebab

dia kata Caltex tu daripada Amerika. Tengok perangai Amerika. Ini ke kita nak hormat. Dia datang ke negara kita, Presiden-nya, isi minyak dia tu pun dia nak minyak Caltex, dia kata Caltex tu daripada Amerika. Patutnya dia tu hormatlah kita. Dia masuk negara kita, isilah minyak Petronas. Kurang ajar Amerika ni tau. Jadi Dato' Yang Dipertua, tolong rakamkan ucapan saya menyatakan Amerika kurang ajar. Tuan-tuan yang muda-muda jangan sebut, tuan-tuan panjang umur lagi dalam Dewan ini. Saya dah penghujung dah, apa saya nak cakap saya cakap ajalah. Dato' Yang Dipertua, saya menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat ahli daripada Rantau dan disokong oleh Yang Berhormat ahli daripada Labu tadi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul, saya rasa cukup, saya ingin membuat pengundian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 34 orang ahli Yang Berhormat yang hadir bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan.

[Y.B. ADUN Gemencheh tiada di dalam Galeri Persidangan ketika undian dijalankan]

7.2 USUL KEDUA

Setiausaha Dewan: Usul kedua. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun untuk mengemukakan usul Bahawa mengikut Seksyen 4(3) di dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan yang dicadangkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2014 seperti yang dibentangkan di Kertas Dewan Bilangan 4/2014.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau telah mencadangkan agar Usul

Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2014 dibahaskan, dan telah mendapat sokongan, ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan tersebut, sila angkat, sila berkata “setuju”

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, mohon, mohon pembetulan, saya perlu berikan penerangan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Oh.

Y.A.B. ADUN Rantau: sedikit peneranganlah tentang latar belakang ya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Mintak maaf ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, izinkan saya memberikan sedikit penerangan latar, penerangan berkenaan dengan permohonan untuk kita membuatkan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan 2014 yang memerlukan peruntukan tambahan sebanyak 2 juta ringgit dengan mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Amanah Yang Disatukan.

Dato' Yang Dipertua, peruntukan tambahan ini diperlukan untuk menampung perbelanjaan membaik pulih dan mengubah suai bangunan Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau yang rosak teruk akibat kebakaran yang berlaku pada 27 Februari 2014 yang lalu. Peruntukan tambahan ini akan disalurkan melalui Vot P59 Bangunan Kerajaan. Sebahagian besar, Dato' Yang Dipertua, daripada Bangunan Kompleks Pejabat Daerah Rembau, Pentadbiran Rembau berkenaan telah mengalami kerosakan yang teruk dan tidak dapat diselamatkan lagi, dan tidak boleh digunakan. Berikutan itu, operasi Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau telah dipindahkan ke Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Rembau dan beberapa bangunan kuarters yang lain yang berhampiran. Keadaan yang sama juga turut melibatkan beberapa jabatan yang lain.

Keadaan di tempat kerja semes, sementara tersebut menimbulkan suasana yang amat tidak selesa bukan sahaja di kalangan kakitangan Penjawat Awam tetapi juga kepada pengguna dan jugak orang awam yang memerlukan perkhidmatan daripada Pejabat Tanah Dan Daerah

Rembau. Pemeriksaan oleh Jabatan Kerja Raya, mendapati bangunan tersebut tidak mengalami kerosakan struktur Dato' Yang Dipertua, dengan yang demikian, kerja pembaikan boleh dilaksanakan segera dengan anggaran kos lebih kurang 2 juta ringgit. Anggaran tersebut merangkumi tiga skop kerja utama yang berikut iaitu nombor 1, kerja sivil yang memerlukan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit, kerja mekanikal sebanyak 550 ribu ringgit, dan kerja elektrikal 450 ribu ringgit.

Kerajaan bercadang, Dato' Yang Dipertua, untuk memulakan kerja-kerja pembaikan bangunan tersebut sebaik sahaja usul ini diluluskan. Dan dengan itu mencadangkan peruntukan tambahan 2 juta ringgit tersebut untuk membiayai kos pembaikan diluluskan, Dato' Dipertua. Dato' Yang Dipertua, peruntukan tambahan 2 juta ringgit ini, akan mejadikan jumlah keseluruhan anggaran belanjawan pembangunan untuk tahun 2014 yang dipinda meningkat dari [RM]91,541,000.00 kepada [RM]93,543,000.00, Dato' Yang Dipertua. Jadi, inilah pindaan yang perlu kita buat dan kita mohon supaya pihak Dewan meluluskan peruntukan pembangunan tambahan 2014 ini supaya kerja-kerja pembaikan di Pejabat Tanah Dan Daerah Rembau, yang mengalami kerosakan teruk akibat kebakaran pada awal tahun ini dapat dijalankan segera. Dan dengan kelulusan tersebut, kita meminda Anggaran Belanjawan 2014 daripada [RM]91,541,000.00 kepada 93,543,000.00 ringgit. Sekian Dato' Dipertua, mohon mencadang.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan 2014 ada kaitan dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan yang akan dibentangkan, 2014, seperti dibentangkan sebagai Kertas [Dewan] Bilangan 3 Tahun 2014, maka saya dengan ini mencadangkan supaya usul ini dibincang dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2014.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau telah mencadangkan agar Usul

Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2014 dibahas bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2014, dan telah mendapat sokongan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan tersebut kata “setuju”. Yang tidak bersetuju kata “tidak”. Lebih suara bersetuju, cadangan ini diluluskan. Kita teruskan ke agenda berikutnya.

8. RANG UNDANG-UNDANG

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara kelapan, Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud-maksud tertentu bagi tahun itu. Dibacakan untuk kali pertama.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu.

[Bacaan kali kedua]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, izinkan saya memberikan penerangan mengenai latar belakang keperluan perbelanjaan tambahan ini.

Dato' Yang Dipertua, saya mohon, bangun mohon izin untuk membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Pertama 2014. Rang Undang-Undang ini Dato' Dipertua bertujuan untuk mengadakan peruntukan kewangan dengan mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan iaitu sebanyak 1,872,100.00 ringgit sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Dewan Bilangan 3/2014.

Usul ini bertujuan menampung perbelanjaan tambahan yang diperlukan kepada, nombor 1, Vot B23 Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau, Kod Objek 30000 bagi membiayai perolehan perabot dan kelengkapan pejabat bernilai lebih kurang 1 juta ringgit yang musnah dan rosak semasa kebakaran pada bulan Februari 2014 yang lalu. Yang kedua, Vot B12 Dato' Yang Dipertua, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan berikut. Nombor 1, pertambahan bayaran Emolumen sebanyak 812,000.00 ringgit di bawah Kod Objek 10000. Yang kedua, pertambahan Bayaran Perkhidmatan Keselamatan Pejabat, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebanyak 60,100.00 ringgit di bawah Kod Objek 20000.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam tahun 2014, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan mengurus di bawah Maksud Bekalan sebanyak 352.62 juta ringgit. Haa iaitu peruntukan tersebut telah disalurkan kepada pelbagai Jabatan Negeri pada akhir tahun 2013. Dato' Yang Dipertua, apa yang terjadi ialah, walaupun terdapat dua jabatan iaitu Pejabat Daerah Tanah Rembau dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam terpaksa memohon bayaran tambahan di atas kerana sebab-sebab yang di luar jangka. Kerajaan Negeri telah menilai setiap keperluan perbelanjaan tambahan ini dan mendapati ia amat wajar dipertimbangkan.

Dato' Yang Dipertua, seperti mana yang disebut tadi, pada 27 Februari 2014, bangunan Kompleks Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau telah mengalami kebakaran. Kejadian telah memusnahkan sebahagian besar kelangkapan dan peralatan pejabat seperti kerusi, meja kakitangan, rak fail, kabinet dan lain-lain. Kemusnahaan peralatan dan kelangkapan tersebut menimbulkan kesulitan yang amat sangat bukan saja kepada kakitangan untuk melaksanakan kerja-kerja yang beroperasi sementara di kediaman rasmi Pegawai Daerah bahkan ia juga mendatangkan banyak masalah kepada pengguna yang mahu

menggunakan khidmat Pegawai ataupun Pejabat Daerah Rembau pada masa sekarang. Peralatan berkenaan perlu diganti dengan segera bagi memberi keselesaan kepada kakitangan dan melaksanakan kerja-kerja harian mereka apabila bangunan ini siap di, dibaiki semula. Jabatan menganggarkan kos perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat adalah sebanyak 1 juta ringgit. Kerajaan berpandangan, keperluan tersebut perlu ditampung melalui peruntukan tambahan kerana peruntukan tam, kewangan tahun semasa tidak diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, peruntukan tambahan untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pula ialah bermaksud untuk Vot Bekalan B12. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak [RM]812,000.00 Dato' Yang Dipertua, adalah kerana untuk menampung bayaran Emolumen guru-guru Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah, haa ini Dato' Yang Dipertua ya. Dalam tahun 2013, Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan telah mencapai pesetujuan mengenai pengambilalihan, pengambilalihan pengurusan Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah oleh Kementerian Pelajaran. Dengan keputusan tersebut, peruntukan Emolumen guru-guru bagi sekolah tersebut tidak disediakan dalam belanjawan 2014. Walau bagaimanapun, keputusan berkenaan tidak dapat direalisasikan atas sebab-sebab tertentu. Dengan itu, bayaran gaji guru-guru yang terlibat masih menjadi tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk tahun ini Dato' Yang Dipertua, adalah sebanyak [RM]812,000.00. Keperluan kewangan tersebut perlu ditampung untuk peruntukan tambahan kerana tidak, tidak ada peruntukan disediakan untuk tahun ini. Dato' Dipertua, Sekolah Menengah Agama Sains Selaru ini adalah Sekolah Menengah Agama yang terakhir yang akan kita buat perjanjian kerjasama, yang akan masuk sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Jadi di mana nanti, bila kita dah tandatangani, kita dah nak tandatangani itu hari Dato' Dipertua, tapi ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan sebelum kita menurunkan tandatangan perjanjian tersebut. Berkenaan dengan kedudukan ke, kedudukan guru-guru dia, lama dia bertugas, dan berkenaan dengan mata pelajaran pun kita mahu melihat supaya mata pelajaran ini, dan macam-macam lagi, Dato' Dipertua, supaya identiti sekolah agama seperti itu tidak hilang.

Jadi ini yang kita buat, dan kita pastikan supaya ianya dipersetujui oleh kedua pihak sebelum kita menandatangani kerana kita tidak mahu berlaku perkara seperti dulu-dulu, Dato' Yang Dipertua, di mana guru-

guru, dia dah *senior*, tapi kita tidak lihat dia punya *seniority*, dan sebelum kita menandatangani tersebut, kita tidak mengubah pangkat dia ataupun, mengubah gred dia ya, mengubah gred dia. Bila dah tandatangan besok, dia akan terlepas dan, dia punya *seniority* tersebut tidak diambil kira, Dato' Yang Dipertua. Jadi adalah malang dan jugak dia akan merugikan dan jugak dia tidak berlaku adil kepada guru-guru yang terlibat. Itu sebabnya kita nak uruskan sebelum kita bersetuju menandatangani untuk Sekolah Agama Sains Selaru ini kita jadikan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan.

Itu sebabnya kita jangkakan, perjanjian kita buat bulan Januari ataupun Februari, di mana kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran akan mengambil alih sekolah tersebut dan guru-guru punya gaji, emolumen seluruh kakitangan akan dibayar oleh Kementerian Pelajaran. Tetapi disebabkan oleh beberapa perkara yang perlu kita selesaikan, yang perlu kita persetujui sebelum, terutamanya berkenaan dengan masa depan guru-guru dan yang lain-lain, maka kita tidak mahu menandatangani perjanjian tersebut sehingga salah pihak kementerian bersetuju dengan pandangan dan cadangan yang kita telah ajukan kepada pihak kementerian.

Jadi oleh yang demikian Dato' Yang Dipertua, dalam kita punya pengurusan, dalam belanjawan pengurusan untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan jugak dalam Pejabat Tanah Rembau tadi terbakar, kita memang tidak ada belanjawan untuk itu. Dan disebabkan oleh kita tidak dapat meneruskan hasrat untuk menandatangani perjanjian dengan Kementerian Pelajaran pada bulan Februari tahun ini, maka kita terpaksa memohon di Dewan yang mulia ini supaya belanjawan mengurus untuk jabatan, Pejabat Tanah Rembau dan jugak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam diberikan tambahan, Dato' Yang Dipertua, supaya kita dapat membayar gaji-gaji guru-guru sekolah-sekolah agama tersebut.

Dan yang nombor 2 adalah berkenaan dengan pelaksanaan gaji minimum kepada semua kakitangan ataupun pekerja di Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, ada kita mengupah orang-orang yang menjaga premis kita, iaitu pengawal-pengawal keselamatan, maka kita jugak terlibat dalam skim gaji minima yang dibuat oleh kerajaan. Jabatan perlu membayar gaji minima ini, Dato' Yang Dipertua, maka kita memerlukan jugak bayaran tambahan, peruntukan tambahan sebanyak 60,000.00 ringgit, Dato' Yang Dipertua, untuk kita pastikan supaya 60,100.00, ringgit untuk kita menampung kenaikan gaji minima yang dibayar kepada pengawal-pengawal keselamatan, Dato' Yang Dipertua.

Jadi peruntukan tambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus, belanjawan tahun 2014 yang dipinda meningkat daripada [RM]352,626,000.00 kepada 354,498,100.00 ringgit, Dato' yang Dipertua. Saya mohon supaya ahli Dewan dapat memberikan sokongan di atas usul yang dibawa ini, saya ingin mencadangkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2014 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali yang kedua. Jika juga bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan 2014 bersekali dengan Rang Undang-Undang itu. Oleh itu, seterusnya saya kemukakan kedua-dua perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

Y.B. ADUN Lenggeng: Yang Dipertua, saya mohon penjelasan saja, apa yang disebut tadi Pejabat Daerah Rembau terbakar. Ayah saya orang Rembau. Saya ingat lagi, arwah mak saya bercakap, dia kata "arwah bapak kau dulu masa dia hidup, dia beritahu mak" kata dia, "tak mungkin Balai Rembau terbakar, tak 'lut' di makan api". Ini saya nak tahu lah macam 'mano' Pejabat Daerah ni dah dianggap balai Rembau boleh di makan api, zaman moden. Saya bertanya ni, kalau malam ni saya tidur, dalam tidur saya, ayah saya bertanya kepada saya, senang nak saya jawab.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Perbahasan tu, perbahasan pertama, ni kedua.

Y.B. ADUN Sikamat: Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk menggu, meng, membincangkan usul ini. Pertama sekali berkenaan dengan emolument Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang kita maklum bahawa perkara ini telah lama sebenarnya dalam perundingan. Dan bilakah sebenarnya dasar ini dapat diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia? Dan yang penting sekarang apabila penyerahan sekolah ini, bermakna tinggal dua buah sekolah saja yang di bawah Kerajaan Negeri iaitu sekolah, Institut Tahfiz Al-Quran, dan juga maahad, Sekolah Maahad di

Gemencheh. Jadi saya mencadangkan agar kerajaan juga melihat keperluan-keperluan dan kemudahan-kemudahan untuk sekolah, kedua sekolah ini yang mana kita lihat bahawa sekolah ITQAN kita lihat bahawa surau pun bocor. Dan kita juga lihat bahawa keperluan untuk menaik taraf semula asrama di ITQAN tersebut. Juga kita juga tidak harus lupa bahawa kemudahan bas yang amat diperlukan oleh pelajar di sana khususnya di luar sekolah tersebut memandangkan mereka agak jauh dan pedalaman.

Di samping itu juga, berhubung dengan kebakaran di Pejabat Daerah Rembau dan, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau. Saya ingin penerangan daripada kerajaan apakah kerajaan tidak mengambil skim insurans ataupun Takaful untuk bangunan-bangunan kerajaan sedia ada. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya silakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua dan terima kasih kepada rakan-rakan ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan berkenaan dengan perbahasan pengurusan, belanjawan tambahan dan bajet tambahan.

Berkenaan dengan Sekolah Selaru itu tersebut, kita, Dato' Yang Dipertua, daripada pengalaman yang lepas-lepas, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan jugak kerajaan, kita memikul satu tanggungjawab sebelum apa-apa perubahan yang dilakukan. Kita tak mahu mengulangi, kita tidak mahu mengulangi kesilapan-kesilapan masa lepas. Kita mesti belajar daripada kesilapan kerana dalam pertukaran-pertukaran ataupun perpindahan-perpindahan yang dibuatkan masa-masa yang lepas, terdapat beberapa ataupun kakitangan menjadi mangsa. Ini yang kita tekankan supaya beberapa orang guru-guru Majlis Agama Islam yang mengajar di situ perlu diberikan status mereka dulu. Apa statusnya? Dan guru-guru di situ yang dah lama berkhidmat perlu kita buat *grading* dia dulu. Kerana bila Kementerian Pelajaran ambil besok, Dato' Yang Dipertua, dia lepas tangan. Dia kata "ini patutnya dibuat semasa sebelum perpindahan berlaku" dia kata. Ini dah berlaku dulu. Jadi kita tak mahu perkara yang sama berulang dan yang menjadi mangsa nanti ialah Kakitangan Awam kita. Jadi ini yang kita nak buat, kita susun *grading* dia dulu, nak susun semula status kakitangan guru lantikan MAINS yang ada kerana guru-guru di Sekolah Menengah Agama Sains Kuala Pilah ini jugak mengalami masalah kerana kekurangan guru. Jadi kita, Majlis

Agama Islam menambah guru-guru dengan menampung, ditampung gajinya oleh Majlis Agama Islam. Jadi status mereka macam mana? Apakah mereka boleh diserap terus? Apakah mereka ini terpaksa keluar? Dan macam-macam lagilah yang perlu kita jawab persoalan-persoalan ini, Dato' Yang Dipertua.

Yang ketiga ialah berkenaan dengan *grading* pengetua-pengetua. Pun kita lihat jugak. Dan alhamdulillah, Dato' Dipertua, kalau dulu Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri Sembilan ini, kita ada jumlahnya 19, tapi termasuklah Maahad Ahmadi dan jugak yang lain-lain, habis tinggi pun Pengetua-nya dulu Gred 44. Tapi alhamdulillah bila kita dah buatkan suatu kerjasama pintar dengan Kementerian Pelajaran, ada dah Pengetua dah Gred 52. Dan dengarnya nak, ada yang nak jadi Gred 54 pun ada. Macam-macam. Jadi ini merupakan satu peluang yang dinikmati oleh guru-guru di sekolah-sekolah agama ni, Dato' Yang Dipertua, yang dulunya mereka tidak mempunyai peluang langsung kerana mereka berkhidmat dalam satu skim tertutup. Skim di mana tidak ada pertambahan jawatan dan peningkatan jawatan dapat dilakukan. Jadi bila di, kita buat, dan kita bersama dengan Kementerian Pelajaran, masa depan guru-guru ni pun terjamin, dan mereka merupakan guru-guru yang dulunya kalau Guru Sementara dah diserapkan sebagai Guru Tetap di bawah Kementerian Pelajaran. Inilah kebaikannya.

Dan alhamdulillah, Dato' Yang Dipertua, kita dulu menghadapi masalah dengan prestasi Sekolah-Sekolah Agama Negeri Sembilan ini Dato' Dipertua, kerana kelemahan-kelemahan yang ketara, bangunan tak, tak ada, tak cukup, guru tak cukup, tempat belajar tak sesuai, kemudahan-kemudahan asas tak ada, maka keputusan peperiksaan mereka tidak begitu cemerlang. Tetapi selepas tiga tahun, tahun keempat kita membuat, menjalinkan kerjasama pintar antara Kerajaan Negeri Sembilan, antara Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dengan Kementerian Pelajaran, peperiksaan PMR tahun 2013, Dato' Yang Dipertua, peperiksaan PMR, kalau dulu sekolah-sekolah agama ni dulu dia di belakang, tempat yang terkebelakang, tetapi amat bangga sekali, saya nak menyatakan di sini bahawa, keputusan PMR pada tahun itu, daripada 15 sekolah keputusan PMR sekolah-sekolah Negeri Sembilan yang terbaik, lapan daripadanya adalah daripada sekolah agama. Ini satu keputusan yang amat cemerlang. Tolaklah tiga, Sekolah SHAMS, Sekolah Agama Pedas dan Sekolah Agama Persekutuan Labu, tetapi sekolah-sekolah agama yang lain, yang lima lagi tu, Dato' Yang Dipertua, telah melonjak, sehingga pada tahun ini Dato' Yang Dipertua, beberapa guru besar dan sekolah-sekolah agama Kerajaan Negeri yang dulunya daif, yang dulunya tak cemerlang, telah dapat diberikan apa yang dipanggil sebagai Bai'ah ataupun *the new deal*,

perjanjian baru di antara kementerian dengan sekolah tersebut. Melonjak, ada dulu sekolahnya Dato' Yang Dipertua, statusnya, *ranking*-nya 1,900 lebih dalam sekolah-sekolah seluruh Malaysia, dia berkedudukan 1,900 lebih. Tapi keputusan yang baru ni Dato' Yang Dipertua, dan SPM yang baru lepas, tahun lepas, dia telah melonjak kepada kedudukan bawah pada 600. Dan dua buah sekolah telah mendapat Bai'ah iaitu Sekolah Menengah Agama Gemas dan Sekolah Menengah Agama Nilai, dan ada lagi satu iaitu Sekolah Menengah Agama di, di Gadong, iaitu Sekolah Menengah Dato' Mohd. Yatim, ya, yang dapat.

Jadi alhamdulillah, ini kesannya Dato' Dipertua, inilah dia matlamat kita nak pastikan supaya aliran agama bersama-sama dalam aliran perdana. Kita tak mahu lihat lagi supaya aliran agama ini menjadi sebagai sekolah pilihan kedua, tambahan pulak sekarang Dato' Yang Dipertua, ibu bapak amat cenderung untuk menghantar anak-anak masing-masing ke sekolah aliran agama. Maka apakah Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Agama Islam ataupun Majlis Agama Islam semua berpeluk tubuh dan tidak buat apa-apa. Haa ini yang kita buat. Kita buat perjanjian kerjasama dan sekolah diuruskan oleh Jabatan Pelajaran dan jugak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dengan baik sekali. Yang penting, masa depan guru terjamin dan yang paling mustahak sekali ialah anak-anak tidak lagi menjadi mangsa disebabkan oleh keegoan kita kerana tidak mahu, masih lagi mahu mengurus dengan sendiri walaupun tak cukup, walaupun serba-serbinya tak baik, tapi kita kerana ego, kita nak simpan sekolah ini Sekolah Agama Negeri, dan akhirnya yang menjadi mangsa adalah anak-anak kita.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, [RM]812 ribu tadi, ini gaji yang patutnya, kita patut dah *sign*, dah tandatangan dah perjanjian dengan Kementerian Pelajaran bulan 2 tempoh hari. Tapi disebabkan oleh, terutamanya mata pelajaran diniah dan lain-lain, ada lagi isu-isu seperti yang disebutkan tadi, kita tidak akan tandatangan. Ini adalah hasrat kita. Kita tidak akan tandatangan perjanjian dengan Kementerian Pelajaran selagi isu yang saya bebutkan tadi tidak dapat kita selesaikan dan tidak mendatangkan kebaikan kepada pihak kita ataupun guru-guru dan jugak pihak sekolah di Negeri Sembilan.

Jadi Dato' Yang Dipertua, kita perlu ini untuk kita letakkan dalam belanjawan tambahan mengurus supaya gaji-gaji cikgu-cikgu ini, sekarang Jabatan Kebajikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam pakai duit apa yang ada, bayar gaji. Tapi dia dah nak habis dah. Mereka tak boleh pulak nak menjalankan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain kerana terpaksa menggunakan duit-duit itu untuk membayar gaji.

Jadi saya mintak supaya ahli Dewan yang bersidang. Dewan yang mulia hari ini, supaya bersetuju meluluskan belanjawan tambahan mengurus, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam [RM]812 ribu untuk bayar gaji, [RM]60,100.00 untuk bayar tambahan gaji Pengawal Keselamatan. Dan 1 juta ringgit untuk kita pastikan supaya Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau dapat dipulih, dibaik, dibaiki segera untuk kita memulakan perkhidmatan. Tadi, Yang Berhormat daripada Lenggeng kata tak boleh terbakar, tak tahuolah, bangunan terbakar. Jadi, malam karang, kalau Dato' mimpi, Dato' bisik-bisikkanlah 'kek' arwah ayah ni, "boleh terbakar" kan.

Jadi, tadi ada soal sama ada ambil insurans ataupun tidak. Insurans ini saya sebenarnya, biarlah saya cakap di sini, dalam Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, bangunan kerajaan kita tak insuranskan. Itu sebabnya saya sekarang menerokai, *I am exploring how best*, dengan izin, untuk kita mengambil bangunan-bangunan strategik supaya kita dapat insuranskan kerana jika kita tidak insuranskan Dato' Yang Dipertua, inilah masalah dia. Dan kita nanti tidak mahu orang kata kita, kita ter, kita tak mahu berbelanja sedikit akhirnya kita rugi banyak. *So we don't want penny wise pound foolish*, dengan izin, dan kita sedang menerokai supaya kita menginsuranskan, mengambil insurans *cover* untuk bangunan-bangunan kerajaan yang penting-penting agar apa-apa yang berlaku nanti akan dapat kita berunding dengan pihak insurans untuk kita dapat pampasan daripada pihak insurans. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang dan Usul ini telah dibahas serta dijawab oleh kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, yang bersetuju Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2014 dibacakan bagi kedua, serta Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2014 diterima dan diluluskan, sila angkat tangan [semua 35 orang ahli Yang Berhormat bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan sekarang bagi kali kedua dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2014 diluluskan.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dibincangkan sefasal demi sefasal.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dipertimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan [semua 35 orang ahli Yang Berhormat bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara jawatankuasa.

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha Dewan: Fasal 1.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 2.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Jadual.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang telah pun dibincangkan, dikemukakan semula kepada Dewan.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Pengurus, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Rang Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2014 dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata "setuju". Yang tidak bersetuju kata "tidak". Lebih suara bersetuju. Dewan bersidang semula.

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2014 telah ditimbang dan telah dibahas sefasa demi sefasa dan dipersetujui dengan tiada pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bali, bagi kali ketiga dan diluluskan.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bali, bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan [semua 35 orang ahli Yang Berhormat bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan: Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2014. Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri.

9. PENANGGUHAN MESUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara kesembilan, Penangguhan Mesuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dipertua kerana telah mengendalikan Persidangan Dewan pada kali ini dengan jayanya. Terima kasih.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya bangun menyokong cadangan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu, saya ada menerima beberapa permohonan daripada ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini. Setiap ahli Yang Berhormat dibenarkan untuk membuat Ucapan Penangguhan selama 10 minit sahaja. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Chuah.

Y.B. ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Untuk ambil Ucapan Penangguhan. Tajuk saya ialah "Utamakan Kepentingan Rakyat". Di sini saya ada beberapa perkara untuk bersentuh.

Perkara yang pertama ialah untuk nelayan. Dato' Yang Dipertua, saya telah terima beberapa la, aduan untuk nelayan di kawasan saya khususnya sebab kebocoran paip sistem, *cooling system* dah, dah bocor. Oleh kerana itu *discharge* air itu mengakibatkan laut suhu, maknanya panas menjadikan ikan, udang kurang untuk tepi pantai. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah, apabila di Jimah Power, *plan* tu, pembesar ataupun perluasan kawasan dah teroka ataupun dah ditebangkan pokok bakau mengakibatkan mencemarkan alam sekitar. Dan jugak untuk mengurangkan pendapatan nelayan. Jikalau projek tersebut dijalankan, agaknya mengambil masa empat tahun. Maknanya nelayan di sekeliling tu, pendapatan tu akan menjadi kurang, biasanya jikalau dapat sebulan [RM]2,000.00, kemungkinan dia hanya dapat [RM]1,000.00 ataupun [RM]500.00. Maknanya adakah perancangan ataupun jadual untuk bantu nelayan untuk mendapatkan ganti rugi

ataupun pampasan untuk meningkatkan ataupun membantu kehidupan nelayan tersebut. Bukan sekadar dekat Jimah Power jugak, termasuk apabila *discharge cooling system*, termasuk di stesen jana kuasa di Port Dickson, sama jugak, apabila *discharge cooling system*, menjadikan air laut ataupun panas ataupun suhu mengakibatkan ikan, ataupun udang kurang.

Dan apabila *discharge* tu, bukan hanya panas, mungkin termasuk klorin ataupun *chemical*, menjadikan air laut tu berbuih, maknanya tahuolah, sebab udang ataupun ikan tu sensitif, dia tak akan masuk sebab nelayan tu, dia bot dia kecil, tak boleh keluarkan jauh, kalau keluarkan jauh sebab tu diesel pun mahal, subsidi pun agak tinggi, tapi bahaya jugak. Baru-baru ini apabila musim hujan ataupun ombak besar tu, nelayan tu dah tak boleh kawal dalam 12 jam baru jumpa. Itu nelayan Chuah.

Oleh kerana tu, saya mintaklah keperihatinan dari pejabat ataupun Kerajaan Negeri untuk pantau projek-projek yang tersebut ataupun *discharge* yang khususnya pembesaran ataupun nak buat, bina satu jana kuasa di Jimah Power. Apabila dia tebang bakau, maknanya mencemarkan alam sekitar, mengurangkan pendapatan nelayan tu, mungkin jangka panjang ataupun pendek, kita jangka empat tahun kita boleh dapat perancangan ataupun satu *plan* untuk, untuk membantu nelayan tersebut untuk meningkatkan kehidupan mereka, meningkatkan pendapatan mereka. Itu pertama.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, saya pernah soal, saya telah soal dalam Soalan Bertulis saya, naik taraf jalan raya. Sebab jalan raya di Chuah ni, ada beberapa tempat yang tidak sempurna khususnya di di sungai, selekoh di Jimah Power. Apabila hujan, air bertakung hampir setengah kaki, jikalau mungkin dua tiga, amat membahayakan pengguna kenderaan kecil ataupun penunggang motosikal. So, dalam jawapan bertulis tu, telah kata sedang ambil peruntukan ataupun cuba dapat kontraktor sebut harga untuk perolehi, jalankan menaik taraf jalan tersebut. Itu, mungkin dia tak tahu bila dia akan sebut harga dan bila dia akan mula melaksanakan atau menaik taraf kerja tersebut. Yang penting sekali, sebab itu amat merbahaya untuk pengguna jalan raya khususnya motosikal, penunggang tu. Apa yang jangka pendek, yang segera kita boleh buat, untuk menambah atau menaik taraf beberapa tempat. Itu amat penting.

Yang jugak ada beberapa tempat di daerah di simpang Kampung Jimah. Saya ada bertulis surat kepada jabatan berkaitan hari ini masih tidak ambil tindakan. Apabila kerja naik taraf ataupun meningkatkan SAINS dan lain-lain tu, bila korek dia berlepas macam tu, tidak berturap

semula. Apabila hujan, di simpang Kampung Jimah tu, amat bahaya. So, oleh kerana tu, saya mintaklah kerajaan ataupun jabatan berkaitan tu, ambil prihatin untuk mensegerakan ataupun menaik taraf jalan yang tersebut. Ada tambahan lagi. Mintak tambahan, ya, bila tarikh nelayan tu, setiap kali tu, keselamatan.

Dato' Yang Dipertua, selalu daripada tu, di taman-taman khususnya di Taman Jimah Jaya, Site C, dah beberapa kali saya tulis surat aduan untuk PBT menaik taraf membersihkan longkang tersebut, sampai hari ni, sekian lama tidak ada tindakan lagi. Dan jugak, jugak di tempat itu, nyamuk denggi macam-macam, sampah-sarap, saya ingat bukan kali ini, mungkin dah enam tahun kita mintak masih tidak ambil tindakan. Itu yang pertama.

Yang kedua, yang tempat sukan komuniti termasuk gelanggang futsal, badminton ataupun keranjang di Taman Jimah Jaya ni memang tak ada. Oleh kerana tu, pemuda pemudi tu, belia yang selalu mintak "macam mana taman saya tidak ada tempat futsal?" Saya kata jumpa Yang Berhormat so, jikalau ada tempat kita cuba kaji semula, sila bentukkan satu tempat futsal ataupun padang bola untuk belia-belia di taman yang tersebut tu, boleh dapatlah aktiviti-aktiviti. Jikalau tidak, dia akan melepak di mana-mana, kita pun risau jugak adalah mat rempit, lain-lain pun. Oleh kerana tu, saya mintak jasa baik pihak kerajaan untuk meninjau ataupun meneliti, yang tempat yang taman tu memang ada tempat untuk membangunkan padang futsal ataupun pusat komuniti sukan untuk masyarakat yang tersebut.

Dato' Yang Dipertua, sekian beberapa kali memang kehilangan bot berkali-kali di DUN saya ataupun di pantai PD. Sebenarnya saya nak mintak jawatan kuasa khususnya keselamatan tu ambillah satu tindakan yang kerasnya ataupun sewajarnya untuk mengawal keselamatan bot-bot yang simpan di jeti. Jikalau tidak, malam ni datang jugak, besok bot satu dua hilang. Lepas tu yang pa, malangnya sebab bot-bot yang tersebut tu tidak ada insurans, lepas tu ganti rugi pun tidak cukup. Bot dia agak mahal. Sebab dia tak dapat untuk insurans membayar ataupun pampasan. So, maknanya, nelayan tu akan menghadapi masalah khususnya tidak dapat menampung dan beli bot balik. Oleh kerana tu saya mintak pihak kerajaan khususnya pihak yang berkuasa tu, sila ambil prihatin khususnya dapatlah mengawal khususnya malam. Biasanya bot datang tu, dia ambil bot terus keluar, hilang selalu.

Dato' Yang Dipertua, yang, kita tahu lah baru-baru Yang Amat Berhormat Rantau kata sebab pengangkutan tu amat penting. Saya hanya nak bangkit semula sebab di DUN saya ini memang tidak ada

pengangkutan awam. So, saya haraplah dapat satu solusi untuk mengatasi masalah. Jika ada apa perancangan yang bagus, kita cuba kemukakan, jikalau tidak untuk penduduk di kawasan saya ini amat sukar apabila ada pengurusan kerajaan, urusan berniaga, urusan kerja tu, nak keluar tu payah. Jikalau di sana untuk sewa taxi agaknya pergi balik dah 100.00 ringgit. Dan kawasan saya ini adalah luar bandar. Yang pendapatan pun agak kurang. Oleh kerana tu, saya mintaklah Kerajaan Tempatan ataupun, khususnya untuk buatlah satu kajian dapatlah operasi untuk bas ataupun pengangkutan awam di kawasan yang tersebut. Saya tengok Yang Berhormat tengok masa, agaknya masa adalah cukup, oleh kerana tu Ucapan Penangguhan tu dah, sekian terima.

Y.B. Yang Dipertua Awam. Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Bukit Kepayang.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam menyampaikan Ucapan Penangguhan, Penangguhan dengan tajuk "Pembangunan Bandar Seremban Dan Perancangan Trafik". Umum sedia maklum pembangunan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan terutama dalam negara kita menuju ke arah menjadi nega, negara membangun menjelang tahun 2020. Saya bersetuju dengan jawapan yang berikan oleh Yang Amat Berhormat pagi tadi iaitu mengatakan bahawa satu jajaran *express way* daripada KLIA ke Seremban yang dianggap sebagai *alternate road* untuk Seremban bakal menjadi *catalyst* ataupun pemangkin pembangunan dan juga merancakkan pembangunan ekonomi di kawasan Seremban dan sekitarnya.

Memang betul, kita sedia maklum jajaran jalan raya yang baik sudah tentunya bukan setakat memudahkan rakyat kita untuk berulang-alik, malahan ia juga menjadi antara faktor untuk membolehkan para pelabur khasnya para pelabur asing untuk melabur modal untuk datang ke tempat kita dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara kita khasnya di Negeri Sembilan. Jadi saya, bagi saya jajaran tersebut bukan setakat wajar, bukan setakat perlu tetapi perlu disegerakan untuk pembangunan.

Di samping itu Dato' Yang Dipertua, saya juga nak menarik perhatian Dewan yang mulia pada hari ini iaitu berkenaan dengan MRR. Iaitu Jalan Lingkaran Tengah Seremban yang sekarang ini, pada setakat ini fasa 3A sudah di, saya anggap sudah disiapkan sebab ia sudah mula bukak untuk laluan, lalu lintas pada bulan, pertengahan bulan Julai

yang lepas, Dato' Yang Dipertua. Tetapi saya mohon kepada Kerajaan Negeri, walaupun saya tahu ini di bawah Persekutuan, projek ini di bawah JKR Persekutuan, tapi saya jugak mohon sokongan ataupun pihak Kerajaan Negeri boleh memberikan input kepada pihak JKR Persekutuan berkenaan dengan fasa 3A yang telah dibuka untuk laluan trafik pada bulan lepas iaitu di *interchange* Taman Permai untuk kenderaan daripada alah, daripada arah Labu ataupun Sungai Ujong, apabila di persimpangan lam, lampu isyarat Jalan Labu/Jalan Sungai Ujong, mereka masuk ke Jalan Lingkaran Tengah untuk masuk ke Taman Permai, mereka tak dapat nak belok ke kanan, ke kiri. Mereka terpaksa membuat *U-turn* di Taman Bukit Rasah dan Bukit Chedang. Lepas tu buat *U-turn* untuk balik ke Permai. Jadi keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa melalui satu perjalanan ja, dengan jarak yang lebih jauh. Dan juga ia mendatangkan masalah kesesakan di *traffic light* baru tersebut iaitu di sekitar *round about* Taman Bukit Chedang.

Saya mohon, sebab tinjauan mendapati bahawa terdapat tanah lapang di *interchange* Permai. *Interchange* Permai sekarang ini dia menerima laluan kenderaan daripada arah Bukit Chedang ataupun arah Kuala Pilah, Senawang dan sebagainya. Tetapi daripada arah Labu kenderaan tidak dapat memasuki Taman Permai. Maka dengan itu ramai pengguna termasuk penduduk sendiri terpaksa menggunakan jalan taman yang sempit iaitu Jalan Kurau 1 di Taman Permai Fasa 1. Jalan yang sempit depan rumah, terpaksa digunakan sebagai laluan daripada persimpangan Labu/Jalan Sungai Ujong untuk mengelakkan kesesakan yang berlaku di Kemayan Square. Ini telah mengakibatkan masalah kesesakan yang berlaku di Jalan Kurau 1, yang menghantui penduduk kerana sejak empat tahun yang lepas, waktu tu, Jalan Lingkaran Tengah belum dibuka lagi, belum disiap, tapi sudah siap, tetapi disebabkan tiada susur keluar ke Taman Permai, menyebabkan penduduk masih menggunakan jalan yang sempit tersebut. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Negeri sekiranya boleh melalui JKR supaya menyelidik, kaji semula apakah ada kemungkinan untuk membina satu susur keluar di Taman Permai iaitu di depan *food court*.

Dato' Yang Dipertua, perkara kedua yang saya nak kemukakan berkenaan dengan keadaan trafik di Kemayan Square. Kita tahu kompleks perniagaan yang besar, Palm Mall telah dibuka sejak tiga bulan yang lepas, dan dua *traffic light* yang baru dalam jarak 200 meter telah dibuka dan mula beroperasi sejak bulan Mei yang lepas. Tetapi, Dato' Yang Dipertua, sehingga hari ini, keadaan trafik di kawasan tersebut bukan bertambah baik, tetapi bertambah kesesakan di situ. Yang mana rungutan bukan sahaja daripada peniaga tetapi daripada orang awam yang mengunjungi ataupun yang kena ada urusan di

Kemayan Square, hadir di Kemayan Square untuk urusan mereka, terpaksa ambil masa yang lama. Walaupun tempat tu sebenarnya tidak jauh daripada urusan mereka tetapi terpaksa ambil laluan yang jauh disebabkan *traffic light* yang baru tersebut.

Jadi saya mohon pada pihak Kerajaan Negeri supaya memantau semula apakah keberkesanan dua *traffic light* tersebut sebab bagi saya, *traffic light* yang ada di situ, ikut jawapan yang saya perolehi pada sidang Dewan bulan April yang lepas, dikatakan ia telah pun dikaji dan diselaraskan kesemua *traffic light* tersebut. Dan juga dalam sidang Dewan yang lepas, apabila saya mengemukakan soalan berkenaan dengan apakah pihak berkuasa telah ada kajian berkenaan dengan laluan trafik di Kemayan Square selepas Palm Mall dibuka untuk orang awam, maklumat yang diberikan ataupun jawapan yang diberikan mengatakan bahawa kajian yang menyeluruh ataupun penyelidikan secara saintifik telah dijalankan. Tetapi saya, hari ini apa yang terjadi adalah sebaliknya. Saya tidak mempertikaikan kajian yang dibuat pihak berkuasa, cuma saya berharap, perkara ini telah timbul masalah sejak bulan Mei, sejak kompleks tersebut dibuka. Dan adalah untuk Pihak Berkuasa Negeri supaya mengkaji apa yang telah terjadi dan ambil kira langkah-langkah yang boleh dilakukan termasuk, saya nak cadangkan di sini, saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh memberikan arahan kepada kompleks tersebut supaya mengurangkan kadar bayaran *parking* dalam kompleks tersebut yang saya percaya sekiranya kadar bayaran *park, parking* di dalam kompleks tersebut dikurangkan, ia dapat meng, apa, menggalakkan orang awam supaya *park, apa, meletakkan kenderaan mereka dalam kompleks tersebut*. Sebab sekarang ni, kalau masuk saja, dia, *first three hours*, tiga jam yang pertama, 2.00 ringgit, kalau kita masuk setengah jam, masuk 20 minit pun kena bayar 2.00 ringgit. Itu yang menyebabkan, yelah, rakyat, orang awam tidak, apa, enggan untuk men, meletakkan kenderaan mereka dalam, *parking lot* dalam kompleks tersebut walaupun mereka sebenarnya pengunjung kepada kompleks tersebut. Jadi saya mohon mungkin pihak Kerajaan Negeri, boleh campur tangan, walaupun saya tahu itu kompleks komersial, mereka mempunyai, apa, kuasa pengurusan mereka, tetapi saya mohon jasa baik daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk ambil perhatian terhadap perkara ini.

Dan perkara ketiga yang saya nak tarik perhatian Dewan adalah berkenaan, ini berkenaan dengan jalan raya sekali lagi, iaitu keadaan di sepanjang Jalan Sungai Ujong sehingga ke plaza tol yang kita sedia maklum sejak beberapa tahun yang lepas, memang sentiasa sibuk dengan lalu lintas, ia tak kira waktu puncak, sepanjang masa. Dan Kerajaan Negeri pada tahun lepas pernah mengatakan bahawa satu susur keluar khas dari, dari arah Seremban 2, kalau untuk kenderaan

yang memasuki, arah utara ke Kuala Lumpur, satu susur keluar, satu plaza tol baru akan dibina. Dan saya dimaklumkan sebelum ini pada sidang Dewan bulan April yang lepas, ia melibatkan proses pengambilan jalan, pengambilan tanah dan sebagainya. Sebab tu mengambil masa sikit. Dan saya juga mohon Kerajaan Negeri supaya kalau boleh berikan sedikit *update* berkenaan dengan proses pengambilan tanah tersebut. Dan setakat mana progres dia, status untuk pembinaan susur keluar ataupun plaza tol yang baru ini.

Dato' Yang Dipertua, perkara terakhir yang saya nak bangkitkan pada tengah hari ini adalah berkenaan dengan plaza tol baru iaitu plaza tol untuk *PLUS Highway* yang akan dibina berdekatan dengan projek bandar Ainsdale di Labu. Jadi, saya nak tahu bilakah projek ni, ataupun plaza tol ni akan dapat disiapkan sepenuhnya pembinaannya? Sebab saya percaya pembinaan tol baru ini selepas siap dibina nanti, dan selepas ia beroperasi ataupun di, di apa, kereta boleh melaluinya ia akan dapat mengurangkan separuh daripada kesesakan lalu lintas di Jalan Sungai Ujong dan ia akan mendatangkan kemudahan kepada penduduk yang dapat mengelak daripada menggunakan Jalan Sungai Ujong yang kita, yang sedia ada pada hari ini.

Dato' Yang Dipertua, sempena dengan bulan kemerdekaan, bulan, sebab kita akan menyambut ulang tahun ke-57 kemerdekaan negara kita, pada 31 Ogos pada petang, pada hujung bulan ni, saya sebagai, saya rasa, haa wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat yang terakhir yang ambil bahagian pada persidangan Dewan pada tengah hari ini, bagi pihak Pakatan Rakyat dan juga rakan-rakan semua, saya nak ucapkan terima, selamat menyambut hari kemerdekaan yang ke-57 kepada semua rakyat Malaysia, kepada Dato' Yang Dipertua, ahli Yang Berhormat, semua Kakitangan Awam yang telah bertungkus-lumus dalam menjayakan pembangunan dan juga kemudahan untuk semua rakyat. Dan saya berharap sempena dengan bulan kemerdekaan ini, kita sama-sama menghayati dan juga mendukung semangat kemerdekaan daripada pimpinan lama kita, sejak tahun '57 di mana bukan senang kita mencapai kemerdekaan daripada 'Mat Saleh' dulu. Dan semoga semangat ini akan kita teruskan untuk kepentingan, untuk keperluan semua rakyat kita khasnya generasi akan datang dan juga untuk kepentingan negara. Dan saya juga nak tanya, pada pihak Kerajaan Negeri, seandainya tahun ini ada sambutan untuk Hari Kebangsaan, apakah semua wakil rakyat daripada pihak kami akan dijemput untuk sama-sama meraikan, sebab lama tak jemput dah. Sebab bagi saya, sebab bagi saya benda ni, ia bukan, bukan sambutan parti, bukan sambutan untuk sekelompok saja tapi ia wajar, dan kami bagi, walaupun kami di pihak Pembangkang tapi kami menyokong penuh apa-apa agenda

Y.B. ADUN Chennah: Wajib.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: untuk kepentingan negara. Macam tadi kami menyokong usul tadi. Jadi saya harap Yang Amat Berhormat ambil maklum perkara ini dan boleh ambil tindakan yang saya rasa benar-benar menjayakan semangat kemerdekaan. Sekian, terima kasih Yang Yang Dipertua.

Y.B. Dato' Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, sebelum saya berucap, kita tak berhenti makan ke, waktu telah 1.10. Dulu di persidangan yang lepas, apa kala ahli Yang Berhormat tertentu berucap, saya sangkah pukul, haa pukul 1.00, kerana berhenti makan. Huru hara Dewan. 'Kaghang' nanti Dato' Yang Dipertua kata pulak saya menyangkah Dato' Yang Dipertua. Tetapi ini bukan menyangkah, sebagai satu ingatan. Jam telah tertera 1.12 minit. Saya dipanggil mesyuarat pukul 10.00, sebelum pukul 10.00 saya sampai. Saya taat kepada waktu. Apakah waktu tak ditentukan, waktu saya nak menuap nasik. Kalau Dato' Yang Dipertua hadkan saya berucap 10 minit, saya berasa sayu. Saya merupakan berkemungkinan manusia yang paling tua di, yang berada di Dewan. Tapi nak berterus-terang, saya beritahu Dato' Yang Dipertua, saya ringan-ringan dengan isteri saya pun lebih 10 minit. Itu belum *main game*. Ini di Dewan yang mulia ni, Ucapan Penangguhan, empat bulan sekali, dibagi 10 minit. Dengan izin, *it's against the absolute judgement of Allah*. Nak saya terus berucap, saya berucap, nak berhenti makan, saya berhenti makan. Apa pandangan Dato' Yang Dipertua?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Sila teruskan, masa berjalan.

Y.B. ADUN Lenggeng: Dalam masa berjalan Dato' Yang Dipertua ingat tau, saya bukan nak menunjuk handal. *I can*, dengan izin, *I can challenge any one of you. Gazettes* je baru 10 minit 'lobeh'. Itu 'bolum' *main game*. Dato' Yang Dipertua, saya terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan Dewan yang mulia ini, kerana buat pertama kalinya kita *back-benchers* ini dapat berjalan dengan baik kerana tikar getah licin telah diadakan di bawah kerusi. Kita yang *back-benchers* ni daripada pihak Barisan

Nasional pakai baju Melayu sebab Hari Raya, jadi saya mulakanlah ucapan saya dengan ucapan Selamat Hari Raya kepada semua yang hadir.

Tadi waktu minum ahli Yang Berhormat dari Pembangkang, bertanya saya, "Dato' sohang je wakil rakyat yang tak buat Rumah Terbuka". Dalam nanti saya, nantilah di Dewan yang mulia nanti saya akan jawab. Ini jawapan saya. Macam mana saya nak buat Rumah Terbuka, elaun saya tak naik-naik, haa. Nak buat Rumah Terbuka, sekurang-kurang belanja [RM]10 ribu. Ini elaun dah tiga, tiga kali Persidangan Dewan, saya mengemukakan haa, permintaan elaun ADUN dinaikkan. Sebagai renungan ahli Yang Berhormat dengar, perbandingan elaun ADUN negeri ke negeri. Negeri Sembilan paling rendah, Negeri Sembilan hari ini elaun bulanan 5,562 ringgit 79 sen haa, dalam Bahasa Inggeris, 5562.79. Melaka, negeri yang lebih kecil daripada Negeri Sembilan, elaun bulanan dia [RM]7,762.79. Johor, dia lebih besar, bersempadan dengan Singapura, dia punya elaun [RM]9,200.00. Kelantan, negeri haa, jual keropok ni haa, dia punya elaun wakil rakyat dia sebulan [RM]7,650.00. Perak, baru dinaikkan [RM]11,500.00. Perlis, negeri yang terkecil di, haa, di Semenanjung, haa, dia punya elaun wakil rakyat [RM]8,150.00. Terengganu [RM]6,162.79. Selangor [RM]15,450.00. Sebab tu dia berebut nak menjadi Menteri Besar sebab elaun tinggi. Sabah [RM]15,100.00. Sarawak [RM]20 ribu. Tengok, ini bukan main-main tau, dibuat siasatan. Yang paling rendah, Negeri Sembilan. Tak malu ke ahli Yang Berhormat? Tu ahli Yang Berhormat tanya pulak bila saya nak buat Rumah Terbuka. Cantik punya muka. Elaun tak cukup ni haa, 5,562.00, haa, lebih.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, sebelum saya buat undi tak percaya kepada Dato' Yang Dipertua dalam persidangan yang akan datang, pastikan dalam persidangan yang akan datang haa, bahwasanya elaun ADUN di Negeri Sembilan dinaikkan, sekurang-kurangnya [RM]9,600.00 sebulan. Mungkin ahli Yang Berhormat bertanya saya pasal mana [RM]9,600.00. Saya akan berhujah lepas ni pasal harga rumah.

Harga rumah teres di Negeri Sembilan sekarang [RM]320 ribu. Saya dulu *technical director MBSB*, sebelum saya jadi wakil rakyat, saya tahu pasal rumah. Jadi kalau [RM]3,200 ye, kalaularah pinjaman dibagi 80 peratus, seseorang tu kena membayar tu, lebih kurang [RM]60 ribu untuk *down payment*. Berapa kerat budak-budak muda ni ada duit? Termasuk ahli Yang Berhormat, berapa orang yang ada duit? Dan ini bermaksud bayaran pinjaman sebulannya untuk 21 tahun, [RM]2,800.00. Nak layak mendapat pinjaman [RM]2,800.00 sebulan bayarannya, haa, dia punya pendapatan mestilah tiga kali lebih kurang [RM]8,800.00. Setakat [RM]5,500.00 pendapatan ADUN ni, tak ada

rumah yang dapat dibeli. Oleh yang demikian, saya mengatakan sekurang-kurangnya kajilah [RM]10 ribu. Anak saya bekerja, berumur 24 tahun, ditengoknya *payslip* saya, ketawa dia. "Ayah Yang Berhormat, gaji banyak ni ayah. Angah punya gaji dekat [RM]8,000.00". Tengok, sayu hati saya. Saya yang meletakkan dia belajar ke universiti dulu, lepas ni dia pulak ketawa kepada saya, adil ke dunia ni.

Jadi, ahli Yang Berhormat tau tak yang semua Yang Berhormat ni ya, kalau dari segi gaji layak terima BR1M tau. Tau. Haa, Dato' Yang Dipertua tak tahuolah saya. Tapi saya layak, hari tu saya tanya pegawai *income tax*, dia kata "Dato', Dato' layak To'", kata dia. Ya rabbi hai, saya dah saya dengan orang pendapatan bawah [RM]3,000.00 sebab yang banyak ni di bawah kategori elaun-elaun-elaun. Jadi, Dato Yang Dipertua, jangan bagi saya buat undi tak percaya kepada Dato' Yang Dipertua, menjelang persidangan yang akan datang. Tubuhkanlah jawatan kuasa. Kalau Dato' Yang Dipertua tak ada siapa nak fikirkan jadi ahli jawatan kuasa, saya menawarkan diri untuk jadi salah sorang jawatan kuasa mengkaji elaun haa, ahli-ahli Yang Berhormat.

Eh, bukan senang jadi ahli Yang Berhormat. Hari itu ada 'soghang' kata, "Dato', jadikanlah elaun wakil rakyat tu sama dengan elaun DO". Saya cakap saya tahu Pegawai Daerah banyak tugas. Tapi tak sama dengan kerja seorang ADUN. Saya hari-hari, janda datang jumpa saya. Dia mintak tolong, "To' ibu Dato' dulu janda Dato' jadi anak janda, umur 51 hari". "Saya To' nasib kurang baik saya jadi anak janda". Ayah saya tiada umur saya 51 hari, banyak janda datang jumpa saya. Tak tolong salah, ditolong duit dah habis. Saya pandang, saya ginyit-gingit mata sikit. "Nantilah dulu, nantilah dulu". Haa. Jadi Pegawai Daerah tak ada janda datang rumah pulak 'deh'. Berani datang, Pegawai Daerah jemput janda datang rumah. Tak dikejar 'dek' bini dia. Jadi itulah dia. Dato' Yang Dipertua kena kaji. Haa, ini dah dekat 10 minit, cakap pasal janda dekat 10 minit.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, ni saya nak sentuh pasal kenaikan harga rumah. Dewan Undangan ni boleh membuat usul kepada Kerajaan Pusat bahawa Kementerian Perumahan gagal. Menteri Kewangan gagal menjaga kenaikan harga rumah. Haa, ahli-ahli Yang Berhormat bayangkanlah harga rumah teres di Seremban terutamanya di Nilai dah lebih [RM]450 ribu. Bayangkan berapa kerat anak-anak kita yang mampu. Semalam saya buat kira-kira, satu projek perumahan nak dimajukan, Matrix Concept, haa, sebuah syarikat nak buat, majukan sebelah padang golf tu, sebelah PJ Perdana, saya pergi kira, saya buat kira-kira. Tuan-tuan jangan tak percaya kira-kira saya. Saya 'soghang' saja rakyat Malaysia mempunyai kelulusan dalam juru ukur bahan, juru ukur bangunan, danjuru ukur penilaian hartanah. Ni kira-kira saya.

Saya tanya pegawai di situ, "dia nak buat rumah apa?" Dia kata, "pemaju ni nak buat rumah banglo dua tingkat". "Berapa harga jualannya?" "Harga jualan [RM]950 ribu ke [RM]1.2 juta". Saya buat kira-kira. Keluasan, kelulusan tanah dia 7,000 kaki. Tanah, tanah kerajaan, *State Lease, joint venture* dengan *company ni* Matrix Concept. Pasal apa dia nak buat untung banyak? Dia *joint venture*. Kalau lahan tanah tu untuk memajukan tanah itu, melibatkan kos buat jalan, buat longkang haa, premium, *overhead* haa, kemasukan air, kemasukan letrik, lebih kurang 30.00 ringgit satu kaki persegi. 30.00 ringgit kali 7,000 kaki persegi, [RM]210 ribu. Kalau [RM]210 ribu bangunan, nak buat banglo tu, kos dia [RM]400 ribu, jumlah [RM]610 ribu. Pasal apa dia nak buat jualan [RM]950 ke [RM]1.2 [juta]?

Semua harga-harga rumah sekarang sebelum dibina oleh pemaju mesti mendapat kelulusan Kementerian Perumahan ataupun di peringkat negeri, Kerajaan Negeri. Pasal apa Kerajaan Negeri takut memberitahu pemaju harga terlalu tinggi? Saya berani mencabar siapa pun, harga terlalu tinggi, dia buat untung terlalu berlebihan. Bila buat untung, dia *act* pulak tu, hui bukan *act*, kereta besar-besar, semua kereta Mercedes 320. Yang membayar kita, dan yang paling pelik pulak tanah tu tanah kerajaan. Dulu-dulu tanah kerajaan semua *di-joint venture* dengan PKNS ataupun PKNNS, sekarang dengan pemaju. Yang buat untung, pemaju, yang bekerja, kita. Tak ada pulak pemaju menyalak ke hulu ke hilir menolong rakyat. Yang buat kerja, kita. Pasal apa harga rumah mahal? Sorang-sorang pun ahli Dewan tak layak beli rumah teres pun. Macam mana nak layak, pendapatan [RM]5,800.00. Nak layak dapat pinjaman kurang-kurang pendapatan mesti [RM]9,000.00. Umur dah tinggi pulak tu, yang muda-muda ni tak layak.

Jadi saya ingat Dewan Undangan Negeri kena buat usul kepada Kementerian Perumahan bahawasanya Kementerian Perumahan gagal untuk menjaga kenaikan harga rumah. Saya tanya, pemaju-pemaju ni, macam mana *you* boleh dapat kelulusan daripada kementerian? Dia jawab senang je "*To', it's a matter how much you push To'*", kata dia, itu jawapan. Haa, dia dengan saya dia tak bohong sebab dia anggap saya lebih dahsyat daripada Ketua Pembangkang. Jadi dia bagi maklumat tu kepada saya. "*Very easy To', it's a matter how much you push*". Haa tengok, *you* faham tak Dato' Yang Dipertua, saya cakap Inggeris tadi, dengan izin, "*how much you push*" tu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: maksud joloklah. Ya, dengan Kementerian Perumahan. Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dah 10 minit Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya dapat peluang ni, nilah peluang terakhir saya. Kenaikan harga rumah ni saya sebut.

Ini Mantai Perdana, haa. Dulu sebelum Hari Raya, buat Mantai Perdana, saya lambat sampai majlis tu. Saya sampai pukul 11.00 sebab hari Jumaat saya mesti ada di kampung saya, bukak klinik hari Jumaat. Bila saya sampai, tu orang ramai semua bertumpu kepada saya, saya cakap "apa hal?". "To' macam mana ni To', diisyiharkan 20.00 ringgit satu kilo untuk Mantai Perdana". "Tu?". "Tak ada To', harga dah naik 25.00 ringgit ke 28.00 ringgit. Mungkin satu ekor, dua ekor je 20.00 ringgit. Rakyat kena tipu To' ". Yang paling dahsyat daripada Kuala Lumpur pun datang berjumpa saya. Saya cakap "pasal apa jumpa saya?". Kata dia, "kalau Dato' datang awal Dato', kita bagi *microphone* Dato' berucap". Saya cakap, saya *check* betul jugak, harga 25.00 ringgit ke 28.00 ringgit. Mungkin seekor, dua ekor, tiga ekor lembu tu awalnya 20.00 ringgit. Yang akhir semua harga dah naik. Orang daripada Kuala Lumpur, Seremban ni dia semua ngadu. "Nantilah, Persidangan Dewan besok saya timbulkan". Haa tapi macam mana saya nak berucap, waktu tak cukup. Dato' kalau waktu tak cukup besok Dato' jumpa orang ramai, beritahu, Dato' Yang Dipertua tu *control* Dato' bercakap. Kalau besok, saya cakaplah dengan semua orang kampung, Dato' Yang Dipertua tak bagi saya berucap panjang.

Bazar Ramadan, tadi disebut Bazar Ramadan ahli Yang Berhormat haa, tadi menjawab soalan daripada haa, ahli Yang Berhormat daripada Klawang, haa, Yang Amat Berhormat ahli daripada Rantau mengumumkan pada tahun ini semua pentadbiran Bazar Ramadan itu dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran dalam konteks bandar Seremban, Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai. Saya merhati jelah, tup-tup berubah. Bila saya tanya pihak Majlis Perbandaran Seremban, "tak ada To', dah bagi kepada kuncu-kuncu yang baik dengan Menteri Besar. Dia beritahu, pasal apa dia tak dapat, kena bagi dia, dah harga naik To'

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencelah. Jangan kata kuncu-kuncu baik dengan saya.

Y.B. ADUN Lenggeng: Yang dia ngaku, orang tu ngaku. Bukan saya cakap

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya, Dato' Yang Dipertua

Y.B. ADUN Lenggeng: dia ngaku "saya baik dengan Menteri Besar saya dapatlah" kata dia

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' tak turun ke bawah. Saya hari-hari turun ke bawah

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: saya lihat apa yang berlaku di bawah

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: Yang Amat Berhormat duduk dulu

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak ADUN

Y.B. ADUN Lenggeng: saya nak habis berucap.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak ADUN Lenggeng menarik balik Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat tarik balik

Y.B. ADUN Lenggeng: Lepas ni saya bawak Quran, dan Yang Berhormat kita berhadapan

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: betul depan Quran

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: berani tak angkat Quran.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak ADUN Lenggeng tarik balik Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat tuduhan

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak ada, saya tak tarik balik, orang ni memberitahu saya, saya boleh cari orang ni, saya boleh bagi nama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tarik balik Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak ada.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Lepas ni kita angkat Quran, saya, saya bawak Quran lepas ni, angkat Quran

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat

Y.B. ADUN Lenggeng: kalau saya nak cakap bohong.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tarik balik.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dalam Dewan

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak tarik balik.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak, saya tak tarik balik. Perkara ni dilihat, dia kata

Y.A.B. ADUN Rantau: Jangan pakai cakap-cakap saja, mintak tarik balik

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya *check* di kawasan Seremban

Y.A.B. ADUN Rantau: kalau tidak saya mintak supaya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya *check* kawasan Rembau

Y.A.B. ADUN Rantau: tindakan diambil.

Y.B. ADUN Lenggeng: kawasan Seremban saya *check*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, dalam Dewan tidak buat, boleh tuduhan seperti itu.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak ada, lepas ni saya akan buktikan. Saya akan bersurat, menulis

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya mintak tarik balik Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tuduhan tak boleh Yang Berhormat, mintak ditarik

Y.B. ADUN Lenggeng: Ini bukan tuduhan, saya tengok dengan mata kepala saya sendiri.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mintak supaya ADUN Lenggeng menarik balik tuduhan mengatakan

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak, saya tak tarik perkara yang benar.

Y.A.B. ADUN Rantau: saya

Y.B. ADUN Lenggeng: Kalau nak tarik, lepas ni saya balik ke kereta saya, saya bawak Quran Nur Karim, saya angkat sumpah depan Quran. Saya, saya mintak jugak Yang Amat Berhormat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: ahli daripada Rantau, anggapan terlalu banyak cakap bohong dia buat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.A.B ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dalam Dewan kita ada peraturan. Peraturan tu

Y.B. ADUN Lenggeng: Yelah, saya tak tarik balik sebab

Y.B. Yang Dipertua Dewan: peraturan tu bahawa ahli Yang Berhormat mesti mengikut

Y.B. ADUN Lenggeng: apa yang saya cakap adalah benar, saya bukan bohong.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ini bukan istilah bohong - benar. Istilah menuduh tidak boleh digunakan dalam Dewan.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak, menuduh, ni bukan menuduh. Ini kenyataan. Saya bukan tuduh. Kenyataan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini satu tuduhan yang amat liar

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tuduhan, saya tak terima notis Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mintak ADUN Lenggeng menarik balik.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak, kalau saya tuduh, saya tuduh melulu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Itu satu tuduhan Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini satu tuduhan yang tidak sepatutnya Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak. Kalau Dato' Yang Dipertua nak saya tarik, tulis surat saya akan jawab secara terbuka.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, kena tarik balik.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak. Saya tarik kalau benda yang saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat tak, kalau Yang Berhormat tak tarik balik, saya tak boleh benarkan Yang Berhormat berucap terus lagi.

Y.B. ADUN Lenggeng: Okay, nak bagi saya berucap saya tariklah balik. Kalau tulah ceritanya, saya tariklah balik.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jadi Yang Berhormat tarik balik ya?

Y.B. ADUN Lenggeng: Ya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya bagi

Y.B. ADUN Lenggeng: Tapi lepas ni saya akan tulis surat kepada Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya bagi lagi satu minit Yang Berhormat, untuk ni, dah lebih masa.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ni, saya bacakan surat saya, saya tulis, ya, haa, "Perbarisan Sempena Hari Kebangsaan Ke-57 Peringkat Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Tahun 2014". Surat ini ditulis oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan, menulis surat dia nak tahu berapa orang, orang kawasan saya buat berbaris. Saya jawab, "Saya merujuk kepada surat Yang Berbahagia Dato' bertarikh 7 haribulan 7, rujukan, berhubung perkara di atas. Saya berasa amat kecewa apakala untuk mengumpulkan orang ramai, saya diminta bekerjasama untuk mengumpulkan orang bagi menjayakan projek-projek yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Tetapi apabila membuat keputusan untuk memilih Pengurus dan Setiausaha JKJK yang berada dalam kawasan saya, tidak sepatuh pun perkataan, di, diberitahu kepada saya ataupun sebaris surat pun di mana oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Sembilan kepada saya selaku wakil rakyat kawasan." Tak ada pun. Bila mengumpul orang, dipanggil saya. Tapi nak pilih Pengurus JKJK, Setiausaha JKJK, tuan-tuan, dulu dalam Dewan yang mulia ini saya

berucap, saya cakap salah sebuah kampung dalam kawasan saya, Kampung Ulu Beranang, Pengerusi JKKK-nya tidak duduk dalam kawasan, duduk di Taman Tuanku Jaafar. Ahli yang, ahli Yang Amat Berhormat daripada Rantau menjawab, kita tak akan lantik semacam tu. Dilantik jugak kali ni. Ni bukan tuduhan. Cuba bukak. Dan yang paling dahsyatnya, Setiausaha JKKK-nya tu dilantik seorang budak perempuan dulu ditangkap berkhawlwat dengan bekas wakil rakyat Lenggeng di Kesuma Lake, di Semenyih, saya yang pergi menyelesaikan, dilantik

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya dah kata tadi, jangan buat tuduhan.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ini bukan tuduhan, ini perkara betul. Nak tuduh-tuduh apa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, tadi bila

Y.B. ADUN Lenggeng: nak tangkap tangkaplah, saya mengata cakap perkara yang betul, dia dilantik jadi Setiausaha JKKK

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Kampung saya, Pengerusi JKKK tu dilantik pengundi Shah Alam.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, bila saya kata itu sebagai tuduhan, Yang Berhormat tarik baliklah.

Y.B. ADUN Lenggeng: Tak, ni tak tuduhan, betul.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tak perlu ungkitkan perkara yang tu.

Y.B. ADUN Lenggeng: Saya betul, macam mana pulak saya nak kata tuduh, betul. Tak sepatah pun bila kala saya hantar surat Pejabat

Daerah, fail dia pun saya tinggalkan keputusan yang dibuat oleh akar umbi mestilah pemilihan tu dipersetujui oleh orang kampung. Semua yang dicadang, semua ditolak. Dipilih orang yang tak ‘semonggah’. Yang tak duduk ‘kek’ situ, haa.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat, masa

Y.B. ADUN Lenggeng: Okay, nanti dulu ada satu surat lagi. Eh, ni belum ‘habeh’ lagi ni ‘doh’. Di Dewan ni lah saya ‘dapek’ peluang bercakap. Yang Berhormat nak juga *control* saya. Tadi

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: ni ahli Yang Berhormat daripada Rantau menjawab soalan dibagi 30 minit, saya *time*-kan. Ni, Ucapan Penangguhan, tak boleh saya berucap? Ni haa, ucapan ni, surat “Pembatalan Kejohahan Futsal Daerah Seremban *Road To Putrajaya*”. Bayangkan, ‘kang’ Yang Berhormat haa, Dato’ Yang Dipertua, kata saya buat tuduhan lagi. Diputuskan di Daerah Seremban, Kejohanan Futsal dibuat, saya dipilih untuk merasmikan majlis tu. Saya tanya jabatan terlibat pasal apa dipilih saya. “Dato’ kita *check* Dato’ status rekod 100 meter Dato’ telah lama, status Dato’ Sekolah Tuanku Abdul Rahman masih bertahan sampai sekarang.” Betul, saya bukan nak, saya cabar semua ni. Rekod 100 meter saya 11.3 sampai sekarang tak boleh dipecah. “Jadi kita mintak Dato’ rasmikan”. Jadi saya anjurlah, saya beritahu budak-budak kampung masuk futsal ni, siapa yang tak ada duit, saya dahulukan duit saya. Tiba-tiba saya terima surat pembatalan. Ni haa. “Arahan Pembatalan Penganjuran Futsal Seremban 2014”. *Design* oleh Timbalan Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan; Mohd. Izwandi bin Ismail. Semua Pegawai Belia Daerah Seremban, saya panggil ngadap saya, ‘soghang’ tak berani cakap, semua tunduk. Dalam hati saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: lebih daripada ni dapat saya *check*. Saya *check* akhirnya saya dapat maklum bahwasanya haa, Exco Belia Dan Sukan mengarah kepada Pejabat Belia jangan haa, perkara ini dijalankan kerana saya yang merasmikan. Bayangkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ni ‘muko’ penyangak ‘bona’ ‘ko’ ni Yang Dipertua? Sampai merasmikan kejohanan futsal pun tak boleh. Apa saya penyangak ke?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya dah kata dari tadi, jangan buat tuduhan macam tu.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ni ‘apolak’ tuduhan, ni haa surat ni ‘ado’. ‘Nia’ haa. ‘Nia’ haa.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang *sign* surat tu orang lain, tapi bila sebut nama Exco, dah tak kena Yang Berhormat, jadi saya mintak

Y.B. ADUN Lenggeng: ‘Lopeh’ ni saya minta semua yang terlibat

Y.B. ADUN Chembong: Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lenggeng: Nanti dulu, lepas ni apa benda jugak berserah kepada kehendak Allah, saya bawak Al-Quran Nur Karim, lepas waktu makan nanti berhadapan satu demi satu, Dato’ Yang Dipertua jadi saksi. Angkat Quran. Ahli-ahl DAP jangan campur ni soal Quran ya, ini kalimah Allah, saya nak berhadap dengan Dato’ Yang Dipertua, telah banyak pembohongan dibuat dah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dah ni, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih pada

Y.B. ADUN Lenggeng: Belum ‘habeh’. Saya nak sebut

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: lantikan Timbalan Yang Dipertua *Speaker*. Saya tengok Dato' Yang Dipertua 'kadang' habis waktu situ. Dulu-dulu, tiap-tiap ada Timbalan Yang Dipertua *Speaker*. Timbalan *Speaker*. Pasal apanya kita tak lantik untuk membolehkan Dato' Yang Dipertua tarik 'napeh'. Pasal apa tak lantik sampai sekarang?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tak apa Yang Berhormat, tak apa. Itu urusan peribadi

Y.B. ADUN Lenggeng: Belum habis cerita saya, saya ada pengeluaran pasir di kawasan saya, di Lenggeng. Tadi disebut pasal, pasal kelulusan tanah

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: ni wakil rakyat *back-benchers* belakang ni, semua ni, ya, kadang-kadang kawasan pasir di luar yang tahu kawasan tu wakil rakyat kawasan tu. Exco tak pernah turun tengok pun. Pasal apa pandangan wakil rakyat kawasan tak ditanya? Saya menghadapi hari-hari tuduhan orang ramai macam mana pasir keluar di kawasan pilihan raya saya? Saya tak tahu pun kelulusan tu dibuat. Pasal apa tak ditanya pandangan wakil rakyat, bangsat 'bona' 'ko' wakil rakyat yang ada ni, hingga bertanya pasir tak boleh? Eh, pilihan raya kita boleh menang, ini pulak pasal pasir tak boleh dirujuk. Nak marah, marahlah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay Yang Berhormat, Yang Berhormat, terima kasih.

Y.B. ADUN Lenggeng: 'Gogham' saya belum 'habeh' tu Dato' Yang Dipertua. Ni, haa, yang saya sebut ni pun Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jangan emosi Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: bila nanti lepas ni saya mintak betul Dato' Yang Dipertua mintak orang yang disebut tadi, saya akan bawak Quran lepas ni. Berhadapan Dato' Yang Dipertua jadi saksi, kita angkat Quran

.....

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: jangan main-main Quran tu. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih pada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat Ucapan Penangguhan. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan jika ingin menjawab.

Y.B. ADUN Labu: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya berdiri ini untuk menjelaskan perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggeng tadi. Saya mengucapkan terima kasihlah kerana ada fakta yang boleh saya guna pakai kerana bagi saya, saya nak memperbetulkan fakta yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggeng tadi. Mantai Perdana yang disebut tadi menyatakan harganya 25.00 ringgit hingga 28.00 ringgit tu yang diadakan pada 25 hingga 26 tu tak betul. Saya nak betulkan kerana kita telah membuat keputusan Mantai Perdana ni diuruskan oleh Jabatan Veterinar di bawah portfolio saya. Dan saya telah pastikan bahawa harga sepanjang diadakan Mantai Perdana, yang bermula pada 25 hingga 26 itu, harganya tetap 20.00 ringgit. Kemungkinan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggeng tadi ialah berkaitan mantai yang dibuat oleh FAMA di Pusat PAKA. Kerana Pusat PAKA juga ada mengadakan mantai. Tapi bukan disebut Mantai Perdana. Mantai sempena Hari Raya di mana harganya memang 25.00 ringgit. Kerana itu sendiri, saya pun datang ke tempat tersebut, tetapi tidak dinamakan Mantai Perdana.

Mantai Perdana ni untuk makluman Yang Berhormat Yang Dipertua, sebenarnya Mantai Perdana ini adalah merupakan satu program yang saya anggap berjaya. Kerana apa, kerana matlamat kita ialah untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna atau rakyat supaya mereka mendapat bekalan daging yang segar, bermutu tinggi dan selamat dimakan. Untuk makluman ahli Dewan, biarlah saya jelaskan. Sebenarnya Mantai Perdana ni mengapa saya katakan berjaya, kerana pada tahun ini, kita telah menyediakan sebanyak 250 ekor lembu. Dan jugak lembu ini adalah lembu di mana kita dapat daripada baka Australia. 250 ekor ni kalau kita nak nisbahkan dengan lembu Malaysia ini, kerana setiap ekor lembu ini beratnya ialah 250 kilo. Kalau lembu kampung bermakna satu ekor lembu yang baka Australia ini bersamaan dengan tiga ekor lembu kampung. Kalau 250 ekor ni, Dato' Yang Dipertua, kalau kita jadikan dia sebenarnya Mantai Perdana yang kita sediakan dengan 250 ekor ini bersamaan dengan 700 ekor lembu.

Inilah yang saya katakan tadi bahawa Mantai Perdana ini ber, berjaya. Tetapi saya nak menyangkal, nak membetulkan bahawa sepanjang, sepanjang Mantai Perdana diadakan daripada 25 hingga 26, termasuk sehingga sa, pada pukul 1.00 – 27 haribulan itu, daging ini tetap berharga 20.00 ringgit. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin beri sediki *respond*, dengan izin, kepada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh ADUN Chuah.

Yang pertama tentang pembersihan longkang-longkang di taman-taman perumahan ataupun di Taman Jimah 2, Jimah Jaya khususnya tentang longkang yang tidak langsung diurus oleh pihak PBT. Saya ingin maklumkan bahawa di Negeri Sembilan kita telah lancarkan kempen pembersihan longkang sehingga kempen ini mendapat sambutan yang begitu baik. Yang saya nak sebut ialah semua PBT melalui syarikat konsesi SWM telah diarahkan untuk mengambil tindakan bagi membersihkan longkang-longkang sama ada di kawasan perbandaran ataupun kawasan Majlis Daerah. Dan operasi ini berjalan sentiasa, sentiasa berjalan. Tetapi masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah terdapat beberapa taman yang kita buat kerja penyelenggaran tetapi tidak diurus oleh penduduk ataupun jawatankuasa yang berkenaan secara berterusan. Kita bersih, masyarakat tetap menjadikan longkang itu sebagai tempat pembuangan sampah mereka. Saya nak mintak kepada Yang Berhormat ADUN Chuah dan juga kawasan-kawasan yang lain supaya kita sama mengambil tanggungjawab ini untuk mengingatkan setiap persatuan penduduk dan juga jawatankuasa taman berkenaan supaya sama-sama bertanggungjawab untuk jaga kebersihan. Kita bersih, kalau orang ramai dengan jumlah masyarakat yang terlalu ramai, menjadikan longkang itu sebagai tempat pembuangan sampah tentunya longkang-longkang ini akan mengalami tersumbat dan sebagainya. Bagi menyelesaikan masalah ADUN Chuah, saya akan pastikan dalam tempoh 24 jam, Taman Jimah Jaya akan kita bersihkan sekali lagi, dan saya mintak ADUN Chuah juga bagi kerjasama kepada pihak kerajaan untuk pastikan bahawa *education* ataupun *disiplin* masyarakat berkenaan untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab yang berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, bagi menjawab sedikit perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ADUN Lenggeng berkaitan dengan bazar Ramadan. Saya nak sebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada sebarang pengumuman rasmi yang diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan di semua daerah iaitu bazar-bazar Ramadan ini diambil alih oleh PBT bermula pada

2014. Bazar Ramadan akan diambil alih oleh semua PBT bermula pada tahun 2015. Dan pada tahun 2014, penyewa-penyewa yang kita beri kepada penyewa-penyewa ataupun pengusaha-pengusaha bazar Ramadan adalah seperti yang telah dijalankan pada tahun-tahun sebelumnya. Yakni kita beri kepada persatuan penduduk, bagi kepada persatuan-persatuan yang berkaitan dengan NGOs, bagi kepada satu-satu badan yang berkaitan dengan masyarakat. Saya nak sebut dengan tegas, bahawa di dalam Dewan yang mulia ini, tidak ada satu pengusaha individu yang diluluskan oleh pihak PBT untuk menjalankan penyewaan tapak bagi bazar Ramadan.

Dato' Yang Dipertua, bagi menguruskan bazar Ramadan ini, yang diuruskan oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan persatuan penduduk, pihak-pihak yang berkaitan dengan badan-badan NGOs ialah telah diputus dan telah ditimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui jawatan kuasa yang telah kita wujudkan di peringkat PBT ataupun di peringkat jawatan kuasa pengurusan bazar Ramadan yang telah ditubuhkan di semua Pihak Berkuasa Tempatan di daerah-daerah. Dan saya dapat bahawa pada tahun 2014, termasuk pada tahun-tahun yang lepas, bahawa bazar-bazar ini diuruskan dengan baik. Cumanya kali ini Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri telah memutuskan bermula pada tahun depan, pihak PBT akan menguruskan kesemua bazar-bazar ini kerana supaya dapat kita *standardize*-kan, dengan izin, dapat kita pastikan bahawa penyediaan tapak, kemudahan, pelupusan sampah dan sebagainya dapat kita uruskan dengan baik. Jadi ini saya fikir ini tidak menimbulkan sebarang masalah dan saya jamin bahawa pengurusan bazar Ramadan pada tahun ini khususnya telah dijalankan di bawah radar dan pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan dengan teliti dan dapat dilaksanakan dengan baik. Saya sangat kesal kalau perkara-perkara yang sedemikian rupa telah disalah terima

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Yang Dipertua, mintak laluan sekejap. Pertamanya saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Pertang di atas pemantauan kawasan-kawasan bazar Ramadan. Satu petang saya pergi ke bazar Ramadan Ampangan, cukup baik penyusunannya, laluan kereta masuk cantik, teratur. Tahniah kepada Yang Berhormat Ampangan; Dato' Haji Abu. Laluan dikawal oleh penjaga-penjaga jalan. Kereta masuk, kereta keluar, tak boleh nak *parking* ya, melebihi satu dua minitlah untuk turunkan orang. Sistemnya cukup baik. Ini yang saya katakan tadi pengurusannya telah berubah, penambahbaikan telah dibuat. Penyewa pun berpuas hati. Susunan lot pun cukup cantik. Sesuai dengan laluannya, berniaga, tempat berniaga. Dan orang ramai,

orang ramai macam mana pun laluan masih boleh sampai ke tempat yang berkenaan.

Tetapi satu perkara Dato' Yang Dipertua, saya melihat kepada longkang yang besar, bukan longkang yang saya jatuh tu ya, longkang yang lain, di belakang bazar itu. Saya nampak di sini sikap peniaga tidak, tidak begitu baik. Malah ada gambar yang rakamkan di dalam *wall* saya, dan saya mintak supaya peniaga-peniaga ni sedar, berikan kerjasama kepada PBT. 'Tompek' telah disewa dengan murah, laluan pun dibuat, lanskap dia cukup baik ya, tetapi sikap peniaga ni nauzubillah. Berlonggok-longgok sisa makanan jualan ni di dalam longkang berkenaan. Jadi saya mintaklah sikap ini ditekankan supaya apa yang dibuat oleh pihak kerajaan dapat kita hargai, yang menambah, orang kata pendapatan kepada peniaga-peniaga. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Kerana itu Dato' Yang Dipertua, saya sambung sedikit, kerana itu sistem peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan bermusim di bazar-bazar Ramadan ini di dalam kajian kita, kita tengok macam mana kita nak urus bazar Ramadan supaya dapat mempastikan makanan yang dijual itu berada di dalam keadaan selamat. Kalau longkang kotor, bagaimana mungkin makanan yang dijual itu tidak boleh menjamin keselamatan kepada pengunjung-pengunjung bazar Ramadan. Jadi kerana itu Dato' Yang Dipertua, bermula daripada sekarang, kajian teliti sedang kita buat untuk mempastikan bahawa pada masa-masa hadapan, bazar Ramadan ini dapat kita strukturkan semula sama ada daripada dari segi tapak, dari segi bangunan gerai yang kita bina, termasuklah dari segi kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan trafik, laluan dan sebagainya dan juga tentang perkara-perkara yang berkaitan, yang disebutkan oleh ADUN Klawang tadi.

Jadi untuk itu, sekali lagi saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini, tidak ada satu individu yang kita anugerahkan, tidak ada satu individu yang kita beri untuk menguruskan tapak bazar Ramadan di semua kawasan di dalam kawasan PBT sama ada MPS, MPN ataupun di daerah-daerah yang lain. Dan keadaan itu akan, seperti yang telah kita praktiskan, seperti yang telah kita jalankan ialah perka, kepada perkara-perkara ataupun pertubuhan-pertubuhan yang telah menjalankan, pengusahaan yang telah menjalankan perniagaan yang berkaitan dengan bazar Ramadan sejak beberapa tahun yang lalu, yang telah meneruskan khidmat kepada PBT. Mula tahun depan, inshaa allah, kita akan ambil alih semua, kita akan pastikan semua pengurusan bazar Ramadan ini akan memastikan dan meletakkan keutamaan

kepada pengunjung ataupun kepada orang ramai sebagai satu keutamaan kepada kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli-ahli Dewan yang telah membahaskan perbahasan, Ucapan Penangguhan dan jugak balasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak kerajaan yang telah pun menerangkan serba sedikit tentang isu-isu yang telah pun ditimbulkan oleh pembahas-pembahas dalam Ucapan Penangguhan sebentar tadi.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan soalan yang ditimbulkan oleh ADUN daripada Chuah tadi, iaitu pelepasan air yang ber, bersuhu tinggi yang dilepaskan ke dalam laut. Pihak Jabatan Alam Sekitar sememangnya sentiasa memantau perkara-perkara sebegini dan peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar kepada pihak berkenaan ialah tidak boleh melepaskan air yang bersuhu melebihi daripada 40 darjah celsius ke dalam laut. Dan pemantauan ini memang sentiasa dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar dan setakat ini tidak ada suhu air panas yang dikeluarkan melebihi daripada 40 darjah celsius. Walau bagaimanapun pemantauan ini akan kita sentiasa teruskan supaya keadaan alam sekitar terutamanya hal ehwal kebajikan nelayan tidak akan, tidak akan terbantut disebabkan oleh masalah-masalah yang timbul.

Tentang IPP yang baru, Dato' Yang Dipertua, yang akan membukak satu lagi janakuasa yang baru di sebelah Jimah Power tersebut, dan kerja-kerja sedang dilakukan, memang kawasan bakau tersebut terlibat di dalam pembinaan jana kuasa yang baru, yang berkuasa, kapasiti lebih tinggi, Dato' Yang Dipertua, tetapi Jabatan Alam Sekitar telah pun mengeluarkan arahan cara untuk mereka membina dan jugak hutan bakau yang terlibat tersebut kerana Jabatan Alam Sekitar amat rigid di dalam susun atur pekerjaan yang dikeluarkan kepada pengusaha tersebut. Jadi, walau bagaimanapun, Dato' Yang Dipertua, hutan bakau tersebut memang terlihat di dalam pembinaan janakuasa yang baru ini. Tetapi Jabatan Alam Sekitar akan mengurangkan apa sahaja impak dan kerja-kerja yang dilakukan tersebut adalah merupakan kerja-kerja yang di bawah susun atur dan jugak yang telah pun diletakkan syarat-syarat yang amat ketat oleh Jabatan Alam Sekitar.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan jalan raya yang disebut oleh ADUN Chuah tadi, sebenarnya jalan raya tersebut telah pun diambil tindakan, sebut harga telah pun dilakukan, dan boleh jadi kerja-kerja akan dimulakan hujung bulan ini, Dato' Yang Dipertua, akan dimulakan kerana sebut harga ni, kadang-kadang dia mengambil masa yang lama

untuk membuat spesifikasi kerja, mengeluarkan borang tender dan macam-macam lagi. Dan ini telah pun diselesaikan di peringkat jabatan dan kerja telah pun diberikan kepada pihak yang telah berjaya. Dan kita yakin bahawa kerja akan dimulakan tidak lama lagi, inshaa allah. Dan ini akan dapat mengurangkan masalah yang disebut oleh DUN, ADUN daripada Chuah apabila hari hujan air akan bertakung, dan ini akan menyebabkan, memungkinkan berlakunya kemalangan-kemalangan jalan raya di situ.

Berkenaan dengan pengangkutan awam telahpun diterangkan pada awal iaitu Dato' Yang Dipertua, kita bukan saja melihat kawasan-kawasan tertentu di Negeri Sembilan, tetapi kajian menyeluruh telah pun kita buat. Dan untuk masa yang terdekat ini, dua daerah akan diberikan, akan dimulakan iaitu Daerah Seremban dan juga di Daerah Port Dickson. Di mana saya telah sebutkan tadi, di Daerah Seremban sahaja pengangkutan awam yang ada sekarang ini mengandungi jumlah kilometer sebanyak 235 kilometer, akan menjadi jumlah kilometer yang lebih panjang kepada 447 kilometer. Yang mana ini termasuk menghubungkan jalan-jalan ataupun kawasan-kawasan perumahan dan jugak kawasan-kawasan yang memerlukan pengangkutan awam. Dan jugak di Port Dickson jugak sekarang ini 94 kilometer akan menjadi kepada lebih panjang daripada itu. Hampir 200 kilometer akan ditambah, Dato' Yang Dipertua. Dan kawasan-kawasan lain dalam kajian dan akan dapat diberikan apa sahaja peruntukan oleh SPAD dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan DUN Kepayang. Penyuraian trafik tersebut kita akan ambil maklum ya, macam mana cara untuk kita dapat mengurangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk di Taman Permai. Saya pun tak dapat nak gambarkan apa yang disebutkan oleh DUN Kepayang tadi, tetapi saya akan mintak jabatan tertentu, PBT, JKR untuk melihat semula masalah yang ditimbulkan agar kita sebenarnya buat jalan ni, Dato' Yang Dipertua, untuk memudahkan orang ramai, bukan nak menyusahkan orang. Ini tujuan asas kita. Untuk kita membina jalan supaya jalan itu akan dapat memberikan dan mempertingkatkan kemudahan untuk orang bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Tetapi kadang-kadang ada jugak isu yang mana simpang terlalu dekat antara satu sama lain. Ini kadang-kadang menimbulkan masalah jugak. Kita tidak mahu ada yang dipanggil sebagai kalau jurutera jalan ataupun pembina jalan dia panggil *roller coaster effect*. Dia tak mahu dia macam *roller coaster* begitu. Kejap tinggi kejap turun. So, ini pun akan diambil tindakan. Dan jika sekiranya tidak boleh dilakukan, maka mahu tidak mahu penduduk di kawasan yang tertentu memerlukan satu kawasan pusingan *U-turn*, tetapi jauh sedikitlah. Seperti mana yang dialami oleh

penduduk di kawasan Dusun Setia dan kawasan di Taman Bidara, yang mana mereka dulu boleh terus pergi ke Taman Fortune Garden, Dato' Dipertua, tetapi sekarang mereka pergi ke *traffic light*, dan buat pusingan-U. Itu kalau tak boleh dibuat kerana kalau dibuat dulu, lintasan pergi ke, daripada taman, taman sebelah ke taman sebelah dia terpaksa wujud satu apa yang dipanggil sebagai jalan *roller coaster effect* akan berlaku di sana.

Berkenaan dengan tol baru, tol baru tersebut sedang dalam pembinaan, di Ainsdale ya. Yang mana tol itu akan siap, boleh jadi penghujung tahun 2015 ataupun awal 2016. Ini, Dato' Yang Dipertua, akan dapat mengurangkan jumlah kenderaan yang sekarang ni menggunakan tol Seremban, yang nak pergi ke Seremban 2, yang nak pergi ke Sendayan, yang nak pergi ke Oakland dan yang lain-lain. Mereka nanti akan dapat keluar di situ, dan satu jalan rentas melalui kawasan Ainsdale, melalui kawasan Seremban 2 dan Kepayang, dan di peringkat di kawasan jalan yang merentasi jalan Seremban ke Sendayan telah pun diadakan jejambat atau *overhead fly over* akan terus pergi Seremban 2. Ini sedang dirancang oleh pihak MPS, MPN dan juga pemaju-pemaju yang bekerjasama di antara Sime Darby, Kepayang dan juga Seremban 2, yang mana ketiga-tiga pemaju ini telah ber, bersetuju supaya memberikan tanah masing-masing untuk mengadakan jalan rentas daripada *exit* baru ataupun tol baru yang akan diadakan oleh pihak Ainsdale di, tak jauh daripada persimpangan *tol booth* Seremban yang akan ada.

Berkenaan dengan jajaran jalan susur keluar yang orang daripada Seremban 2, Sendayan nak pergi ke Kuala Lumpur, Dato' Yang Dipertua, memang kita menghadapi isu pengambilan tanah. Dan peruntukan pengambilan tanah ini sebanyak [RM]8 juta tidak ada dalam bajet. Jadi, kita telah mintak satu peruntukan khas daripada Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai peruntukan pengambilan tanah dan kita nak masukkan pembinaan susur keluar daripada Seremban 2 tersebut yang nak menghala ke Kuala Lumpur, sebagai *Variation Order*, dengan izin, dalam pembinaan jalan, pembesaran jalan PLUS, yang mana pihak PLUS tidak mempunyai masalah. Isu dia sekarang ialah pembiayaan pengambilan tanah yang memerlukan perbelanjaan sebanyak [RM]8 juta tersebut. Jadi, itu dia punya status, Dato' Yang Dipertua.

Yang lain-lain, Palm Mall tersebut, saya mintaklah, saya pun tak pernah pergi ke sana, tapi itu hari saya pergi ke, melawat orang sakit di KPJ, Dato' Yang Dipertua, memang saya lihat keadaan, keadaan di situ memerlukan satu penyuraian trafik yang, yang, yang perlu dikaji semula kerana dia bertambah sibuk dan bertambah sesak. Dan saya

dapati dulu ada tempat banyak orang oleh *park* kereta di tepi, tepi jalan, tapi sekarang dah tak ada lagi tempat untuk meletak kereta. Saya tak tahu atas asas apa, tetapi ini menyusahkan orang ramai dan saya yakin perkara ini perlu diteliti. Dan saya, kita akan mintak supaya Pihak Berkuasa Tempatan melihat semula supaya keadaan di kawasan tersebut, pembangunan tak besar tapi kesesakannya tidak memadai dengan pembangunan yang ada. Jadi ini menyusahkan orang ramai. Dan seperti yang disebut tadi, nak buat *parking*, nak masuk ke dalam tempat *parking* beratap, berbumbung bayarannya terlalu mahal. Agaknya ada orang yang memasang lukah di pergantungan, rasanya. Jadi, inilah yang perlu kita lihat supaya kita dapat pastikan yang penting kita membangunkan negeri adalah untuk kemudahan dan jugak kesejahteraan orang ramai.

Kepada DUN Lenggeng tadi, Dato' Yang Dipertua, elaun J, elaun bukan JKKK, elaun DUN ini Dato' Yang Dipertua, kita sedang kaji. Dan kita akan mengkaji sebaik, buruk baiknya. Apa buruk dia, apa baik dia. Tidak semestinya orang lain, Dewan Undangan Negeri dia naik gaji sampai [RM]12 ribu, [RM]15 ribu, kita pun buat begitu. Kita mahu melihat supaya ianya dapat memberikan satu mesej kepada orang ramai supaya kita Ahli Dewan Undangan Negeri ini kita, walaupun dah tepat dan sampai masanya untuk kita mengkaji semula elaun-elaun yang perlu dibagi kepada Ahli Dewan Undangan Negeri, tidak semestinya pulak kita menetapkan satu siling yang boleh kita letakkan. Kita mahu menunjukkan kepada orang ramai bahawa kita juga merupakan sebagai Penjawat Awam ataupun sebahagian daripada kerajaan yang sensitif kepada sebarang kenaikan supaya ia tidak menjadi isu kepada orang ramai. Dan kita, kalaupun ada kenaikan yang kita nak buat, kita akan bentangkan. Ini dah kita bincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri, bahawa kita telah pun perbandingan-perbandingan, kalau ada yang kita tak tahu, Dato' Yang Dipertua, semua kita tahu. Berapa negeri bayar, berapa elaun, berapa *basic* dia semua kita tahu, semua kita dah buat kajian. Cumanya kita tak nak bawak dalam mesyuarat pada kali ini kerana dia kurang impak dia. Kalau kita buat sekarang, kita luluskan, tapi kita akan buat, efektif ataupun bermula daripada bulan 1 tahun depan. Adalah lebih baik kita buat pada penghujung tahun, semasa pembentangan bajet, kita masukkan dalam bajet kita, belanjawan kita, dan terus bulan 1 semua Ahli Dewan Undangan Negeri akan mendapat elaun baru, jika ada. Jika adalah ya. Jika ada, ya. Bukan senang nak jadi Ahli Dewan Undangan Negeri, ya. Ya? Apa dia?

Y.B. ADUN Port Dickson: Tak, kerajaan ada idea tak naik *rate*?

Y.A.B. ADUN Rantau: Kerajaan ada idea, tapi naikkan gaji untuk kerajaan saja, Pembangkang tak ada. Kalau mahu naik gaji, mari sini. Kita akan buat Dato' Yang Dipertua, tetapi apa yang saya katakan tadi, kita akan buat pada bulan 12, semasa pembentangan bajet. Jadi bila kita dah setuju, kita masukkan dalam belanjawan nanti, dan kita akan terus laksanakan pada bulan 1. Jadi, kita berbuat sesuatu kita mesti ada kaji *impact analysis* dia, dengan izin Dato' Yang Dipertua. Tak guna kita setuju sekarang, lepas tu kita tak buat, kita buat cuma bulan 1.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan harga murah daging tadi, dah disebut oleh Dato' Hasim. Berkenaan dengan bazar Ramadan, dah dijawab oleh Yang Berhormat daripada Pertang. Adalah tidak benar Dato' Yang Dipertua, itu sebabnya saya mintak, saya bangun tadi supaya ditarik balik kerana urusan untuk kita bagi kepada pengurusan, sebenarnya memang hasrat kerajaan untuk kita menguruskan bazar Ramadan mulai tahun ini. Tetapi notis dia terlampau singkat. Dan banyak persatuan-persatuan yang kita fikirkan beberapa kali bahawa inilah sumber pendapatan mereka. Macam bazar Ramadan, macam Dato', macam Yang Berhormat daripada Klawang katakan tadi, ia diuruskan, di Ampangan itu diuruskan oleh Persatuan Anak-Anak Ampangan. Persatuan Anak Ampangan ni, itulah sumber pendapatan mereka, tahunan dia. Setahun dia dapat sikit Dato' Dipertua, adalah dalam [RM]20 - [RM]30 ribu duit daripada sewaan. Tetapi perkhidmatan yang dia bagi dengan menjaga kenderaan, dengan menjaga itu dan sampah sarapnya, saya yakin, dan kalau kita bagi melalui PBT pun, PBT tidak mempunyai kemampuan untuk menjaga, termasuk lalu lintas, menjaga kebersihan, menjaga keselamatan dan macam-macam lagi. Persatuan anak-anak, Persatuan Anak Jati Ampangan ini begitu ramai dia punya ahli Dato' Yang Dipertua. Dan inilah, inilah hasil yang mereka tunggu setiap tahun untuk mereka dapat, untuk mereka menjalankan aktiviti persatuan mereka. Dan yang lain-lain Dato' Yang Dipertua, persatuan-persatuan seperti pasar, bazar Ampangan, bazar Ramadan di, dekat dengan stadium, itu diuruskan oleh dua persatuan, persatuan penjaja-penjaja dan persatuan-persatuan lain. Termasuk semua tempat Dato' Yang Dipertua. Itu sebabnya saya mintak supaya ditarik balik kerana tuduhan mengatakan saya ada kroni, bagi orang tu, tak betul. Tapi, Dato' Yang Dipertua, itulah hakikat dia, dan itulah kenyataan dia.

Dan saya jugak mintak walaupun hasrat kita nak pasti kerana kita nak lihat supaya harga ataupun sewaan yang diberi, dikenakan kepada orang yang berniaga di bazar-bazar Ramadan ini dikurangkan Dato' Dipertua. Kerana jika kita kata kita bagi melalui, diuruskan oleh PBT, kita akan turunkan dia punya kos. Tapi, kos sampingannya akan ada pulak Dato' Yang Dipertua, kos-kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak PBT. Pungut sampah dia, keselamatan dia, macam-macam. Yang

ini kita lepas tangan, akan diurus oleh mereka. Jadi, perlu ada kos jugak bagi persatuan-persatuan ini untuk mengurus pasar-pasar tersebut. Jadi, kita akan kaji Dato' Yang Dipertua, baik buruk dia. Apa saja yang nak kita buat kita akan kaji baik buruk dia.

Walaupun hasrat kita nak melihat supaya ia diambil alih oleh PBT, tetapi ada tempat-tempat yang kadang-kadang kita fikirkan ada baiknya jika persatuan-persatuan yang sedia ada, yang selama ini menguruskan kawasan-kawasan bazar Ramadan mereka diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Itu pandangan kerajaan. Walau bagaimanapun Dato' Yang Dipertua, kita akan pastikan supaya apa saja perubahan, apa saja tindakan yang nak kita ambil, kita akan pastikan kita mengkaji baik buruknya sebelum kita lakukan sesuatu. Dan Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan Mantai Perdana tadi dah dijawab.

Dan, berkenaan dengan *Road To Putrajaya* ini jawapan, ialah, ia dibuat bersama-sama, dibatalkan kerana telah dilaksanakan bersama-sama dengan persatuan, PBSPD, persatuan belia, pejabat, Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Port Dickson bagi memeriahkan Hari Belia Peringkat Negeri di Batu 1, yang amat meriah sekali Dato' Dipertua. Jadi pembatalan ini bukan satu perkara yang mustahil. Pembatalan hari mer, sambutan Hari Merdeka pun kadang-kadang kita boleh batalkan, dan jugak yang lain-lain Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri pun kita batalkan. Inikan pulak main futsal. Dan ada alasan yang diberikan, iaitu ia diadakan bersama-sama semasa kita menyambut hari, Sambutan Belia Peringkat Negeri Sembilan di Port Dickson.

Dato' Yang Dipertua, yakinlah bahawa kerajaan sedia ada akan cuba sedaya-daya, sedaya upaya kita dan kita pastikan supaya apa yang kita buat, kita akan buat yang terbaik untuk rakyat Negeri Sembilan. Tetapi dalam pada itu, saya mintak, kita selaku ahli Yang Berhormat, ahli Yang Berhormat ni nama pun Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, bahasa kita, kita kena jaga. Semua, sama ada kerajaan ataupun pembangkang. Apabila kita mengeluarkan kenyataan, keluarkan kenyataan yang berasas, kenyataan yang mempunyai asas yang kukuh, kenyataan yang berfakta. Gunakan bahasa yang baik. *There's 1001 ways to skin a cat*, kata 'orang putih' dengan izin. Kalaupun kita nak *skin the cat, make sure the cat died without realizing they have been skin*. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, itu hasrat saya. Kerana budi bahasa ini menunjukkan peribadi kita. Orang tua-tua kata "bahasa menunjukkan bangsa". Bangsa ni itulah dia, kalau bangsa apa? Bangsa adalah keturunan. Jika kita nak menunjukkan kepada orang keturunan kita keturunan baik-baik, jagalah bahasa kita. Sekian wassalamualaikum w.b.t.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih pihak kerajaan telah pun menjawab. Untuk, sebelum saya tangguhkan Dewan, Persidangan Dewan kali ini, ada beberapa perkara saya ingat, saya ingin sentuh selaku Yang Dipertua Dewan, untuk beri peringatan kepada semua ahli Dewan-lah. Dua perkara yang ingin saya timbulkan. Yang pertama ialah berkenaan dengan soalan-soalan Dewan. Soalan Dewan untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 63 soalan lisan dan 152 soalan bertulis, yang berjumlah 215. Terdapat beberapa soalan lisan yang tidak menepati aturan yang telah ditetapkan. Saya mintak kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang menghantar soalan tu, kalau ada tak faham, sila berhubung dengan saya-lah, kenapa kita tolak, kenapa kita tidak menerima sebab-sebabnya, jadi mudah untuk pihak ahli-ahli Yang Berhormat tidak melakukan kesilapan yang sama pada masa-masa yang akan datang. Dan kesilapan ini berkemungkinan ketidak pandangan pihak ahli Yang Berhormat atur cara, atur cara yang telah kita tetapkan di dalam menyampaikan soalan-soalan kita.

Yang kedua, yang ingin saya sentuh ahli-ahli Yang Berhormat pada Persidangan Dewan kali ini ialah berkenaan dengan perbahasan. Saya amat tertarik tadi bila kita berbahas, saya ingat boleh habis cepatlah, tapi terpaksa dilambatkan sikit. Saya sebenarnya ada jugak berfikir dan jugak memandangkan sama ada nak berhenti makan dulu, tapi saya fikir ramai di antara ahli Yang Berhormat mungkin fikir kenapa nak tunggu lebih kurang lagi setengah jam punya *extra time*, dengan izin, saya rasakan eloklah kita sambung setengah jam, tak mengapa.

Dan, seorang ahli pulak saya harap sentiasa mengikuti Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap. Sebenarnya dalam peraturan ni, ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak bacakan banyak, saya nak bacakan satu saja yang berkaitan dengan perbahasan kita ialah Peraturan XXI di dalam *sub-division (m)*. "Seorang ahli itu tidak boleh", haa ini saya nak ulang ahli Yang Berhormat ya, "mendatangkan sangkaan-sangkaan yang ti, tiada baik terhadap ahli-ahli yang lain". Sangkaan. Kalau nak ditafsir ini, bila saya dah kata itu sebagai tuduhan, ahli Yang Berhormat mesti tarik sebab saya yang mentafsirnya. Jadi saya katakan itu sebagai tuduhan. Haa, tarik, tarik. Sebab itu haa, saya bertegas tadi, bila saya tafsirkan sebagai tuduhan, harus ditarik. Sebab *the next step is*, saya tak suruh keluarkan, itu, *that's the next step*, kalau tak, tak melanggar apa yang dicadangkan oleh *Speaker* ataupun Yang Dipertua Dewan, *the next step is* kita mintak dikeluarkan. Saya kalau boleh *that is the last resort*-lah, dengan izin. Kalau tak nak buat perkara itu, jadi saya tafsiran ini terserah kepada saya, saya fikirkan bahawa itu sebagai satu tuduhan.

Yang kedua, "menuduh seseorang ahli lain". Haa ini saya katakan tadi ini ternyata dalam kita punya, dalam Peraturan, menggunakan perkataan yang menyakiti hati, itu definasi tuan-tuan, maknanya bila kita dengar, kita kurang senang hatilah. Atau "leka menyebut nama si polan si polan" seperti, nama sayalah kena sebut tadi banyak kali. Tapi saya ni, tuan-tan ataupun ahli-ahli Yang Berhormat antara orang yang paling banyak sabarlah hari ini, ya, jadi saya boleh bersabar tapi saya perlu jugak bertegas dalam semua perkara yang kita bahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat jugak soalan lisan yang tidak sempat dijawab, haa ini akan diberi jawapan secara bertulis. Dan kesempatan ini jugak, saya ingin memberikan ucapan "Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin" sebab kita masih lagi dalam bulan Syawal, dan jugak Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Kali Yang Ke-57 kepada semua yang hadir dalam Persidangan Dewan kita pada kali ini. Saya ucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat jugak, dijemput Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan, wartawan dan semua yang hadir ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jamuan makan tengah hari kita. Dengan kata itu saya menangguhkan Persidangan Dewan ke satu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum w.b.t.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 2.10 petang]